


BITARA PARLIMEN

DEWAN NEGARA & DEWAN RAKYAT





BITARA PARLIMEN

DEWAN NEGARA DAN DEWAN RAKYAT





Buku '**BITARA PARLIMEN: DEWAN NEGARA DAN DEWAN RAKYAT**' ini diterbitkan oleh Parlimen Malaysia:

PARLIMEN MALAYSIA

Bangunan Parlimen

Jalan Parlimen

50680 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel. : +603-2072 1955

Fax : +603-2072 7436

Laman web : www.parlimen.gov.my

Cetakan Pertama 2025

© Parlimen Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya kecuali dengan keizinan bertulis daripada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia.

Maklumat dalam naskhah ini disusun untuk tujuan dokumentasi dan rujukan umum berkaitan sejarah, evolusi, dan fakta institusi Parlimen Malaysia. Segala isi kandungan tidak mewakili pandangan atau pendirian rasmi Parlimen Malaysia atau mana-mana agensi kerajaan. Walaupun usaha telah dibuat bagi memastikan kebenaran dan kesahihannya, namun demikian tiada jaminan dapat diberi bahawa maklumat tersebut sentiasa tepat.

Rekabentuk & Cetakan oleh:

Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.

No.11, Jalan Tun Perak 6,

Taman Tun Perak, 43200 Cheras,

Selangor Darul Ehsan.

Visual Kulit : Mohd Fakhruddin bin Marsim

Visual Dalaman : Zaliya Idawati binti Abu Bakar

Jurufoto : Muhammad Nabil bin Mohd Sani



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
daripada Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-98706-2-3

SIDANG EDITORIAL

BUKU BITARA PARLIMEN: DEWAN NEGARA DAN DEWAN RAKYAT

Penasihat

YBhg. Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman

Ketua Editor

Lavinia Vyveganathan

Penulis

Azreen Haniza binti Abdul Hai

Johari bin Junid

Wan Noorzaleha binti Wan Hasan

Khairil Liza binti Mohd Salleh

Nurrul Saffida binti Kusaini

Mas Liza binti Maslan

Muhammad Anas bin Khairul Anuar

Nuraini binti Ruslan

Pembaca Prof

Zulfa Amirah binti Jubri @ Mohd Zufri

Ahmad Faizal bin Mohd Soaudi

Ahmad Syahir bin Roslan

Norhasliza binti Mohd Razali

Nurul Natasha binti Abdullah

Pereka Grafik

Siti Ainnur Arina binti Latif

Jurufoto

Julie Aziah binti Salim

Mohd Khairul Adnan bin Khalip

Elfin Rizman bin Mohd Soufi

Muhammad Nur Arjunna Putra bin Zulkarnain

Ahmad Afifi bin Ali Badram

Muhammad Helmi Aidil bin Zainuddin

Nurhazirah binti Mohd Amin

Nik Muhammad Alif Daniel bin Rudihani



KANDUNGAN

Sidang Editorial Buku Bitara Parlimen: Dewan Negara dan Dewan Rakyat	
Kata Pengantar Yang di-Pertua Dewan Negara	x
Kata Alu-Aluan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	xiv
Penghargaan Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia	xviii
Nota Ketua Editor	xxiii
PARLIMEN MALAYSIA	
▀ Sejarah Penubuhan Parlimen Malaysia	07
▀ Parlimen Malaysia: Badan Perundangan Tertinggi	10
DEWAN NEGARA	
▀ Pengenalan kepada Dewan Negara	40
▀ Yang di-Pertua Dewan Negara	52
▀ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara	74
▀ Setiausaha Dewan Negara	86
▀ Evolusi Dewan Negara	94
▀ Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara	97
▀ Aturan Majlis Dewan Negara	102
▀ Keunikan Dewan Negara	104
▀ Jubah Yang di-Pertua Dewan Negara	124
DEWAN RAKYAT	
▀ Pengenalan Kepada Dewan Rakyat	138
▀ Yang di-Pertua Dewan Rakyat	140
▀ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	164
▀ Setiausaha Dewan Rakyat	176
▀ Evolusi Dewan Rakyat	186
▀ Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	189
▀ Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat	195
▀ Keunikan Dewan Rakyat	198
▀ Jubah Yang di-Pertua Dewan Rakyat	218
GALERI	234
BIBLIOGRAFI	250
SEKALUNG PENGHARGAAN	251









*K*ATA
PENGANTAR

KATA PENGANTAR YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam hormat.

Saya ingin menzahirkan ucapan tahniah atas garapan usaha untuk menerbitkan korpus ilmiah mengenai kedua-dua dewan yang mulia ini. Sesungguhnya inisiatif pendokumentasian ini adalah usaha penting dalam memastikan jalinan kemampanan ilmu kepada generasi akan datang tidak terputus. Besarlah harapan saya agar naskhah Bitara Parlimen: Dewan Negara dan Dewan Rakyat dapat menyemarakkan pengetahuan mengenai kepentingan dan keunggulan fungsi dan figura-figura Dewan Negara sebagai sebuah mekanisme semak danimbang, bukan sahaja kepada badan eksekutif, tetapi juga kepada Dewan Rakyat.

Parlimen Malaysia mengandungi tiga komponen utama iaitu Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Dewan Negara dan Dewan Rakyat merupakan kebitaraan yang ada dalam institusi legislatif sesebuah negara dalam mendukung prinsip tidak berat sebelah serta berkecuali semasa menguruskan dewan. Dengan izin,

“When the legislative and executive powers are united in the same person, or in the same body of magistrates, there can be no liberty. There is no liberty if the powers of judging are not separated from the legislative and executive. There would be an end to everything, if the same man or the same body were to exercise those free powers. A famous saying on the separation of powers by Montesquieu, a French social commentator and political thinker in 1748.”

Doktrin pengasingan kuasa ini bukan sesuatu yang baharu. Ini merupakan asas kepada Parlimen Malaysia sebagai satu-satunya badan yang meluluskan undang-undang dan dasar negara. Sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-21, saya menyokong penuh usaha murni naskhah penerbitan seperti ini dan berharap ia dapat memberi tunas kepada kelompok penulis pada masa hadapan dari dalam dan luar negara untuk meneruskan kajian penyelidikan dan penulisan ilmiah berkaitan sejarah dan evolusi Parlimen Malaysia khususnya memperkasa dan memartabatkan lagi kedudukan institusi Dewan Negara ini dan Parlimen Malaysia sebagai badan legislatif di Malaysia, seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan.



YB Senator Dato' Awang Beme bin Awang Ali Basah
Yang di-Pertua Dewan Negara

"Tumbuli Berpunca,
Punca Penuhi
Dengan Rafsia,
Tumbuli Tidak
Menunjuk Larwan,
Tumbuli Tidak
Memaut Karwan,
Tetapi Berlengkap
Penuhi Mesta... "



*K*ATA
ALU-ALUAN

KATA ALU – ALUAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam hormat.

Naskah Bitara Parlimen ini merupakan wadah penting untuk mendokumentasikan peranan, pencapaian dan aspirasi Parlimen Malaysia. Buku ini adalah cerminan perjalanan Parlimen menelusuri masa dalam memperkukuh demokrasi berparlimen, memperluas keterlibatan rakyat, membangun kepimpinan belia dan memastikan institusi ini terus relevan dalam menghadapi cabaran semasa.

Parlimen adalah tempat meluluskan undang-undang, medan untuk membina persefahaman, menjunjung prinsip akauntabiliti dan mengangkat suara rakyat. Melalui penerbitan ini, saya berharap ia menjadi sumber inspirasi kepada generasi kini dan akan datang untuk menghargai, memahami dan mempertahankan nilai-nilai murni demokrasi.

Sudah tentu, sebahagian besar kerja dan kelancaran fungsi Parlimen digerakkan oleh pegawai-pegawai yang berdedikasi. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja Parlimen yang terlibat, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, dalam penerbitan buku ini serta memaknai sejarah dan konteks perkembangan Parlimen.

Semoga Bitara Parlimen memperkukuh penghargaan terhadap institusi Parlimen, memperluas pengetahuan ketatanegaraan dan membentuk rakyat yang cakna perlembagaan serta peka akan hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara.



YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul
Yang di-Pertua Dewan Rakyat





*P*ENGHARGAAN

PENGHARGAAN KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam hormat.

Alhamdulillah, pertamanya syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya telah mengizinkan Parlimen Malaysia untuk menerbitkan buku ini dengan penuh jayanya.

Penerbitan **Bitara Parlimen: Dewan Negara dan Dewan Rakyat** adalah untuk memberi pendedahan dan informasi mengenai Parlimen kepada masyarakat awam. Penulisan ini akan mengimbuai kembali setiap detik dan peristiwa bersejarah yang dilalui institusi Parlimen yang menjadi tonggak tertinggi perlembagaan negara.

Penghargaan juga dirakamkan kepada semua pihak yang telah memainkan peranan penting sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penghargaan khusus terutamanya kepada semua agensi kerajaan yang terlibat dalam memberi maklumat yang lengkap dalam penyediaan buku Bitara Parlimen ini. Selain itu, penghargaan juga turut diberikan kepada semua warga Parlimen khususnya Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan, Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat serta Bahagian Komunikasi Korporat yang telah banyak membantu untuk menjayakan penerbitan buku Bitara Parlimen ini.


Pastinya Parlimen Malaysia beriltizam untuk terus meningkatkan usaha dalam memartabatkan badan perundangan tertinggi negara ini melalui perkongsian maklumat yang lebih komprehensif dan terkini. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan sekali lagi serta ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan penerbitan buku ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamuálaikum warahmatullahi wabarakatuh.



YBhg. Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia



The background of the page is a light beige color with a subtle, repeating pattern of stylized floral and leaf motifs. The pattern is more prominent in the upper half and fades towards the bottom. The text is centered in the lower half of the page.

*N*OTA
KETUA EDITOR



NOTA KETUA EDITOR

Parlimen Malaysia lambang kelangsungan sistem demokrasi berparlimen di negara kita. Sebagai badan perundangan tertinggi persekutuan, Parlimen Malaysia memainkan peranan penting dalam penggubalan dan pemindaan undang-undang persekutuan, memantau dasar-dasar Kerajaan, meluluskan peruntukan perbelanjaan negara dan memastikan pengurusan dana awam dilaksanakan secara telus, bertanggungjawab dan berintegriti.

Sistem demokrasi berparlimen di negara ini berpaksikan tiga elemen utama, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat, menjalankan peranan semak dan imbang berdasarkan prinsip pengasingan kuasa Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman. Dalam konteks ini, kuasa Parlimen ialah cerminan suara rakyat, ia menjamin hak, aspirasi dan kepentingan masyarakat sentiasa diberi keutamaan dan terpelihara dalam proses kenegaraan.

Seperti yang pernah ditegaskan oleh **Abraham Lincoln**, “... *democracy is a government of the people, by the people, and for the people*”, ungkapan ini menzahirkan kepentingan penglibatan aktif rakyat dalam mengekalkan kelestarian, kemampanan dan kewibawaan sistem demokrasi berparlimen. Justeru, penerbitan Bitara Parlimen: Dewan Negara dan Dewan Rakyat diterbitkan dengan hasrat memperkasa kefahaman rakyat terhadap institusi Parlimen melalui penceritaan figura-figura utama yang menyumbang secara signifikan perjalanan persidangan Parlimen. Ia turut mengangkat nilai seni serta warisan simbolik yang terpahat dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat.


Penerbitan ini mencerminkan usaha berterusan ke arah transformasi institusi Parlimen Malaysia ke tahap yang lebih dinamik, progresif dan berpandangan jauh, selari dengan aspirasi untuk meletakkan Parlimen kita sebagai rujukan utama di peringkat serantau dan antarabangsa. Ia juga membawa evolusi penambahbaikan oleh kedua-dua dewan yang mulia ini dalam mencartakan kedudukan Parlimen Malaysia di peta dunia, sekali gus memperkukuhkan keupayaannya sebagai institusi legislatif yang berwibawa dan bertaraf global.

Adalah menjadi harapan agar Bitara Parlimen: Dewan Negara dan Dewan Rakyat dapat memberikan pengertian serta menjadi sumber rujukan kepada semua lapisan masyarakat. Semoga penerbitan ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam, rasa penghargaan yang lebih tinggi, serta pembinaan jati diri warganegara yang cakna dan peka terhadap peranan Parlimen Malaysia dalam mencorak masa depan Malaysia.

Sekian, salam hormat.

Lavinia Vyveganathan





*P*ARLIMEN
MALAYSIA


PENDAHULUAN

Institusi Parlimen memainkan peranan yang sangat penting dalam pentadbiran sesebuah negara. Selaku sebuah institusi yang menerima mandat secara langsung daripada rakyat, Parlimen bertanggungjawab untuk merangka, membahaskan, dan meluluskan Undang-undang yang berkait rapat dengan kepentingan negara dan keperluan masyarakat seperti keselamatan, ekonomi, pendidikan, kesihatan, sosial dan lain-lain. Proses penggubalan Undang-undang yang melibatkan perdebatan di Parlimen dilaksanakan bagi memastikan Rang Undang-undang yang dicadangkan benar-benar dipertimbangkan sewajarnya. Ini penting agar pelbagai suara dan kepentingan masyarakat didengar serta diambil kira dalam proses membuat keputusan. Melalui perbahasan di Parlimen, masyarakat juga berupaya mendapatkan maklumat tentang keputusan politik dan dasar yang sedang dibincangkan atau dilaksanakan, seterusnya meningkatkan kesedaran politik dan pengetahuan rakyat mengenai isu-isu penting, serta mendorong penglibatan mereka yang lebih progresif dalam proses demokrasi.

Parlimen merupakan mekanisme semak dan imbang terhadap tindakan dan dasar Kerajaan. Ini termasuk menyemak pelaksanaan dasar dan memastikan cabang Eksekutif bertindak mengikut undang-undang serta melindungi kepentingan rakyat berdasarkan mandat yang diterima. Kuasa ini membantu mencegah daripada berlakunya penyalahgunaan kuasa dan memastikan akauntabiliti Kerajaan.

Bagi memastikan pengurusan kewangan negara dilaksanakan dengan cekap dan amanah, institusi Parlimen turut diberikan kuasa untuk meluluskan belanjawan negara, termasuk menentukan bagaimana dana awam dibelanjakan dan memantau perbelanjaan Kerajaan.

Institusi Parlimen juga berperanan dalam mendukung keharmonian politik negara. Proses dan amalan demokrasi yang baik membolehkan peralihan kuasa yang aman dan terkawal. Sekiranya berlaku krisis politik, Parlimen memainkan peranannya dalam mengekalkan kestabilan politik melalui undi tidak percaya atau resolusi. Ini sedikit sebanyak membantu mengelakkan ketegangan yang boleh berlaku akibat ketidakstabilan pemerintahan.



SEJARAH PENTADBIRAN NEGARA

Sebelum penubuhan institusi Parlimen di Malaysia, sistem pentadbiran negara ini telah melalui beberapa peringkat yang berkait rapat dengan sejarah pemerintahan tempatan dan era kolonial.

ERA KESULTANAN MELAYU MELAKA

Sistem pemerintahan yang strategik telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Semasa itu ianya merupakan sebuah kerajaan Melayu yang berpengaruh di rantau ini. Kerajaan Melayu Melaka terkenal dengan sistem pemerintahan yang teratur, di mana Sultan merupakan ketua negara dan dibantu oleh beberapa penasihat dalam urusan negeri seperti pentadbiran, ekonomi, ketenteraan, undang-undang dan hubungan luar.

Tadbir urus pada zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah berdasarkan undang-undang sedia ada pada masa itu seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Pemerintahan zaman Kesultanan Melayu Melaka turut diperkukuh dengan menekankan ajaran agama Islam, di mana Raja diangkat sebagai ketua agama dan sumber rujukan undang-undang. Antara tanggungjawab lain Raja-raja Melayu pada ketika itu termasuklah mempertahankan adat dan struktur masyarakat Kerajaan Melayu. Keabsahan bagi semua tindakan terletak pada kedaulatan Raja-raja Melayu. Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka juga menjadi pelopor kepada tradisi dan adat istiadat yang diwarisi oleh Kerajaan Melayu negeri-negeri lain.

ERA PENJAJAHAN

Selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511, sistem undang-undang baharu diperkenalkan berdasarkan pemerintahan kolonial yang dikendalikan oleh Gabenor dari Portugal. Melaka berfungsi sebagai pusat perdagangan dan kubu pertahanan strategik.

Seterusnya, Belanda mengambil alih Melaka daripada Portugis pada tahun 1641 dan menguasai kawasan tersebut sehingga akhir abad ke-18. Pentadbiran Belanda juga dikendalikan oleh Gabenor dan Majlis Belanda yang memantau aktiviti perdagangan dan pentadbiran. Seperti mana Portugis, sistem pentadbiran Belanda lebih berfokus pada pengurusan perdagangan dan perlindungan wilayah daripada ancaman luar.

Bermula tahun 1786 dengan Pulau Pinang diikuti dengan Melaka pada tahun 1795 dan Singapura pada tahun 1819. British mula menguasai Tanah Melayu secara beransur-ansur. British juga mula campur tangan dalam hampir semua urusan pentadbiran Tanah Melayu di bawah Raja-raja Melayu dan pembesar-pembesar negeri. Namun, British masih berhadapan dengan kesukaran.

British kemudian menggabungkan negeri-negeri Melayu di bawah sistem pentadbiran Gabenor yang dimulai dengan penubuhan Negeri-Negeri Selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Seterusnya, Sistem Residen dan Sistem Penasihat diperkenalkan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dimana kuasa Raja hanya tertumpu pada urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu manakala British mengambil alih pentadbiran negeri.

Bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, pentadbiran tetap dilaksanakan oleh pembesar yang dilantik oleh Raja Melayu manakala British hanya berperanan sebagai penasihat. Perbezaan utama antara Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu adalah dari aspek struktur pentadbiran, tahap campur tangan British dan kuasa autonomi yang diberikan kepada negeri-negeri tersebut di mana Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu memiliki lebih banyak autonomi.

Ketika Tanah Melayu dijajah oleh Jepun selepas mengalahkan British pada tahun 1941, sistem pemerintahan tentera telah diperkenalkan. Kedudukan Raja-Raja Melayu masih kekal diiktiraf sebagai ketua dalam hal-ehwal Islam dan adat Melayu namun diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun yang ditugaskan di Tanah Melayu.

ERA KOLONIAL

Selepas kekalahan Jepun semasa Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, British kembali mentadbir Tanah Melayu melalui pengenalan *British Military Administration* (BMA). Pentadbiran ini bertujuan untuk mengembalikan kepercayaan rakyat tempatan kepada British serta kestabilan dan pembangunan Tanah Melayu.

Sistem BMA kemudiannya diganti dengan Gagasan Malayan Union pada tahun 1946 yang bertujuan untuk menyatukan Tanah Melayu

daripada aspek urusan pentadbiran, ekonomi, dan sosial di bawah satu pemerintahan pusat yang diketuai oleh Gabenor British. Secara tidak langsung penubuhan tersebut bertujuan meningkatkan pengaruh dan kawalan British di Tanah Melayu. Namun, cubaan untuk melaksanakan Gagasan Malayan Union menghadapi tentangan daripada pelbagai pihak, termasuk Institusi Diraja Melayu dan orang Melayu sendiri. Bantahan ini dibuat kerana Gagasan *Malayan Union* dilihat sebagai usaha untuk mengurangkan kuasa, kedudukan dan hak keistimewaan Raja-Raja dan orang Melayu dan akhirnya, gagasan ini dibubarkan.

ERA MENUJU KEMERDEKAAN

Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan hasil gabungan sembilan buah Negeri Melayu dan dua buah Negeri Selat kecuali Singapura yang kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan. Persekutuan Tanah Melayu masih berada di bawah pemerintahan British dengan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British yang memegang kuasa eksekutif dalam mengawal dasar luar dan pertahanan, selain mempunyai pengaruh besar dalam urusan pentadbiran dalam negeri.

Di bawah pemerintahan British, Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan sebagai platform perbincangan isu negeri-negeri dan proses perundangan melalui perwakilan. Penubuhan ini merupakan perintis ke arah penubuhan institusi berparlimen selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Penglibatan rakyat dalam proses membuat keputusan pula diterjemahkan melalui Pilihan Raya Umum Tanah Melayu yang pertama pada tahun 1955.

Kedudukan Institusi Diraja pula lebih dihormati dengan pembentukan Majlis Raja-Raja yang masih mengekalkan peranan mereka sebagai ketua negeri meskipun dengan kuasa yang terhad dalam konteks pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Penubuhan ini merupakan satu fasa penting dalam proses

menuju kemerdekaan dan memberi asas kepada tadbir urus negara yang lebih teratur dan matang.

la juga merupakan sebuah evolusi yang penting dalam sejarah sistem pentadbiran negara, dari sebuah sistem pentadbiran kolonial kepada sistem demokratik yang moden.



Bangunan Pejabat Jabatan Kerja Raya yang terletak di Jalan Tun Ismail, (dahulunya dikenali sebagai Maxwell Road) Kuala Lumpur merupakan lokasi persidangan Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu.

Di antara tempoh penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan dan kemerdekaan Tanah Melayu, beberapa transisi yang kritikal telah berlaku ke arah pembentukan Kerajaan sendiri, seperti penubuhan sistem pilihan raya, pembentukan parti gabungan merentasi kaum, pengenalan Sistem Ahli selain penubuhan Suruhanjaya Reid pada tahun 1956 untuk penyediaan perlembagaan baharu yang menjadi asas kepada sebuah negara yang merdeka. Laporan Reid memainkan peranan penting dalam pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan memastikan struktur yang sesuai diterapkan dalam sebuah negara yang baru merdeka.

Dengan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, institusi Parlimen yang diwarisi daripada British adalah berasaskan sistem Westminster. Sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan demokrasi juga diperkenalkan, dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan Perdana Menteri sebagai ketua Kerajaan. Selain menggariskan beberapa perkara seperti peruntukan untuk perlindungan hak-hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan serta pembahagian kuasa antara Kerajaan pusat dan negeri-negeri, Laporan Reid turut menyumbang kepada pembentukan identiti nasional dengan pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

ERA PENUBUHAN MALAYSIA

Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 merupakan peristiwa yang amat bermakna dalam lipatan sejarah negara kerana ia telah mengubah senario politik negara. Penubuhan Malaysia adalah penyatuan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

Hasrat penubuhan tersebut telah disuarakan oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Singapura pada 27 Mei 1961. Ia didorong oleh idea bahawa penyatuan ini akan menstabilkan politik, memajukan ekonomi dan memperkasakan pertahanan. Cadangan ini diterima baik oleh pemimpin-pemimpin tempatan dan pihak British, yang melihat penyatuan ini sebagai langkah untuk memastikan kestabilan di rantau ini.

Sebuah Suruhanjaya yang dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan pada tahun 1962. Penubuhan ini berfungsi untuk menilai sokongan penduduk di Sabah dan Sarawak kepada cadangan penubuhan Malaysia. Hasil tinjauan oleh Suruhanjaya Cobbold menunjukkan bahawa majoriti penduduk di kedua-dua negeri ini menyokong penyatuan dengan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat kebimbangan yang signifikan mengenai pengurangan autonomi dan hak-hak tempatan. Beberapa syor telah dibentangkan oleh Suruhanjaya Cobbold untuk melindungi dan mengiktiraf autonomi, hak-hak istimewa serta kepentingan Sabah dan Sarawak dalam struktur persekutuan Malaysia. Ia turut melibatkan jaminan bahawa negeri-negeri tersebut akan mempunyai perwakilan dan suara dalam hal-hal yang mempengaruhi mereka secara langsung. Susulan daripada itu, Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) ditubuhkan pada bulan Ogos 1962 untuk memuktamadkan syor-syor yang dibangkitkan dalam laporan Suruhanjaya Cobbold.

Pada 9 Julai 1963, upacara menandatangani dokumen perjanjian penubuhan Persekutuan Malaysia telah berlangsung di Pejabat Perhubungan Komanwel, London. Pada awalnya, tarikh penubuhan Malaysia ditetapkan pada 31 Ogos 1963. Namun, laporan Setiausaha Bangsa-Bangsa Bersatu hanya dapat dimuktamadkan pada 14 September 1963, penubuhan Malaysia pada tarikh yang dirancang tersebut terpaksa ditangguhkan. Pada 16 September 1963, Malaysia secara rasmi diisytiharkan sebagai negara baru. Pengisytiharan ini menandakan penubuhan Persekutuan Malaysia, yang menggabungkan Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Singapura. Pada 9 Ogos 1965 Singapura meninggalkan Malaysia dan menjadi sebuah negara merdeka.


SEJARAH PENUBUHAN PARLIMEN MALAYSIA

Susulan daripada pilihan raya umum yang pertama selepas negara mencapai kemerdekaan, Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Pertama Persekutuan Tanah Melayu telah bersidang pada 11 September 1959 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Ia menandakan bermulanya sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di tanah air yang merdeka.

Aturan Urusan Mesyuarat yang pertama ialah pemilihan Yang di-Pertua bagi kedua-dua Dewan tersebut, diikuti dengan majlis mengangkat

sumpah oleh kesemua 38 Ahli Dewan Negara dan 104 Ahli Dewan Rakyat.

Pada asalnya dewan tersebut merupakan kediaman Encik Eu Tong Sen, seorang pelombong dan pengusaha ladang getah yang kaya dan terkenal di Kuala Lumpur. Ia telah diubah suai oleh tukang-tukang atau 'master builders' yang diupah khas untuk menjadikan kediaman tersebut sebagai dewan persidangan.



Bangunan Malaysia Tourism Centre (MATIC) pada ketika ini adalah merupakan lokasi persidangan Parlimen negara pertama.



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad menyampaikan Titah Diraja di Istiadat Pembukaan Parlimen Pertama yang diadakan pada 11 September 1959 di Dewan Tunku Abdul Rahman.



Keratan Penyata Rasmi bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara bertarikh 11 September 1959 berkaitan pemilihan Tuan Yang di-Pertua bagi kedua-dua Dewan.

Pada tanggal 16 September 1963, Malaysia telah terbentuk apabila Sabah, Sarawak dan Singapura menjadi sebahagian daripadanya. Dewan Rakyat ketika itu dianggotai oleh 159 orang ahli iaitu 104 orang dari Tanah Melayu, 16 orang dari Sabah, 24 orang dari Sarawak serta 15 orang dari Singapura. Manakala Dewan Negara pula mempunyai 50 orang ahli iaitu 28 orang mewakili 14 Dewan Undangan Negeri dan 22 orang yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Berikutan itu, nama Parlimen Persekutuan Tanah Melayu telah bertukar kepada Parlimen Malaysia. Tarikh tersebut juga mencatat satu lagi sejarah penting apabila persidangan Parlimen diadakan di bangunan baharunya sendiri yang tersergam indah dalam kawasan Taman Tasik dan ianya kekal hingga ke hari ini.

Pembinaan bangunan Parlimen Malaysia sebagai institusi legislatif tertinggi negara ini merupakan idea dan pandangan daripada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Ketiga, Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail telah mencemar duli merasmikan pembukaan bangunan pada 2 November 1963.



Bangunan dan lanskap awal Parlimen Malaysia

Parlimen Malaysia: BADAN PERUNDANGAN TERTINGGI

Sistem demokrasi berparlimen merupakan satu bentuk pentadbiran di mana kuasa legislatif dijalankan oleh institusi parlimen yang terdiri daripada wakil rakyat yang dipilih secara langsung dan diberikan mandat oleh rakyat. Sistem parlimen berakar umbi daripada tradisi perwakilan yang bermula di Eropah, khususnya di Britain.

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Salah satu ciri sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia ialah pembahagian kuasa kepada tiga buah cabang pentadbiran iaitu Legislatif, Kehakiman dan Eksekutif, seperti mana yang diperuntukkan oleh Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan.

Fungsi Parlimen selaku badan perundangan bagi Kerajaan Persekutuan adalah untuk menggubal undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di seluruh negara, menjadikan ia sebagai sebuah institusi legislatif tertinggi negara. Selain meluluskan rang undang-undang, ia juga

bertanggungjawab membuat pindaan kepada undang-undang sedia ada, mengawasi dasar Kerajaan serta meluluskan perbelanjaan. Parlimen juga berfungsi sebagai platform untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan awam.

Untuk memastikan Parlimen dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sepenuhnya dan berkesan, Perlembagaan memberikan beberapa hak dan pengecualian yang dikenali sebagai "Keistimewaan Ahli-ahli Parlimen." Kedua-dua Dewan mempunyai kuasa untuk mengawal tataranya sendiri dan mempunyai kuasa mutlak terhadap prosiding mereka, yang tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Selain itu, setiap Dewan boleh mengenakan hukuman bagi pelanggaran keistimewaan atau menghina dewan tersebut. Secara umum, Ahli Dewan menikmati imuniti daripada prosiding sivil dan jenayah berkaitan dengan perkara yang dibahaskan dalam sesi Parlimen.



TERMINOLOGI DAN MAKSUDNYA

Terminologi	Maksud
Penggala Parlimen	Secara umumnya, “penggal” adalah tempoh permulaan sidang Parlimen hingga penghujung persidangan pada setiap tahun.
Mesyuarat	Mesyuarat adalah persidangan Majlis yang bermula dari persidangan pertama apabila ia dipanggil pada bila-bila masa untuk bersidang dan berakhir setelah Majlis ditangguhkan selama lebih dari 14 hari atau apabila tarikh untuk persidangan berikutnya tidak ditetapkan atau setelah penggal Parlimen diprorog.
Persidangan	<p>Persidangan merujuk kepada mesyuarat Majlis. Persidangan bermula dan berakhir pada waktu yang ditetapkan di bawah Peraturan Mesyuarat, kecuali dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua atau diubah dengan Usul oleh Menteri.</p> <p>Persidangan Majlis adalah satu hari mesyuarat yang bermula pada pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan disambung semula pada pukul 2.30 petang hingga 5.30 petang.</p>
Prorog	Prorog adalah tamatnya satu penggal Parlimen untuk digantikan dengan penggal yang berikutnya.
Pembubaran	Pembubaran Parlimen adalah berdasarkan kepada Fasal (3) Perkara 55, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Parlimen boleh dibubarkan selepas 5 tahun dari tarikh Mesyuarat Pertama atau pada bila-bila masa yang lebih awal.







STRUKTUR PARLIMEN MALAYSIA

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi Parlimen secara *bicameral* (dwidewan) berasaskan sistem Westminster sejak tahun 1959. Parlimen Malaysia terdiri daripada tiga buah komponen utama iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.



SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG



DEWAN NEGARA



DEWAN RAKYAT



SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Menurut Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang kedudukannya mengatasi semua orang lain di Persekutuan Malaysia. Perlembagaan mengangkat kedudukan Yang di-Pertuan Agong pada tempat istimewa dan eksklusif berpandukan prinsip Raja Berperlembagaan yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja dalam kalangan sembilan Raja Melayu secara bergilir-gilir setiap lima tahun.

Sebagai ketua negara, Yang di-Pertuan Agong mempunyai peranan yang sangat besar terhadap tiga cabang pentadbiran negara iaitu eksekutif, legislatif dan kehakiman. Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan secara jelas memperuntukkan kuasa eksekutif terletak pada Yang di-Pertuan Agong. Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan pula menggariskan bahawa fungsi Baginda di bawah Perlembagaan perlulah dilaksanakan atas nasihat Jemaah Menteri. Namun, Perlembagaan Persekutuan juga turut menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh menggunakan kuasa Baginda menurut budi bicaranya dalam hal-hal tertentu.

Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hanya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sahaja boleh memanggil Parlimen untuk bersidang. Baginda juga mempunyai kuasa untuk menghentikan atau pun membubarkan Parlimen. Justeru, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan oleh Perlembagaan untuk menetapkan persidangan Parlimen bermesyuarat pada satu tarikh yang tidak lewat dari 120 hari dari tarikh Parlimen dibubar.



Sebagai sebuah negara Komanwel yang mewarisi sistem Westminster, tradisi menyampaikan Titah Diraja merupakan suatu hak prerogatif Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara menurut Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan. Hak ini juga dinyatakan jelas dalam Perkara 60 Perlembagaan Persekutuan iaitu:

“ Yang di-Pertuan Agong boleh bertitah kepada mana-mana satu Majlis Parlimen atau kedua-dua Majlis Parlimen bersesama. ”

Titah Diraja merupakan turutan ketiga dalam senarai Aturan Urusan Mesyuarat selepas Proklamasi Diraja memanggil Parlimen bersidang, pemilihan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan serta upacara mengangkat sumpah oleh Ahli-ahli Parlimen. Dengan kedudukannya khusus sebagai ucapan dasar oleh Ketua Utama Negara tentang dasar-dasar dan pencapaian semasa Kerajaan. Titah Diraja dibahas selama 12 hingga 13 hari di Dewan Rakyat dan Dewan Negara melalui suatu usul yang dinamakan ‘Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong’, untuk Ahli Dewan menyokong usul tersebut.

Titah Diraja pertama kalinya dititah pada 12 September 1959 oleh Almarhum Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pertama Persekutuan Tanah Melayu.

Secara ringkasnya, Titah Diraja ialah pengumuman dasar-dasar Kerajaan bagi menerangkan rancangan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan serta dasar-dasar baharu yang akan dilaksanakan pada penggal Parlimen yang baharu. Titah Diraja merupakan sumber substantif dan cerminan prinsip dan hala tuju perjalanan negara. Titah-titah Diraja merupakan rujukan asas arus pembangunan negara bermula dari awal kemerdekaan Tanah Melayu hingga terkini.





DEWAN NEGARA

Dalam sistem Parlimen bicameral terdapat dua buah dewan utama, yang biasanya terdiri daripada *Upper House* dan *Lower House*. Rujukan kepada *Upper House* adalah berbeza mengikut negara masing-masing dan mencerminkan pelbagai tradisi serta sistem politik yang berbeza di seluruh dunia. *Upper House* di Malaysia dikenali sebagai Dewan Negara. Manakala perbezaan nama-nama *Upper House* bagi beberapa buah negara adalah seperti berikut:

Negara	Panggilan / <i>Upper House</i>
Malaysia	Dewan Negara
United Kingdom	House of Lords
Kanada dan Australia	Senate
Jerman	Bundesrat
India	Rajya Sabha
Itali	Senato della Repubblica (the Senate of the Republic)

Dewan Negara merupakan komponen kedua dalam Parlimen Malaysia selepas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan merupakan Majlis Tertinggi. Dewan Negara berperanan sebagai penggubal undang-undang yang membahaskan dengan lebih terperinci dan teliti sebagai lapisan kedua untuk memastikan tiada satu pihak sahaja (Dewan Rakyat) yang menguasai proses penggubalan undang-undang. Pada masa yang sama, kewujudan Dewan Negara turut berperanan bagi membolehkan wakil-wakil negeri berada dalam proses penggubalan undang-undang negara untuk mewakili kepentingan setiap negeri.

Seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan, Dewan Negara hendaklah dianggotai 70 orang ahli yang dikenali sebagai Senator. Keanggotaan tersebut hendaklah terdiri daripada 26 orang Ahli yang dipilih dari 13 buah negeri iaitu dua orang wakil dari setiap negeri. Manakala 44 orang ahli lagi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong termasuk dua dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, satu dari Wilayah Persekutuan Putrajaya dan satu dari Wilayah Persekutuan Labuan.

Senator-senator yang dipilih merupakan individu-individu yang telah menyumbang khidmat cemerlang kepada negara melalui profesion masing-masing seperti dalam bidang kesenian, perdagangan, industri, pertanian dan sebagainya serta wakil kumpulan atau golongan minoriti yang menjaga kepentingan kumpulan tersebut seperti golongan kurang upaya dan kaum Orang Asli.

KRITERIA CALON AHLI DEWAN NEGARA



DEWAN NEGARA

Warganegara
Malaysia

Berumur tidak kurang
daripada 30 tahun

Sempurna
akal

Tidak muflis

Ahli Dewan Negara (Senator) akan memegang jawatan selama tiga tahun iaitu satu penggal dan tidak terbatal keahlian dengan pembubaran Parlimen. Tempoh maksimum perkhidmatan Ahli Dewan Negara adalah enam tahun atau dua penggal.

Senator boleh berhenti daripada menjadi Ahli dengan menulis surat kepada Yang di-Pertua Dewan Negara. Sekiranya seseorang Ahli tidak hadir dalam setiap majlis mesyuarat Dewan Negara selama tempoh enam bulan tanpa kebenaran, maka Dewan boleh mengosongkan kerusi ahli tersebut. Jika berlaku kekosongan, ia hendaklah diisi mengikut syarat-syarat yang terkandung dalam Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan.

Setiap Ahli Dewan Negara hendaklah mengangkat sumpah bahawa mereka akan taat menjalankan tugas-tugas mereka sebagai Ahli dan taat setia kepada negara serta mematuhi, menjaga dan mempertahankan Perlembagaan.





DEWAN RAKYAT

Seperti mana Dewan Negara, rujukan bagi *Lower House* juga adalah berbeza mengikut negara di seluruh dunia. Istilah *Lower House* di Malaysia merujuk kepada Dewan Rakyat. Berikut adalah contoh perbezaan istilah nama *Lower House* bagi beberapa buah negara lain:


Negara	Panggilan / <i>Lower House</i>
Malaysia	Dewan Rakyat
United Kingdom dan Kanada	House of Commons
Australia	House of Representatives
Jerman	Bundestag
India	Lok Sabha
Itali	Camera dei deputati (Chamber of Deputies)

Berbeza dengan Dewan Negara, kesemua Ahli Dewan Rakyat dilantik bagi tempoh lima tahun secara langsung oleh rakyat melalui Pilihan Raya Umum. Parti yang memperoleh kerusi majoriti akan membentuk kerajaan Persekutuan bagi mentadbir negara. Setiap ahli mewakili satu kawasan Parlimen. Kawasan ini ditentukan melalui persempadanan kawasan pilihan raya yang dijalankan setiap lapan tahun sekali setelah dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Persempadanan semula kawasan ini hanya boleh diluluskan di Dewan Rakyat dengan mendapat sokongan daripada sekurang-kurang dua pertiga Ahli-ahli Dewan. Buat masa ini, keanggotaan Ahli Dewan Rakyat adalah seramai 222 orang.

Ahli Dewan Rakyat tidak boleh mewakili dua buah kawasan Dewan Rakyat atau menjadi Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat dalam tempoh waktu yang sama, atau menjadi Ahli Dewan Negara mewakili dua buah negeri atau menjadi Ahli Dewan Negara secara pelantikan dan pilihan dalam tempoh waktu yang sama.



KRITERIA CALON AHLI DEWAN RAKYAT



Berbeza dengan Senator, keahlian Dewan Rakyat akan tamat apabila Parlimen dibubarkan. Walau bagaimanapun, seperti mana Senator, Ahli Dewan Rakyat boleh melepaskan keahlian dengan menulis surat kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Kelayakan sebagai Ahli Parlimen juga akan terbatal seperti yang dinyatakan dalam Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya Ahli Dewan Rakyat hilang kelayakan sebagai seorang Ahli Dewan atau kerusi itu dikosongkan akibat kematian, satu pilihan raya bagi memilih wakil baharu dari kawasan yang terlibat perlu dianjurkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berdasarkan peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.



PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG

PENGENALAN

Parlimen Malaysia melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara mempunyai kuasa perundangan tertinggi dalam negara bagi menggubal undang-undang seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Penggubalan undang-undang merupakan proses penting dalam sesebuah negara, yang bertujuan memastikan keadilan dan ketertiban dalam masyarakat. Antara matlamat utama penggubalan undang-undang adalah bagi melindungi hak asasi individu, mengawal tingkah laku masyarakat dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan awam.

Penggubalan undang-undang juga mencerminkan respons Kerajaan terhadap isu semasa dan perubahan dalam masyarakat. Aspek penglibatan rakyat juga dilihat di mana dengan adanya perbahasan oleh Ahli Parlimen yang dilantik, suara dan kepentingan rakyat turut dapat diwakili dan dipertimbangkan.

PROSES PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG

Proses penggubalan undang-undang merupakan proses yang teliti. Ini bagi memastikan kepentingan negara dan masyarakat terpelihara.

Cadangan undang-undang yang masih dalam peringkat penggubalan dirujuk sebagai Rang Undang-undang (RUU).

Secara ringkasnya, proses sebelum RUU dibawa ke Parlimen Malaysia adalah seperti berikut:

- i Sebelum mana-mana RUU dibawa masuk ke Parlimen, Menteri yang bertanggungjawab perlu menetapkan dasar-dasar yang hendak dikanunkan dalam RUU tersebut.
- ii Seterusnya, Menteri perlu berunding dengan Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat dan pandangan mengenai natijah dan implikasi dari segi undang-undang dan Perlembagaan Malaysia.
- iii Dasar-dasar tersebut dibawa kepada Majlis Jemaah Menteri untuk memohon pertimbangan bagi mengadakan sesi libat urus. Sesi ini melibatkan rundingan dan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan seperti organisasi bukan Kerajaan, ahli pakar akademik, pihak industri, orang awam dan sebagainya.
- iv Setelah sesi libat urus bagi membincangkan dasar selesai, Menteri perlu meminta kelulusan daripada Majlis Jemaah Menteri supaya dasar-dasar itu digubal menjadi RUU.
- v Jabatan Peguam Negara akan membantu dalam penyediaan draf RUU. Draft RUU itu perlu melalui satu sesi libat urus bersama pihak berkepentingan untuk diperhalusi.

- vi Sekiranya tiada halangan daripada Majlis Jemaah Menteri, Menteri bertanggungjawab sekali lagi perlu meminta kebenaran daripada Majlis Jemaah Menteri untuk membawa masuk RUU ke Parlimen Malaysia.
- vii Menteri bertanggungjawab boleh membentangkan RUU di Majlis Parlimen dengan mengeluarkan pemberitahuan sekurang-kurangnya satu hari sebelum bacaan pertama.


Di peringkat Parlimen, proses penggubalan undang-undang ini adalah tertakluk kepada peraturan tertentu seperti yang ditetapkan dalam bab lima Perlembagaan Persekutuan iaitu Tatacara Perundangan di bawah Perkara 66.

Tertakluk pada perkara 67 Perlembagaan Persekutuan, sesuatu undang-undang boleh bermula sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Negara kecuali RUU yang berkaitan dengan kewangan.


Proses meluluskan undang-undang secara ringkasnya hendaklah melalui beberapa proses di kedua-dua Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara iaitu bacaan kali pertama, bacaan kali kedua, peringkat jawatankuasa dan bacaan kali ketiga. Ilustrasi proses penggubalan RUU di peringkat Parlimen dapat dilihat melalui rajah di bawah.



PEMBENTANGAN RUU BERMULA DARI DEWAN RAKYAT



PEMBENTANGAN RUU BERMULA DARI DEWAN NEGARA



JENIS RANG UNDANG-UNDANG

RUU yang diperkenalkan di Parlimen Malaysia dibahagikan kepada RUU Kerajaan, RUU Ahli Persendirian, RUU Persendirian dan RUU Hibrid atau Campuran.

Jadual memperincikan empat jenis RUU yang boleh dicadangkan untuk dibawa oleh Majlis Parlimen.

Bil	Jenis RUU Parlimen	Huraian
1.	Rang Undang-undang Kerajaan (Public Bills)	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan keseluruhan undang-undang berhubung dasar awam, negara dan rakyat. • Dibentangkan oleh Kerajaan.
2.	Rang Undang-undang Persendirian (Private Bills)	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan orang atau kumpulan. • Berfokuskan kepada isu tempatan dan persendirian. • Tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 50
3.	Rang Undang-undang Ahli Persendirian (Private Members Bills)	<ul style="list-style-type: none"> • Meliputi seluruh negara atau pihak tertentu sahaja. • Dibentangkan oleh Ahli Dewan Rakyat selain Menteri dan timbalannya. • Tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1) dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
4.	Rang Undang-undang Hibrid	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberitahuan perlu dibuat melalui pengisytiharan warta Kerajaan sebulan terlebih dahulu sebelum dikemukakan melalui usul kepada Dewan Rakyat. • Sekiranya usul disetujui akan dikira sebagai bacaan kali pertama. • Tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 50.

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat menjelaskan perbezaan syarat dan proses bagi setiap jenis Rang Undang-undang ini untuk diperkenalkan dalam sesebuah Majlis Parlimen. Namun begitu, sepanjang sejarah Parlimen sejak institusi ini mula dibentuk, hanya Rang Undang-undang Kerajaan yang pernah melalui keseluruhan proses untuk diluluskan menjadi Undang-undang.

Keterangan terperinci mengenai proses meluluskan RUU adalah seperti jadual di bawah.

Perkara	Keterangan
Rang Undang-undang	<p>Satu pemberitahu hendaklah dikemukakan bagi tujuan membentangkan sesuatu RUU di mana-mana Majlis Parlimen.</p>
Bacaan Kali Pertama	<p>Ahli membentangkan RUU dengan membaca tajuk pendek RUU, "Saya memohon mengemukakan Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019".</p> <p>Setiasaha Dewan seterusnya membaca tajuk panjang RUU berkenaan, "Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan untuk penderma makanan ...". RUU berkenaan dianggap telah dibaca buat kali pertama, dan seterusnya ditentukan waktu Bacaan Kali Kedua akan dilakukan. Bacaan Kali Kedua bagi sesuatu RUU hanya boleh dilakukan sehari selepas Bacaan Kali Pertama, kecuali bagi RUU yang berkaitan dengan kewangan.</p>
Bacaan Kali Kedua	<p>Ahli membentangkan RUU dengan membaca tajuk pendek RUU, "Saya memohon mengemukakan Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019".</p> <p>Setiasaha Dewan seterusnya membaca tajuk panjang RUU berkenaan, "Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan untuk penderma makanan ...". RUU berkenaan dianggap telah dibaca buat kali pertama, dan seterusnya ditentukan waktu Bacaan Kali Kedua akan dilakukan. Bacaan Kali Kedua bagi sesuatu RUU hanya boleh dilakukan sehari selepas Bacaan Kali Pertama, kecuali bagi RUU yang berkaitan dengan kewangan. Bacaan Kali Kedua: Ahli membaca tajuk panjang RUU serta menerangkan objektif dan kandungan RUU berkenaan³. Seterusnya, perbahasan dilakukan terhadap prinsip-prinsip am dan merit RUU berkenaan. Undian terhadap RUU pada peringkat ini dilakukan secara majoriti mudah (undi dengan suara atau belah bahagian). RUU yang melibatkan pindaan terhadap Perlembgaan Persekutuan memerlukan dua pertiga majoriti undian. Sekiranya diluluskan, RUU akan dibawa ke peringkat seterusnya dan sekiranya gagal, RUU akan terhenti setakat peringkat ini. RUU dianggap telah dibaca buat kali kedua apabila Setiasaha membaca tajuk panjang RUU berkenaan, "Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan untuk penderma makanan...", iaitu selepas RUU disetujui dalam pengundian.</p>

Perkara	Keterangan
<p>Peringkat Jawatankuasa</p>	<p>Perbahasan RUU pada peringkat jawatankuasa bersifat teknikal dan spesifik pada setiap fasal dan jadual yang terkandung dalam RUU berkenaan. Bagi tujuan ini, RUU diserahkan kepada Jawatankuasa Majlis, iaitu apabila Majlis bersidang sebagai satu jawatankuasa, Cokmar diturunkan dari posisi asal dan Yang di-Pertua dipanggil sebagai Pengerusi. Setelah semua fasal dan jadual dibahas dan diundi, RUU berkenaan dimaklumkan kepada Majlis dan mesyuarat akan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.</p>
<p>Bacaan Kali Ketiga</p>	<p>Proses pengundian bagi meluluskan RUU pada peringkat ini adalah bersamaan dengan proses pada peringkat Bacaan Kali Kedua. Ahli membacakan tajuk panjang RUU dan memaklumkan Majlis bahawa RUU berkenaan telah dipersetujui pada peringkat Jawatankuasa dan beliau memohon agar RUU itu diluluskan. Undian dilakukan sekali lagi secara majoriti mudah (undi dengan suara atau belah bahagian) atau majoriti dua pertiga bagi Perlembagaan Persekutuan. RUU berkenaan dianggap telah dibaca buat kali ketiga apabila Setiausaha membaca tajuk panjang RUU berkenaan, "Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan untuk penderma makanan ...", iaitu selepas RUU disetujui dalam pengundian.</p>
<p>RUU dihantar ke Dewan Negara</p>	<p>RUU yang telah lulus bacaan kali ketiga di Dewan Rakyat akan dihantar ke Dewan Negara. RUU tersebut dihantar ke Dewan Negara dalam bentuk perutusan dan dianggap telah dibaca buat kali pertama apabila tajuk RUU berkenaan dibacakan daripada perutusan tersebut. RUU akan melalui proses yang sama seperti di Dewan Rakyat, iaitu Bacaan Kali Pertama, Bacaan Kali Kedua, Peringkat Jawatankuasa dan Bacaan Kali Ketiga. Namun, RUU yang berkaitan dengan kewangan tidak perlu melalui peringkat Jawatankuasa.</p>

Perkara	Keterangan
<p>RUU dihantar semula ke Dewan Rakyat</p>	<p>Setelah RUU menjalani keseluruhan proses meluluskan undang-undang di Dewan Negara, RUU berkenaan dihantar semula ke Dewan Rakyat dalam bentuk perutusan. Sekiranya kelulusan yang diperoleh dari Dewan Negara tanpa pindaan, RUU berkenaan dianggap telah diluluskan oleh kedua-dua buah Dewan. Sebaliknya jika diluluskan dengan pindaan oleh Dewan Negara, pindaan berkenaan akan ditimbang.</p>
<p>Perkenan Yang di-Pertuan Agong (YDPA)</p>	<p>Setelah RUU menjalani keseluruhan proses meluluskan undang-undang di kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, RUU berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan.⁶ Perkara 66(4A) Perlembagaan Persekutuan menyatakan jika sesuatu RUU tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa 30 hari, RUU berkenaan hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa 30 hari mengikut cara yang sama seolah-olah baginda telah memperkenankannya.</p>
<p>Warta dan Cetak</p>	<p>Setelah menerima perkenan Yang di-Pertuan Agong, undang-undang berkenaan hendaklah disiarkan dengan seberapa segera dalam Warta Kerajaan. Setiausaha Dewan Rakyat memaklumkan undang-undang berkenaan kepada Jabatan Peguam Negara untuk disiarkan. Sesuatu undang-undang boleh berkuat kuasa hanya setelah disiarkan dalam Warta Kerajaan.</p>
<p>Akta</p>	<p>Suatu undang-undang yang telah diluluskan juga dikenali sebagai akta mula berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam akta atau pada tarikh yang ditentukan oleh Menteri dalam Warta Kerajaan. Sekiranya tiada tarikh kuat kuasa akta dinyatakan, akta berkenaan mula berkuat kuasa sehari selepas disiarkan dalam Warta Kerajaan.</p>

PROSES PENGUNDIAN

Proses pengundian ini dijalankan setelah sesuatu RUU telah dibentangkan di dalam Dewan untuk mendapatkan undi majoriti sebelum diluluskan. Proses ini melibatkan dua pendekatan yang digunakan di bawah Undi dengan suara (Peraturan Mesyuarat 46) dan Belahbahagian (Peraturan Mesyuarat 47).

Undi dengan Suara

RUU dan Usul yang dikemukakan di Parlimen akan diputuskan dengan undi majoriti. Pengundian dilakukan melalui pungutan suara “Ya” dan “Tidak”.

Di akhir perbahasan, Tuan Yang di-Pertua akan mengemukakan pertimbangan Ahli Mesyuarat dan mempelawa supaya Ahli-ahli yang setuju katakan “Ya”. Ahli yang menyokong usul tersebut akan menurut. Beliau kemudian menyambung “Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”, lalu Ahli-ahli yang tidak menyokong usul berkenaan pula menyatakan tidak. Berdasarkan kekuatan suara masing-masing pihak Tuan Yang di-Pertua dapat menyatakan pendapatnya dengan berkata, “Lebih suara yang bersetuju, usul disetujui.” dan sebaliknya jika lebih suara yang “Tidak”. Sebagai contoh, setelah Menteri selesai membuat penggulungan perbahasan peringkat dasar, Yang di-Pertua Dewan akan mengadakan undian suara.

Yang di-Pertua Dewan akan bertanya sokongan Ahli yang bersetuju, sebelum menguji undian suara yang tidak bersetuju. Sekiranya terdapat lebih banyak suara Ahli Parlimen yang bersetuju, undian akan diluluskan.

Undi Belahbahagian


Undi belahbahagian merupakan satu mekanisme penting dalam proses perundangan. Peraturan 47 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat memperuntukkan, sekiranya 15 orang Ahli atau lebih bangun menyokong undi belahbahagian maka belahbahagian perlu dijalankan dengan mengambil kira undian setiap Ahli.

Setiap Ahli Dewan mempunyai hak untuk mengundi terhadap setiap usul atau pindaan yang dibentangkan. Undi belahbahagian ini penting kerana ia membolehkan perwakilan

rakyat menjalankan tanggungjawab melalui undian yang diberikan dalam proses pembuatan undang-undang. Majoriti undi diperolehi apabila jumlah undian melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan Ahli Parlimen yang mengundi di dalam Dewan. Sebagai contoh, jika terdapat 100 Ahli Parlimen yang berada di dalam Dewan Rakyat, undi majoriti adalah apabila lebih daripada 50 jumlah undi.



PROSES PERUNDANGAN






Sesi Pengiraan Belahbahagian


KEPUTUSAN UNDI BELAH BAHAGIAN (30 NOVEMBER 2020)

RUU PERBEKALAN (BELANJAWAN) 2021 PERINGKAT JAWATANKUASA

**JABATAN
PERDANA MENTERI**
Jumlah Peruntukan : RM 11.69 billion



**KEMENTERIAN
KEWANGAN**
Jumlah Peruntukan : RM 35.1 billion



27 November 2020 - Belanjawan 2021 Peringkat Dasar - **LULUS**
 30 November 2020 - Belanjawan 2021 Peringkat Jawatankuasa JPM - **LULUS**
 30 November 2020 - Belanjawan 2021 Peringkat Jawatankuasa Kementerian Kewangan - **LULUS**

Contoh Keputusan Undi Belahbahagian

FIGURA-FIGURA UTAMA DEWAN

Dalam sesebuah institusi Parlimen, terdapat beberapa figura utama yang memainkan peranan penting dalam memastikan fungsi dan peranan Parlimen dilaksanakan dengan teratur.

Dewan Negara	Dewan Rakyat
Yang di-Pertua / <i>President</i>	Yang di-Pertua / <i>Speaker</i>
Timbalan Yang di-Pertua / <i>Deputy President</i>	Timbalan Yang di-Pertua / <i>Deputy Speaker</i>
Setiausaha Dewan Negara / <i>Clerk of the House</i>	Setiausaha Dewan Rakyat / <i>Clerk of the House</i>



EVOLUSI PARLIMEN MALAYSIA

ERA KEWUJUDAN KERAJAAN MELAYU

1

- Penjajahan kuasa-kuasa asing di Tanah Melayu bermula dengan Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun

ERA SELEPAS PENUBUHAN KERAJAAN MELAYU

3

- Bermulanya konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen

STRUKTUR PARLIMEN MALAYSIA

5



SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG



DEWAN NEGARA



DEWAN RAKYAT

DEWAN RAKYAT

8

- 222 kerusi daripada undian rakyat

ERA SEBELUM PENUBUHAN MALAYSIA

2

- Suruhanjaya Reid
- Suruhanjaya Cobbold

PARLIMEN MALAYSIA: PERUNDANGAN TERTINGGI

4

- Fungsi Parlimen
- Perwakilan kepada Rakyat
 - Kuasa Perundangan
 - Semak dan Imbang

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

6

- Titah Diraja: Titah oleh YDPA pada setiap pembukaan sidang Parlimen

DEWAN NEGARA

7

- 70 kerusi lantikan Yang di-Pertuan Agong dan negeri

9

FIGURA UTAMA DEWAN

Dewan Negara	Dewan Rakyat
Yang di-Pertua / <i>President</i>	Yang di-Pertua / <i>Speaker</i>
Timbalan Yang di-Pertua / <i>Deputy President</i>	Timbalan Yang di-Pertua / <i>Deputy Speaker</i>
Setiasaha Dewan Negara / <i>Clerk of the House</i>	Setiasaha Dewan Rakyat / <i>Clerk of the House</i>





*D*EWAN
NEGARA

Pengenalan kepada **DEWAN NEGARA**


Dewan Negara merupakan salah satu daripada dua buah dewan atau Majlis dalam Parlimen Malaysia, yang memainkan peranan penting dalam proses pengubalan undang-undang negara.

KRITERIA CALON AHLI DEWAN NEGARA



“ Jawatan hendaklah dipegang selama satu penggal (tiga tahun) dan boleh disambung satu penggal lagi, sama ada dilantik oleh persekutuan atau pemilihan pada peringkat negeri ”

DEWAN NEGARA



Kedua-dua dewan ini memainkan struktur dan peranan yang berbeza tetapi saling melengkapi dalam sistem perundangan Malaysia. Peranan utama Dewan Negara merangkumi mengkaji semula dan meluluskan Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan Rakyat melalui perbincangan dan semakan terhadap draf undang-undang. Ahli Dewan Negara boleh mengemukakan pandangan dan cadangan pindaan, tetapi tidak boleh membantah keputusan Dewan Rakyat secara mutlak. Namun, fungsinya sebagai pengimbang kepada Dewan Rakyat membolehkan Dewan Negara memberikan pandangan yang lebih mendalam dan terperinci. Hanya setelah dibahaskan dan diluluskan di Dewan Negara, Rang Undang-undang tersebut akan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi mendapat perkenan.

Dari aspek keanggotaan, Dewan Negara terdiri daripada 70 orang ahli (Senator) dengan kaedah pemilihan dan pelantikan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan.

Pemilihan Ahli Dewan Negara adalah dari setiap negeri dalam kalangan individu yang berkelayakan profesional dan mewakili kumpulan tertentu atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan orang asli. Ini memperlihatkan Dewan Negara berfungsi sebagai badan semakan yang mewakili kepentingan negeri dan berkepakaran. Ini membolehkan Dewan Negara memberikan pandangan yang lebih luas dalam isu-isu tertentu.

Kaedah Iantikan	Bilangan Ahli
Dewan Undangan Negeri sebagai mewakili 13 buah negeri dalam Malaysia (setiap Negeri diwakili oleh dua orang ahli).	26 orang ahli
Ahli Iantikan yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.	44 orang ahli termasuk: <ol style="list-style-type: none"> i. Dua orang ahli daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. ii. Seorang ahli daripada Wilayah Persekutuan Labuan iii. Seorang ahli daripada Wilayah Persekutuan Putrajaya¹¹.
Jumlah Ahli	70 orang ahli

Ahli Dewan Negara mempunyai tempoh perkhidmatan selama tiga tahun iaitu bersamaan satu penggal dan mereka boleh dilantik semula tidak melebihi dua penggal. Dewan Negara tidak terkesan dengan pembubaran Parlimen dan pilihan raya sepertimana Dewan Rakyat. Senator juga akan terus memegang jawatan meskipun berlaku pembubaran Parlimen untuk suatu pilihan raya. Struktur ini menjadikan Dewan Negara stabil bagi memastikan kesinambungan dalam proses perundangan.



YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

PENGENALAN

Yang di-Pertua Dewan Negara merupakan figura penting dan tertinggi dalam cabang legislatif Malaysia. Dalam susunan keutamaan Persekutuan, yang di-Pertua Dewan Negara juga menduduki kedudukan yang tinggi selepas kedudukan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Yang di-Pertua Dewan Negara bertanggungjawab mengetuai sidang Dewan Negara seperti mana yang dinyatakan oleh Erskine May, Lord Speaker mempunyai peranan untuk “... *to preside over proceedings in the Chamber, including Committees of the whole House*”.

Tanggungjawab ini termasuk memastikan perjalanan sidang berjalan lancar mengikut peraturan yang ditetapkan, mempengerusikan perbahasan dan membuat keputusan mengenai Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat sekiranya berlaku pertikaian. Selain itu, Yang di-Pertua Dewan Negara juga berperanan sebagai suara bagi Dewan dalam menyampaikan pandangan dan usul kepada pihak Kerajaan. Amalan di Senat Kanada memperuntukkan peranan *Speaker of the Senate* sebagai wakil tertinggi yang bertanggungjawab dalam perkara-perkara seperti peraturan mengenai persoalan prosedur Parlimen dan keistimewaan Parlimen Kanada, mempengerusikan perbahasan Senat dan prosedur pengundian dalam Dewan Senat.

Dalam konteks Parlimen Malaysia, tugas dan kuasa Yang di-Pertua Dewan Negara ditakrifkan melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.



PEMILIHAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA:

Secara kebiasaannya, jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara dipegang dalam kalangan individu yang mempunyai latar belakang serta pengalaman dalam bidang undang-undang dan politik.

Terdapat sedikit perbezaan dalam syarat pelantikan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, di mana jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara hendaklah dipilih dalam kalangan Ahli Dewan Negara seperti yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 56.



Setiasaha Dewan Negara menyarungkan jubah penuh kepada YB Senator Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah sejourus dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Pelantikan Yang di-Pertua Dewan Negara ini dinyatakan secara terperinci dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 56, Fasal (1) hingga (6) seperti berikut:

Perkara dan Fasal	Isi Kandungan
Perkara 56 (1)	Dewan Negara hendaklah dari semasa ke semasa memilih seorang daripada ahlinya untuk menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara dan seorang untuk menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan tidak boleh, tertakluk kepada Fasal (3), menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang di-Pertua kosong selain pemilihan Yang di-Pertua.
Perkara 56 (2)	Seseorang ahli yang memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua terhenti memegang jawatannya apabila tamat tempoh yang baginya dia dipilih atau dilantik menjadi ahli atau apabila selainnya dia terhenti menjadi ahli Dewan Negara, atau apabila telah hilang kelayakan di bawah Fasal (5), dan boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.
Perkara 56 (3)	Dalam masa apa-apa kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertua atau dalam masa Yang di-Pertua tidak hadir dalam mana-mana persidangan, Timbalan Yang di-Pertua atau, jika Timbalan Yang di-Pertua juga tidak hadir atau jika jawatannya juga kosong, seorang ahli lain yang ditentukan oleh kaedah-kaedah tatacara Dewan Negara, hendaklah bertindak sebagai Yang di-Pertua.
Perkara 56 (4)	Jika ahli Dewan Undangan sesuatu Negeri dipilih menjadi Yang di-Pertua, maka dia hendaklah berhenti menjadi ahli Dewan Undangan Negeri itu sebelum menjalankan fungsi jawatannya.
Perkara 56 (5)	<p>Seseorang ahli yang dipilih menjadi Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua hilang kelayakan untuk memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan dari pemilihannya untuk memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia ialah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana pengusahaan komersil, perindustrian atau pengusahaan lain, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:</p> <p>Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.</p>
Perkara 56 (6)	Jika berbangkit apa-apa soal mengenai kehilangan kelayakan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua di bawah Fasal (5), maka Dewan Negara hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

Peraturan Mesyuarat 2(1) Dewan Negara menyatakan aturan memilih Tuan Yang di-Pertua hendaklah seperti yang tersebut, iaitu tiap-tiap Ahli yang hendak mencadangkan nama Ahli yang hendak dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua, mestilah memastikan terlebih dahulu Ahli itu bersetuju berkhidmat jika dia dipilih dan hendaklah memberitahu Setiausaha akan cadangannya,

sekurang-kurangnya dua hari sebelum diadakan mesyuarat.

Panduan bagi aturan pelantikan yang di-Pertua Dewan Negara digariskan dengan terperinci melalui Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara seperti berikut:

Perkara	Peraturan Mesyuarat	Isi kandungan
Memilih Tuan Yang di-Pertua	1	<p>Bila-bila jawatan Tuan Yang di-Pertua kosong, maka Majlis sebaik-baik cukup kuorum Ahli-ahlinya, hendaklah memilih Tuan Yang di-Pertua.</p>
Aturan memilih Tuan Yang di-Pertua.	2	<p>Aturan memilih Tuan Yang di-Pertua hendaklah seperti yang tersebut di bawah ini:</p> <p>(1) Ketua Majlis, Timbalan Ketua Majlis atau mana-mana Ahli yang hendak mencadangkan nama Ahli yang hendak dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua, mestilah memastikan terlebih dahulu iaitu Ahli itu suka berkhidmat jika dia dipilih, dan hendaklah memberitahu Setiausaha akan cadangannya, sekurang-kurangnya dua hari sebelum diadakan mesyuarat.</p> <p>(2) Ketua Majlis, Timbalan Ketua Majlis atau seseorang Ahli dengan berucap kepada Setiausaha hendaklah mencadangkan seorang Ahli lain yang hadir jadi Tuan Yang di-Pertua dan hendaklah dicadangkannya.</p> <p>“Iaitu.....(sebutkan nama Ahli itu) dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua.”</p> <p>Cadangan ini hendaklah disokong tetapi tidak dibenarkan dibahas.</p> <p>(3) Jika hanya seorang Ahli sahaja dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua maka Setiausaha hendaklah memasyhurkan Ahli itu telah kena dipilih, dengan tidak meminta keputusan mesyuarat. Jika lebih daripada seorang Ahli dicadangkan dan disokong jadi Tuan Yang di-Pertua, maka Majlis hendaklah menjalankan pilihan dengan undi bersurat.</p>

Perkara	Peraturan Mesyuarat	Isi kandungan
<p>Aturan memilih Tuan Yang di-Pertua.</p>		<p>(4) Bagi maksud manjalankan undi bersurat, Setiausaha hendaklah memberi kepada setiap orang Ahli yang hadir sekeping kertas undi dan Ahli ini bolehlah menuliskan nama Ahli yang hendak diundinya. Kertas-kertas undi hendaklah dilipat supaya nama Ahli yang ditulis di atasnya tidak dapat nampak dan hendaklah ditandatangani oleh Ahli yang mengundi itu.</p> <p>(5) Kertas-kertas undi hendaklah dipungut oleh Setiausaha atau oleh mana-mana pegawai Majlis yang diwakilkan olehnya dan hendaklah dibilang oleh Setiausaha di meja mesyuarat. Keputusan undi itu hendaklah dimasyhurkan oleh Setiausaha.</p> <p>(6) (a) Jika lebih daripada dua orang calon telah dicadangkan dan dalam undi yang pertama, tidak ada calon yang mendapat undi lebih daripada jumlah undi yang didapati oleh calon-calon yang lain, maka calon yang mendapat rendah sekali undi hendaklah dikeluarkan daripada pilihan. Lepas itu hendaklah dijalankan undi sekali lagi dan dikeluarkan calon yang dapat rendah sekali undi. Demikianlah hendak dijalankan berturut-turut sehingga satu orang calon mendapat undi lebih daripada undi calon atau jumlah undi calon-calon yang tinggal.</p> <p>(b) Dalam undi bersurat di antara tiga atau lebih daripada tiga orang calon, jika dua orang atau lebih daripada dua orang calon dapat sama banyak undi dan seorang daripadanya dikehendaki ditinggalkan menurut fasal (a) yang tersebut di atas tadi, maka menetapkan siapa di antara calon-calon yang dapat sama banyak undi yang hendak ditinggalkan itu hendaklah dengan jalan membuang undi mengikut apa-apa jua cara yang ditetapkan oleh Setiausaha.</p> <p>(c) Dalam undi bersurat antara dua orang calon, jika didapati sama banyak undi, hendaklah dijalankan undi bersurat sekali lagi dan jika didapati sama banyak juga undi maka hendaklah diputuskan dengan membuang undi menurut apa-apa jua cara yang ditetapkan oleh Setiausaha.</p> <p>(7) Kertas-kertas undi apabila telah dibilang, hendaklah dimasukkan ke dalam sebuah peti dan setelah seorang Ahli dimasyhurkan dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua, maka peti itu hendaklah dilakrikan di hadapan Ahli-ahli Mesyuarat dan disimpan dalam jagaan Setiausaha selama satu bulan mengikut takwim orang putih dan lepas itu, dengan tertakluk kepada apa-apa perintah yang diterima daripada Majlis, maka Setiausaha hendaklah membakar kertas-kertas undi itu dan mengesahkan kepada Majlis mengatakan kertas-kertas itu telah dibakar.</p>

FUNGSI DAN TUGAS YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA :

Jawatan, perkhidmatan dan kedudukan Yang di-Pertua juga kekal semasa Parlimen dibubarkan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 45 (3) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam melaksanakan tugas sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, beliau dibantu oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Negara. Kedua-dua Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dipilih oleh Ahli-ahli Dewan Negara.

Seperti mana yang digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan, peranan kedua-dua figura ini amat penting kerana urusan utama Dewan Negara bagi sesi Parlimen baharu tidak boleh bermula selagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalannya belum dipilih oleh Dewan. Keberadaan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara adalah penting untuk menjamin proses legislatif yang teratur dan berdasarkan peraturan yang ditetapkan.



*YB Senator Dato Awang Beme bin Awang Ali Basah, Yang di-Pertua Dewan Negara
mempengerusikan Persidangan Dewan Negara*

FUNGSI DAN TUGAS YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Tugas dan peranan Yang di-Pertua Dewan Negara tidak terhad kepada tugas-tugas di dalam Dewan sahaja. Yang di-Pertua Dewan Negara turut melaksanakan beberapa tugas penting lain seperti menerima kunjungan hormat pihak berkenaan seperti kedutaan asing dan pihak berkepentingan.

Tugasan ini bagi mewujudkan hubungan dan peluang kerjasama strategik serta membolehkan institusi legislatif ini bertukar pandangan, berkongsi idea dan amalan terbaik bagi meningkatkan lagi tadbir urus kedua-dua belah pihak.



Kunjungan hormat daripada TYT Edgard Kagan, Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia kepada YB Senator Datuk Mutang Tagal, Yang di-Pertua Dewan Negara.

①

Mempengerusikan persidangan dan memastikan mesyuarat berjalan dengan lancar.

②

Mendisiplinkan dan menetapkan hak Senator untuk bercakap. Seorang Ahli tidak boleh bercakap tanpa izin daripada Yang di-Pertua Dewan.

③

Mengatur perbahasan supaya tidak menyimpang daripada isu-isu yang diperbahaskan.

④

Memutuskan apa-apa perkara yang berbangkit berkaitan dengan Peraturan Mesyuarat.

⑤

Memanggil undi dan memeriksa kuorum setiap kali Majlis bersidang.

⑥

Mewakili Majlis dalam upacara rasmi atau istiadat, urusan rasmi kerajaan termasuk menerima tetamu dan delegasi dari luar negara.

⑦

Mengukuhkan hubungan bilateral dan multilateral dengan Parlimen luar negara (diplomasi parlimen) .



Yang di-Pertua Dewan Negara bersama Yang di-Pertua Dewan Rakyat menghadiri 27th Conference of Speakers and Presiding Officers of the Commonwealth di Uganda, 5 Januari 2024.

Penglibatan dan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa dilaksanakan oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atas kapasitinya melalui saluran diplomasi parlimen. Ia merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan untuk memenuhi peranan Parlimen Malaysia menerusi diplomasi parlimen bagi menyokong dan melengkapi pelaksanaan dasar hubungan luar Malaysia yang dilaksanakan oleh cabang Eksekutif negara.

Pada terasnya, diplomasi parlimen merangkumi prinsip demokrasi, dialog dan diplomasi yang membawa hasrat Parlimen serta suara rakyat merentasi sempadan dan ideologi untuk menggalakkan kerjasama dan keharmonian dalam kalangan parlimen luar negara. Diplomasi parlimen ini dilaksanakan

melalui penubuhan kumpulan persahabatan Parlimen atau kaukus dengan badan legislatif negara lain yang memberi peluang kepada semua Ahli Parlimen untuk bertemu dan membincangkan cabaran bersama, berkongsi amalan terbaik dan mengukuhkan institusi Parlimen.

Selaku figura penting dalam institusi legislatif tertinggi negara yang mengutamakan agenda pembangunan negara, Yang di-Pertua Dewan Negara turut terlibat secara langsung dengan penganjuran pelbagai program bersama masyarakat setempat, kumpulan sasaran dan pihak berkepentingan. Selain memberikan pemahaman dan kesedaran mengenai kepentingan, peranan dan aspirasi institusi Parlimen, program tersebut turut merangkumi perbincangan isu terkini

selain perkongsian bidang kepakaran dan pengalaman Yang di-Pertua Dewan Negara sendiri. Program jangkauan ini sedikit sebanyak dapat merapatkan lagi jurang Parlimen Malaysia dengan masyarakat setempat. Dengan itu, inisiatif seperti ini dapat membina kepercayaan dan memupuk persefahaman yang lebih baik antara Parlimen Malaysia dengan lapisan masyarakat.



YB Senator Tan Sri Dato' Dr. Haji Wan Junaidi Tun Jaafar, Yang di-Pertua Dewan Negara berkongsi mengenai reformasi daripada sudut pandangan perundangan bersama pelajar dalam sesi Townhall di London.



YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KEDUA PULUH SATU



**YB SENATOR DATO AWANG BEMEE
BIN AWANG ALI BASAH**

(22 Julai 2024 - Kini)

YB Senator Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah merupakan Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-21. Beliau merupakan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak (DUN Nangka-N43) dan Penasihat Undang-undang kepada Parti Pusaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak.

Beliau memulakan kerjaya sebagai pengamal undang-undang sejak diterima masuk dan didaftar sebagai Peguam cara oleh Mahkamah Tinggi Borneo pada tahun 1984. Beliau berpengalaman luas dalam mengendalikan kes sivil dan jenayah di semua peringkat mahkamah hingga ke Mahkamah Persekutuan. Seorang tokoh korporat dan pengurusan yang berpengalaman luas, beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pelabuhan Kuching dan Pengarah Sarawak Plantation Berhad.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KEDUA PULUH



YB SENATOR DATUK MUTANG TAGAL

(15 Februari 2024 - 10 Mei 2024)

YB Senator Datuk Mutang Tagal ialah seorang ahli politik Malaysia berketurunan Orang Ulu, Sarawak daripada etnik Lun Bawang. Pelantikan ini mencipta sejarah tersendiri apabila beliau menjadi pemimpin pertama daripada etnik Lun Bawang dilantik memegang jawatan tersebut. Sebelum dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, beliau merupakan Ahli Parlimen Bukit Mas pada tahun 1982, memenangi kerusi tanpa bertanding dan mempertahankan kerusi Ahli Parlimen Bukit Mas pada tahun 1986. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi Parti Pusaka Bumiputera (PBB) Sarawak dari 1982 sehingga tahun 1990.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KESEMBILAN BELAS



**YB SENATOR TAN SRI DATO' SRI DR. HAJI
WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
(19 Jun 2023 - 18 Januari 2024)**

“

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menjemput untuk kita membahaskan Usul yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri panjang lebar tadi ya, saya ingin berpesan kepada Yang Berhormat bahawa, kita dalam Majlis Dewan Negara ini mewakili rakyat dan bertanggungjawab bahawa Ahli Dewan Negara merupakan Dewan yang lebih lagi mempunyai peradaban, kebijaksanaan dan pengalaman yang jauh lebih luas. Itu lah tanggapan Perlembagaan ya, kalau kita baca Perkara 45(2). Dengan itu, saya berharap kita mesti menunjukkan sikap peradaban yang dikehendaki ataupun tersemat dalam Perlembagaan itu sendiri. Jadi apa yang berlaku di Dewan Rakyat semalam telah menjadi cemuhan umum. Jadi kita tidak mahu perkara yang sama berlaku di Dewan Negara. Itu yang pertama. Kedua, Dewan Negara juga menjadi check and balance kepada Dewan Rakyat. Maka, menegur, memberikan constructive comment, ataupun cadangan, adalah tidak salah. Akan tetapi, gunakan perkataan yang elok, baik dan perkara yang tidak sesuai ataupun unparliamentary perlu dan patut dielakkan. Maka, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua yang selalu menyebut soalan keberadaan ini dan membuat transformasi Parlimen supaya akur kepada sikap-sikap seorang Ahli Parlimen sebagaimana yang selalu disebut. Saya berharap Yang Berhormat sekalian beri kerjasama kepada saya.

[Petikan dari Penyata Rasmi Dewan Negara, 20 September 2023]

”

Beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan pada 19 Jun 2023. Sebelum itu, beliau merupakan Ahli Dewan Rakyat selama tujuh penggal mewakili Parlimen Santubong (2004 - 2022) dan Parlimen Batang Lupar (1990-2004). Pada tahun 2008, beliau dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri (2013-2015), Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (2015-2019) dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Pada tahun 2021, beliau merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang memegang portfolio Parlimen dan Undang-undang.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KELAPAN BELAS



YB SENATOR TAN SRI DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM

(2 September 2020 - 15 Jun 2023)

“

Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membenarkan lanjutan kepada pembawaan usul itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, wajar kita sebutkan peraturan. Peraturan Mesyuarat 25 berbunyi, “Kecuali jika ada syarat lain dalam peraturan-peraturan mesyuarat ini, usul yang hendak dibawa ke dalam Mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahuan kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini...”.

Jadi, dengan itu maka sebab yang sedemikianlah, maka kita benarkan Yang Berhormat mengemukakan usul tersebut. Jika saya tidak sebutkan begitu, maka Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin terasa macam mana pula boleh dikemukakan usul yang berkenaan. Ada dua cabangnya yang mungkin hendak ditimbang. Pertama iaitu cabang Peraturan 25(t)(d) yang berbunyi, “Usul hendak mengambil apa-apa jua perkara dahulu daripada perkara lain dengan tidak mengikut susunan biasa.” Saya setuju dengan itu dan pada hemat saya, untuk mengusulkan bahawa kes yang berkenaan atau perkara yang berkenaan dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ataupun Jawatankuasanya, lantaran itulah Yang Berhormat harus ilustrasikan kepada Dewan, bagaimana dan kenapa ia hendak dibawa sedemikian. Ini bermakna spesifikasi terhadap isu yang dibawa itu perlu dinaratifkan dengan jelas”.

[Petikan dari Penyata Rasmi Dewan Negara, 2 September 2020]

”

Beliau mula bergiat dalam arena politik pada tahun 1974 apabila terpilih sebagai Ahli Parlimen Jelebu. Beliau juga pernah berkhidmat di peringkat Negeri dan Persekutuan, antaranya Menteri Besar Negeri Sembilan (1978-1982), Menteri Tanah dan Pembangunan Wilayah (1982- 1984), Menteri Penerangan (1984-1986), Menteri Luar Negeri (1987-1988), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang- undang) (1999-2004), Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (2004-2008), Menteri Luar Negeri (2008-2009), Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (2009- 2013) dan Penasihat Sosiobudaya kepada Kerajaan (2013-2018).

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KETUJUH BELAS



**YB SENATOR TAN SRI
DATO' SRI SA. VIGNESWARAN**

(26 April 2016 - 22 Jun 2020)

“

Ahli-ahli Yang Berhormat, soal sub judice dan prejudis, salah satu tujuan diadakan peraturan mengenai sub judice ialah untuk mengelakkan bahaya berlakunya sebarang prejudis terhadap kes yang dihadapkan ke mahkamah. Pandangan yang dibangkitkan di dalam sebarang mahkamah, sama ada di dalam ataupun luar negara mempunyai impact yang besar yang mana boleh mempengaruhi atau memprejudiskan keputusan hakim yang mengadili kes yang ada kaitan.

Oleh itu, Dewan lazimnya tidak membenarkan sebarang pertanyaan atau perbincangan yang boleh mendatangkan prejudis secara ketara, pentadbiran keadilan, dengan izin, Adminiſtor of Juſtice terutamanya dalam kes-kes yang kepentingan nasional. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekejap, duduk sekejap, saya belum habis Yang Berhormat. Sesuatu pertanyaan ini tidak boleh dikurangkan mengikut Peraturan Mesyuarat 22(1)(g), dikurangkan cakupannya sekiranya harus melencongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah dan tidak boleh bertanya berkenaan dengan apa-apa jua perkara yang dalam timbangan mahkamah. Pengasingan kuasa, ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat pengakuan implisit bahawa tempat pengadilan yang berwibawa benar adalah mahkamah dan bukan Dewan Perundangan. Membenarkan perbincangan kes yang ongoing dalam mahkamah boleh menggugatkan konsep pengasingan kuasa.

[Petikan dari Penyata Rasmi Dewan Negara, 7 Disember 2016]

”

Beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada tahun 2014 dan dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dari tahun 2016 sehingga 2020. Beliau pernah dipilih sebagai Ahli Parlimen Kota Raja dari tahun 2004 sehingga 2008. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Duta Khas Perdana Menteri ke India dan Asia Selatan sejak November 2021 dan Presiden ke-10 *Malaysian Indian Congress* (MIC) sejak Julai 2018.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KEENAM BELAS



**YB SENATOR TAN SRI
ABU ZAHAR UJANG
(26 April 2010 - 25 April 2016)**

“

.... saya tekankan ialah sama ada pihak mana pun yang mewakili Dewan Negara dan saya hendakkan Dewan Negara menjadi satu Dewan untuk mengemukakan masalah sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, tanpa segan dan silu. Ini menunjukkan kematangan ke dalam dewan ini. Itu sebabnya kadangkala saya di satu bab saya terpaksa mengawal masa tetapi saya cukup menghargai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Di samping itu kepada rakan-rakan khususnya yang baru sahaja angkat sumpah, tengoklah bagaimana agaknya rakan-rakan lama kita yang boleh berhujah untuk mewakili dan kita tidak mahu orang menganggap Dewan Negara sebagai rubber stamp. Akan tetapi kalau macam tadi punya detail tidak, walaupun tidak ada kawasan tetapi dia bertanggungjawab kepada rakyat dan negara. Ini saya ucapkan syabas kepada Datuk.

[Petikan dari Penyata Rasmi Dewan Negara, 18 April 2016]

”

Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau merupakan Ahli Dewan Negeri (ADUN) Pilah pada tahun 1986 sehingga tahun 1995 dan seterusnya pada tahun 1995 hingga tahun 1999 beliau memegang jawatan sebagai Ahli Parlimen Kuala Pilah. Selain memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara ke-16, beliau juga merupakan mantan Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK). Beliau berkelulusan Undang-undang dari Lincoln's Inn, London dan pernah dilantik menjadi Presiden Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KELIMA BELAS



**YB SENATOR TAN SRI
IR. WONG FOON MENG**

(7 Julai 2009 - 12 April 2010)

Beliau berkelulusan ijazah dalam bidang kejuruteraan daripada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1978. Tan Sri Ir. Wong Foon Meng dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Terengganu dan dilantik sebagai EXCO kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 1995 hingga tahun 1999. Beliau menjawat jawatan Setiausaha Agung *Malaysian Chinese Association* (MCA) dari tahun 2008 hingga 2010. Pada tahun 2004, beliau dilantik sebagai Senator dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dari tahun 2004 hingga 2009.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KEEMPAT BELAS



**YB SENATOR TAN SRI DATO' SERI
DR. ABDUL HAMID PAWANTEH**

(7 Julai 2003 - 6 Julai 2009)

“

Kajian saya kepada Peraturan Mesyuarat tidak terdapat peruntukan yang membolehkan saya menjawab namun kita sedar bahawa tempoh hari rang undang-undang tersebut telah ditarik balik oleh Kementerian Pengangkutan dan ini merupakan pertama kali ia berlaku. Dan ia ditarik balik melalui satu usul yang mana melalui usul itu dianggapkan rang undang-undang tersebut telah ditarik balik. Kini setelah kajian-kajian dan pemikiran semula sepertimana telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, rang undang-undang ini dikemukakan semula kepada Dewan ini juga melalui satu usul, bermakna kalau dia keluar pun pakai tiket, dia masuk balik pun pakai tiket, seolah-olahnya, tapi oleh sebab ia berlaku pertama kali dalam sejarah perwujudan Parlimen di negara kita, dia telah kemukakan cabaran dan tidak ada dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat apa-apa peruntukan mengenai pembentangan semula. Diperuntukkan penarikan balik Rang Undang-undang dalam Peraturan Mesyuarat tetapi tidak diperuntukkan cara mana ia dibawa balik. Maka difikirkan cara yang paling baik ialah untuk kemukakan kepada Yang Berhormat Yang Berhormat sendiri memutuskannya melalui satu usul, sekarang nak dibawa balik Rang Undang-undang, diketengahkan usul kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat hendak setuju atau tidak setuju untuk dibawa balik. Sebab musababnya telah pun dikupas dan dihuraikan oleh Yang Berhormat tadi maka paling ia dibuat kerana ia paling menepati perjalanan Parlimen kita selama ini dan amalan dan perjalanan Parlimen seluruh Komanwel. Maka dalam keadaan lacuna mengenai Peraturan Mesyuarat tersebut inilah difikirkan jalan yang paling tepat menghayati amalan demokrasi berparlimen.

[Petikan dari Penyata Rasmi Dewan Negara, 26 Julai 2005]

”

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis bagi kawasan Kangar dan Arau. Beliau juga berkhidmat sebagai Menteri Besar Perlis keempat dari tahun 1986 sehingga 1995. YB Tan Sri memiliki Ijazah Perubatan dan pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Kangar. Beliau pernah dilantik sebagai Pro-Canselor-1, Universiti Utara Malaysia pada tahun 1997.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KETIGA BELAS



**YB SENATOR TAN SRI
DATO' MICHAEL CHEN WING SUM**

(7 Disember 2000 – 11 April 2003)

Tan Sri Dato' Michael Chen Wing Sum merupakan wakil rakyat MCA bagi kawasan Hulu Selangor. Pada tahun 1964, beliau memulakan kerjaya sebagai Setiausaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri YAB Tun Abdul Razak Hussein dan kemudiannya dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas bertanggungjawab dalam penyelidikan Tenaga Nuklear dan Alam Sekitar pada tahun 1973, seterusnya beliau menjadi Menteri Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Persatuan Ping Pong Malaysia dan mengetuai pasukan tersebut ke China serta berjaya merapatkan hubungan negara Malaysia dengan China melalui Diplomasi Ping Pong.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KEDUA BELAS



**YB SENATOR TAN SRI
DATO' HAJI MOHAMAD BIN YA'ACOB
(10 Disember 1996 – 5 Disember 2000)**

Tan Sri Dato' Haji Muhammad bin Ya'acob atau lebih dikenali sebagai Ayah Mat atau Abe merupakan ahli politik Malaysia dari Kelantan. Pada tahun 1970, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Seterusnya pada Januari 1973, beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Pelajaran pada bulan Ogos tahun yang sama. Pada Ogos 1974 pula, beliau telah dilantik sebagai Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan dan sebagai Menteri Perusahaan Awam pada tahun 1976. Dari 23 Mac 1978 hingga Oktober 1990 beliau telah berkhidmat sebagai Menteri Besar Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Perundangan dari Lincoln's Inn, London (1954-1958). Selain itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Majistret, Timbalan Pendakwa Raya, Penasihat Undang-undang di Terengganu dan Johor, serta Setiausaha Sulit kepada Sultan Kelantan.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KESEBELAS



**YB SENATOR TAN SRI
DATO' SRI ADAM BIN KADIR**

(13 Jun 1995 - 30 November 1996)

Tan Sri Dato' Sri Adam bin Kadir ialah seorang sasterawan, kolumnis dan negarawan Malaysia. Beliau merupakan presiden pertama Pertubuhan Mantan Wakil Rakyat UMNO (PAKKU) yang ditubuhkan pada Mac 2010. Beliau menerima Ijazah Undang-undang Perdagangan dan Korporat dari Universiti London dan pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dalam Kumpulan Pernas. Beliau merupakan Ahli Dewan Rakyat bagi Parlimen Kuantan (1986-1999) dan Ahli Dewan Negara pada tahun 1990. Beliau pernah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Tanah dan Pembangunan Wilayah pada tahun 1987.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KESEPULUH



**YB SENATOR TAN SRI
DATO' VADIVELOO A/L GOVINDASAMY**

(13 April 1992 - 12 Jun 1995)

YB Senator Tan Sri Dato' Vadiveloo a/l Govindasamy pernah menyandang jawatan sebagai Setiausaha Agung *Malaysian Indian Congress* (MIC). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kolej TAFE dan sebagai pemegang amanah Institut Pembangunan Pendidikan Maju.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KESEMBILAN



**YB SENATOR TAN SRI
DATO' CHAN CHOONG TAK**

(17 Disember 1990 - 31 Mac 1992)

Beliau mendapat pendidikan awal di St. Paul's Institution Seremban dan berjaya menamatkan pengajian pada 1951 walaupun pada ketika itu, negara terkesan oleh Perang Dunia Kedua dan penjajahan oleh tentera Jepun. Seterusnya, beliau melanjutkan pendidikan dalam Diploma Pendidikan di United Kingdom. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada tahun 1986, dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua pada tahun 1989 dan akhirnya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara pada tahun 1990.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KELAPAN



**YB SENATOR TAN SRI DATUK ABANG
HAJI AHMAD URAI BIN
DATUK HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN**

(11 Julai 1988 - 9 Julai 1990)

Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohideen memulakan kerjaya sebagai penjawat awam dengan memasuki pentadbiran British pada Oktober 1954. Beliau bertugas di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Bangunan Sekretariat di Kuching, yang kemudian dikenali sebagai Jabatan Ketua Menteri. Beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada 13 November 1984 setelah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak dan dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara bermula 29 Julai 1985 hingga 10 Julai 1988.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KETUJUJUH



**YB SENATOR TAN SRI
DATUK BENEDICT STEPHENS**

(15 April 1985 – 11 April 1988)

Tan Sri Datuk Benedict Stephens ialah seorang ahli politik dari Sabah dan pernah menjawat jawatan Pengarah Yayasan Sabah dan merupakan Penaung kepada Lembaga Pemegang Amanah Maktab Nasional. Beliau dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara pada 15 April 1985.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KEENAM



**YB SENATOR TAN SRI
ISMAIL KHAN**

(5 Januari 1981 – 13 April 1985)

Tan Sri Ismail Khan berkelulusan undang-undang dari London. Beliau merupakan orang Melayu pertama dari Borneo yang memiliki kelulusan undang-undang dan yang kedua beramal sebagai Peguam bela dan Peguam cara . Pada tahun 1958, beliau telah dilantik sebagai hakim dan merupakan rakyat Malaysia pertama yang menggantikan rakyat British sebagai Hakim Besar Borneo pada tahun 1968. Beliau dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara pada 5 Januari 1981 sehingga 13 April 1985.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KELIMA



**YABHG SENATOR
TUN DATUK HAJI OMAR ONG YOKE LIN**

(23 Februari 1973 - 31 Disember 1980)

Tun Datuk Haji Omar Ong Yoke Lin mendapat pendidikan awal di Victoria Institution dan menyambung pendidikan di Universiti London pada tahun 1934. Beliau merupakan antara empat anggota parti Perikatan yang menggubal Perlembagaan Tanah Melayu ketika di London pada April 1957 dan salah seorang wakil yang menandatangani Perjanjian Penubuhan Malaysia di London pada September 1963. Beliau pernah dilantik sebagai Menteri Kabinet dalam pelbagai portfolio seperti Menteri Pos dan Telekom (1955), Menteri Pengangkutan (1956), Menteri Buruh dan Kebajikan Masyarakat (1959), Menteri Tak Berjawatan (1970) dan pernah memangku jawatan Menteri Pertahanan, Perdagangan dan Perusahaan dan Menteri Pertanian.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KEEMPAT



**YB SENATOR TAN SRI
HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI
SAKHAWAT ALI KHAN**

(22 Februari 1971 - 22 Februari 1973)

“

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarek perhatian Ahli2 yang Berhormat kepada Peratoran Meshuarat 34 (1) yang berbunyi, "Sa-orang Ahli yang hendak berchakap hendaklah bangun di-tempat-nya dan apabila di-panggil oleh Pengerusi maka hendak-lah ia berdiri mengarahkan ucapan-nya kepada Pengerusi. Sasaorang Ahli itu tidak boleh berchakap melainkan sa telah dipanggil oleh Pengerusi." Jadi saya harap segala perbahatan dalam Majlis ini hendak-lah mengikut Peratoran ini

[Petikan dari Penyata Rasmi Dewan Negara, 11 Ogos 1971]

”

Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan memulakan kerjaya sebagai guru Bahasa Inggeris di *Government English School* (kini SRK Satu Tapah). Beliau mulai aktif dalam bidang politik selepas memenangi Pilihan Raya Umum (PRU) 1959 bagi Parlimen Batang Padang, Perak yang mewakili Parti Perikatan (UMNO). Beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelajaran dari tahun 1962 hingga 1964 dan Menteri Perkhidmatan Kebajikan pada tahun 1965.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KETIGA



**YB SENATOR DATO'
HAJI MOHAMED NOAH
BIN OMAR**

(24 Februari 1969 - 28 Julai 1970)

“

Saya suka mengingatkan lagi Ahli-ahli yang bercakap menuduh atas satu-satu perkara itu hendaklah dia bertanggung-jawab atas tuduhan itu. Kalau dia tidak boleh memberi keterangan yang cukup atas tuduhan-tuduhan yang dibuat di dalam Dewan ini, perkara ini boleh dibawa kepada Jawatan-kuasa

[Petikan dari Penyata Rasmi Dewan Negara, 24 Februari 1969]

”

Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar pernah berkhidmat sebagai Majistret, Penolong Kanan Pemungut Hasil Tanah, Timbalan Pegawai Daerah, Pegawai Daerah dan Yang di-Pertua Jabatan Hal Ehwal Agama Johor. Beliau juga pernah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang pertama iaitu mulai 11 September 1959 hingga 29 Februari 1964. Seterusnya, beliau pernah dilantik untuk memikul tanggungjawab sebagai Setiausaha kepada Parlimen Komanwel.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA KEDUA



**YB SENATOR TUAN
SYED SHEH BIN SYED
HASSAN BARAKBAH**

(27 Januari 1969 - 5 Februari 1969)

Tuan Syed Sheh bin Syed Hassan Barakbah pernah berkhidmat sebagai Majistret Khas dalam Perkhidmatan Undang-undang Kolonial, Hakim di Mahkamah Rayuan dan dilantik sebagai Ketua Hakim Malaya pada tahun 1963. Beliau merupakan rakyat Malaysia pertama yang memegang jawatan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan pada tahun 1968. Selepas bersara sebagai Ketua Hakim Negara, beliau dilantik Senator dan dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara pada 27 Januari 1969.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA PERTAMA



**YB SENATOR DATO'
HAJI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMED YASSIN**

(11 September 1959 - 31 Disember 1968)

“

Honourable Members, I am grateful to the Leader of the House for forewarning me of this proposal. I have consulted various authorities; and whereas it would probably be more in conformity with general procedure to amend the Order Paper, I do not think in this instance it will be necessary as we are now creating a convention for the future. I agree that the convention used elsewhere is both sensible and appropriate and might well be adopted in this House.

[Petikan dari Penyata Rasmi Dewan Negara, 1 Mei 1961]

”

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yassin berasal dari Parit Bakar, Muar, Johor. Beliau ialah Yang di-Pertua Dewan Negara yang pertama. Beliau pernah menjadi kerani, Pesuruhjaya Daerah, Majistret dan Bendahari Negeri Johor.



TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara merupakan jawatan kedua terpenting dalam Dewan Negara selepas Yang di-Pertua. Tugas utamanya adalah mempengerusikan persidangan semasa ketiadaan Yang di-Pertua Dewan Negara ketika majlis atau mesyuarat Dewan Negara sedang berlangsung.

Pemilihan pengisian jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara juga adalah sama seperti Yang di-Pertua Dewan Negara, di mana pemilihan dibuat oleh Ahli Dewan Negara yang lain seperti mana diperuntukkan di bawah Perkara 56 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Menurut Peraturan Mesyuarat 5 (1), selepas proses pelantikan Yang di-Pertua atau pada permulaan Urusan Mesyuarat yang pertama sekiranya jawatan Timbalan Yang di-Pertua kosong, Majlis hendaklah memilih seorang Timbalan Yang di-Pertua. Menurut perenggan (2) peraturan yang sama, aturan memilih Timbalan Yang di-Pertua adalah sama seperti aturan pemilihan Yang di-Pertua. Yang membezakan ialah, pemilihan Timbalan Yang di-Pertua hendaklah dijalankan oleh Yang di-Pertua.

Jika sewaktu persidangan Dewan, Yang di-Pertua tidak hadir dan tiada Timbalan yang dipilih, Setiausaha akan memaklumkan perkara tersebut kepada Majlis dan Majlis boleh memanggil mana-mana Ahli yang hadir untuk mempengerusikan Mesyuarat setelah dikeluarkan usul. Usul ini kemudiannya hendaklah disokong dan dikemukakan kepada Setiausaha bagi diputuskan tanpa dibahaskan mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1).

Ahli yang dilantik diberi kuasa Yang di-Pertua sehinggalah Yang di-Pertua atau Timbalan hadir mengikut Peraturan Mesyuarat 6(2). Yang di-Pertua juga boleh meminta seorang Ahli untuk mengambil tempat Pengerusi sementara waktu semasa persidangan tanpa pemberitahuan rasmi kepada Majlis, dan Ahli tersebut diberi kuasa Yang di-Pertua menurut Peraturan Mesyuarat. 6(3) dan 6(4).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mencadangkan:-

"Iaitu Yang Berhormat Senator _____ dipilih jadi Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih"

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Contoh Usul Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

SUMPAH SEBAGAI TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Saya **ABD. HALIM BIN ABD. SAMAD** setelah dipilih memegang jawatan Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara adalah dengan ini berikrar dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur, dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan tanih serta yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya.

Isi kandungan Sumpah Sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

FUNGSI DAN TUGAS TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Selain melaksanakan tugas membantu Yang di-Pertua Dewan Negara dalam urusan dewan, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara juga turut melaksanakan tugas lain di bawah kerangka diplomasi Parlimen seperti menerima kunjungan hormat, menghadiri persidangan rasmi dan melaksanakan program jangkauan (outreach).

Beliau turut menghadiri undangan, menerima kunjungan serta menyertai persidangan luar negara bagi pihak Yang di-Pertua Dewan Negara sekiranya Yang di-Pertua Dewan Negara tidak berkelapangan atau jawatan tersebut masih belum diisi selagi mana penyertaan tersebut boleh diwakili oleh jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.






YB Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, YB Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mewakili Parlimen Malaysia sebagai pemerhati bagi Pilihanraya Presiden Azerbaijan pada 7 Februari 2024 di Baku, Azerbaijan.



YB Senator Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodie menyerahkan sumbangan kepada keluarga warga emas di Rumah Panjang Daniel, Guntong, Sri Aman, Sarawak pada tahun 2014.



Kunjungan Hormat Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Singapura kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, YB Senator Dato' Sri Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad.



Kunjungan hormat ke atas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, YB Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad dari Malindo MBCC Asia.

TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA



**YB SENATOR DATUK
NUR JAZLAN BIN
TAN SRI MOHAMED**

(19 Jun 2023 - Kini)

YB Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara melalui proses pengundian bersurat memandangkan terdapat lebih daripada satu nama dikemukakan. Beliau merupakan bekas Ahli Parlimen Pulau (2004-2018). Beliau merupakan pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) (2013) dan pernah memegang jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri I dari tahun 2015 hingga 2018.



**YB SENATOR DATO'
SRI DR. HAJI
MOHAMAD ALI BIN
HAJI MOHAMAD**

(16 Disember 2020 – 10 Mei 2023)

YB Senator Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada 20 Mei 2020 dan dimasyhurkan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 16 Disember 2020. Beliau merupakan mantan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka dan mantan Ketua UMNO Bahagian Tenggara Batu.



**YB SENATOR DATUK
SERI HAJI ABDUL
HALIM BIN ABD.
SAMAD**

(18 April 2016 – 2 November 2020)

YB Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan, sebelum berkhidmat sebagai guru sekolah. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan dari 1986 hingga 1995. Antaranya ialah sebagai Setiausaha Peribadi kepada Timbalan Menteri Pendidikan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Belia dan Sukan, Setiausaha Sulit kepada Menteri Pertahanan dan Menteri Pendidikan. Beliau dilantik sebagai Senator pada 3 November 2014.



**YB SENATOR DATO'
SRI DORIS SOPHIA
BRODIE**

(26 Januari 2012 – 11 Mac 2016)

YB Senator Dato' Sri Doris Sophia Brodie memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (pengkhususan dalam pengurusan) dari Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC). Beliau telah berkecimpung dalam arena politik selama lebih tiga dekad sejak 1986. Beliau berkhidmat sebagai Senator dari tahun 2010 dan telah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 26 Januari 2012. Pemilihan beliau mencatatkan sejarah sebagai wanita Sarawak berbangsa Dayak yang pertama menyandang jawatan tersebut.



**YB SENATOR DATUK
ARMANI BINTI
MAHIRUDDIN**

(8 Julai 2009 – 20 Disember 2011)

YB Senator Datuk Armani binti Mahiruddin melakar sejarah sebagai wanita pertama dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Ini selaras dengan dasar kerajaan yang berhasrat untuk meletakkan suara wanita sebagai pembuat dasar dalam amalan demokrasi berparlimen. Beliau dilantik sebagai Senator bagi tempoh dua penggal dari 20 Disember 2005 hingga 20 Disember 2011. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar selama 17 tahun sebelum menceburi bidang politik.



**YB SENATOR DATO'
IR. WONG FOON
MENG**

(7 Jun 2004 – 6 Julai 2009)

YB Senator Dato' Ir. Wong Foon Meng pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi kerusi Bandar Kuala Terengganu dari tahun 1995 hingga 1999. Beliau juga merupakan Setiausaha Agung *Malaysian Chinese Association* (MCA) dari tahun 2008 hingga 2010. Seterusnya pada April 2004 beliau dilantik sebagai Senator dan dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 7 Jun tahun yang sama.



**YB SENATOR DATUK
HAJI GAPAR BIN
GURROHU**

(8 Mei 2001 – 22 Oktober 2003)

YB Senator Datuk Haji Gapar bin Gurrohu berasal dari Ujung Pasir, Melaka. Beliau merupakan bekas Ketua UMNO Bahagian Kluang ketiga (1996-2008). Beliau juga pernah terpilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mahkota.



**YB SENATOR DATO'
MICHAEL CHEN
WING SUM**

(29 Mei 1997 – 5 Disember 2000)

YB Senator Dato' Michael Chen Wing Sum dan telah berkecimpung di dalam arena politik sejak tahun 1964. Beliau merupakan ahli *Malaysian Chinese Association* (MCA). Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Persatuan Ping Pong Malaysia dan telah membawa pasukan Malaysia ke China serta merapatkan hubungan Malaysia-China melalui Diplomasi Ping Pong.



**YB SENATOR DATO'
ADAM BIN KADIR**

(13 April 1992 – 12 Jun 1995)

YB Senator Dato' Adam bin Kadir berasal dari Beserah, Pahang. Beliau menerima ijazah Undang-undang Perdagangan dan Korporat dari Universiti London. Beliau pernah berkhidmat sebagai penerbit di Radio Television Malaysia (RTM) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Beliau juga berminat menulis dan merupakan penulis novel *Gerhana Di Hati* yang pernah menjadi *best seller*.



**YB SENATOR DATO'
CHAN CHOONG TAK**

(28 Disember 1989 –
16 Disember 1990)

YB Senator Dato' Chan Choong Tak dilahirkan pada 2 Mei 1933 di Seremban, Negeri Sembilan. Beliau memegang Ijazah Perundangan (LL.B) dari *University of London*, sijil *Barrister-at-Law, Lincoln's Inn* dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat. Beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Setiausaha Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia.



**YB SENATOR DATO'
TAN PENG KHOON**

(13 Julai 1988 – 27 Disember 1989)

YB Senator Dato' Tan Peng Khoon merupakan ahli *Malaysian Chinese Association* (MCA) sejak tahun 1959 dan ADUN Bandar Penggaram, Johor dari tahun 1959 hingga 1969.



**YB SENATOR
TAN SRI DATUK ABANG
HAJI AHMAD URAI
BIN DATUK HAKIM
ABANG HAJI
MOHIDEEN**

(29 Julai 1985 – 10 Julai 1988)

Beliau berkhidmat dalam perkhidmatan awam negeri Sarawak selama 18 tahun dan pernah dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Menteri Pertanian dan Masyarakat di Sarawak. Beliau dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak sebagai Senator dan dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada 1985. Beliau dianugerahkan darjah kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri pada tahun 1989.



**YB SENATOR
TAN SRI DATUK
SULAIMAN BIN
NINAM SHAH**

(14 Disember 1982 – 1 April 1985)

YB Senator Tan Sri Datuk Sulaiman bin Ninam Shah dilahirkan pada 2 Januari 1920 di Muar, Johor. Beliau memulakan kerjaya politik sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor dan memegang portfolio Pengerusi Kerajaan Tempatan Negeri Johor (1954-1964). Beliau dilantik sebagai Senator dari tahun 1979 hingga 1985 dan dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada tahun 1982. Beliau dilantik menjadi Pengerusi Tetap UMNO dari 1975 hingga 1995.



**YB SENATOR
JENERAL TAN SRI
ABDUL HAMID BIN
BIDIN**

(13 April 1981 – 28 Julai 1982)

YB Senator Jen (B) Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin dilahirkan pada 1 Julai 1918 di Kampung Pianggu, Endau Rompin, Pahang. Beliau merupakan Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) selama 17 tahun. Jasa beliau sangat dihargai dan dianugerahkan *Honorary Life Membership* daripada Returned & Services League of Australia (RSL), sebuah pertubuhan bekas tentera di Australia.



**YB SENATOR
TAN SRI DATUK S.O.K.
UBAIDULLA**

(22 Mac 1971 – 31 Disember 1980)

YB Senator Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla dilahirkan pada 18 Jun 1918 di Chennai, India. Beliau pernah menjadi presiden pertama Dewan Perniagaan dan Perindustrian Bersekutu India pada tahun 1950. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Pengasas Bank Bumiputra dan berkhidmat selama 20 tahun sebagai Presiden Persatuan Perundingan Majikan Malaya, yang kini dikenali sebagai Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF). Pada tahun 1959, beliau dilantik sebagai Senator dan dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada tahun 1971.



SETIAUSAHA DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara atau lebih dikenali sebagai *Clerk of the House* dalam konteks Komanwel dan juga *Secretary to Parliament* di Parlimen negara-negara lain bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan dan perjalanan Dewan Negara teratur, selain membantu dan memberi nasihat kepada Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Parlimen mengenai urusan, tatacara dan amalan Parlimen.



Orang yang memegang jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Fasal ini hendaklah, melainkan jika mana-mana orang itu belum mencapai umur 55 tahun dan sudah memilih untuk menjadi anggota perkhidmatan awam am Persekutuan, terus memegang jawatan masing-masing atas terma-terma dan syarat-syarat yang tidak kurang baiknya daripada yang terpakai baginya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa sedemikian dan tidaklah boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan, dan dalam hal ini representasi yang disebut dalam Perkara 125(3) hendaklah representasi yang dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

PERANAN DAN FUNGSI SETIAUSAHA DEWAN NEGARA

Tanggungjawab dan fungsi Setiausaha Dewan Negara ini turut dinyatakan dengan terperinci dalam Perkara 8, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

8(1)

Menyediakan surat yang diperlukan oleh Majlis Mesyuarat dan Tuan Yang di-Pertua dan melaksanakan segala arahan Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan segala perkara berkaitan dengan urusan Majlis Mesyuarat.

8(2)

- (a) Mengeluarkan notis sekurang-kurangnya 28 hari sebelum dimulakan Mesyuarat setiap Penggal Parlimen, kepada Ahli-ahli Dewan memberitahu tarikh-tarikh Mesyuarat Majlis Mesyuarat bagi penggal itu.
- (b) Menyediakan satu salinan Aturan Urusan Mesyuarat untuk setiap Ahli dengan seberapa segera yang boleh sebelum setiap mesyuarat.

8(3)

Menyimpan minit-minit mesyuarat Majlis dan perjalanan mesyuarat Jawatan kuasa sesebuah Majlis. Minit-minit ini dinamakan "Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat" dan perlu dihantar satu salinan kepada Ahli-ahli Mesyuarat pada hari esoknya.

8(4)

Merekodkan semua maklumat "Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat" termasuk nama Ahli yang hadir, keputusan Mesyuarat, serta jumlah dan nama Ahli yang bersetuju atau tidak bersetuju, dan Ahli yang mengundi atau tidak mengundi. Tuan Yang di-Pertua akan menandatangani rekod ini dan membetulkan sebarang kesilapan jika perlu.

8(5)

Menyediakan dan menyimpan di meja mesyuarat atau di pejabat, sebuah Buku Mesyuarat yang mencatatkan semua urusan termasuk pertanyaan-pertanyaan dan Usul-usul yang telah ditetapkan atau belum ditetapkan tarikh bagi urusan perjalanan Majlis Mesyuarat. Buku Mesyuarat tersebut boleh diakses oleh mana-mana Ahli.

8(6)

Menyimpan buku "Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat", rekod-rekod, Rang Undang-undang dan lain-lain surat yang telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat dan semua ini terbuka untuk diakses oleh semua Ahli-ahli Mesyuarat dan orang lain mengikut aturan yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Disamping itu, Setiausaha Dewan Negara turut bertanggungjawab memberi taklimat kepada Ahli-ahli baru Dewan Negara mengenai prosedur dan tatacara Dewan Negara.

A. SEBELUM SESI PARLIMEN

Setiausaha Dewan Negara bertanggungjawab untuk merancang dan menyediakan takwim Persidangan Dewan Negara bagi setiap tahun. Perancangan yang rapi perlu dibuat mengambil kira jumlah hari bersidang, agenda mesyuarat, dan urusan-urusan Kerajaan. Draf takwim akan dibincangkan terlebih dahulu di peringkat Bahagian Kabinet, Jabatan Perdana Menteri sebelum mendapat persetujuan dan kelulusan YAB Perdana Menteri selain Yang di-Pertua Dewan Negara dan Kabinet. Setiausaha Dewan Negara juga perlu memberikan notis mengenai tarikh-tarikh persidangan sekurang-kurangnya 28 hari sebelum sesi Parlimen, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 8(2)(a), tertakluk kepada keadaan yang tertentu Yang di-Pertua boleh mengetepikan syarat tersebut.

Setelah menerima Notis Mesyuarat, Ahli-ahli Dewan Negara mula mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan Usul-usul. Setiausaha Dewan Negara bertanggungjawab untuk memantau proses penerimaan pertanyaan-pertanyaan dan beliau mempunyai kuasa untuk menyunting pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan seperti yang tertakluk dalam Peraturan Mesyuarat 24(5).

B. SEMASA SESI PARLIMEN

Aturan Urusan Mesyuarat dan Nota Tuan Yang di-Pertua

Tugas Setiausaha Dewan Negara yang paling signifikan sepanjang tempoh sesi Majlis Mesyuarat berlangsung ialah meneliti, menyemak dan memantau kelancaran perjalanan Majlis Mesyuarat. Setiausaha juga perlu memantau Aturan Urusan Mesyuarat Majlis yang telah ditetapkan serta menyediakan nota Yang di-Pertua Dewan Negara atau Timbalannya.

Selain itu, sebelum sesuatu Majlis Mesyuarat bermula, Setiausaha Dewan Negara perlu memastikan penyediaan sesalinan Aturan Urusan Mesyuarat selaras dengan Peraturan Mesyuarat 8(2)(b).

“Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat”

Setiausaha Dewan Negara turut bertanggungjawab menyimpan buku-buku rekod dan Rang Undang-undang serta menyimpan dan menghantar satu salinan “Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat” bagi mesyuarat Majlis dan Jawatankuasa sesebuah Majlis kepada Ahli-ahli pada hari esoknya atau seberapa segera seperti yang tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat.

Penyediaan Penyata Rasmi (Hansard)

Setiausaha Dewan Negara juga bertanggungjawab untuk memantau penyediaan Penyata Rasmi berbentuk verbatim bagi Majlis Mesyuarat dan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan. Penyata Rasmi merupakan laporan rasmi yang mencatatkan ucapan-ucapan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat.

Jawapan kepada Pertanyaan

Setiausaha Dewan Negara perlu menyelaraskan pertanyaan-pertanyaan lisan dan bertulis. Jawapan bagi setiap pertanyaan lisan dan bertulis akan disediakan oleh pihak Kementerian dan dimuat naik di Portal Parlimen Malaysia.

Usul-usul

Setiausaha Dewan Negara bertanggungjawab untuk menyelaraskan tindakan yang perlu dan segera berkaitan usul-usul di bawah Peraturan Mesyuarat 25 hingga 33 dan lain-lain Peraturan Mesyuarat berkaitan.

Risalat- risalat Mesyuarat

Risalat-risalat mesyuarat hendaklah dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang di-Pertua atau seorang Menteri atau Pengerusi Jawatankuasa sahaja dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Dewan. Risalat hendaklah dalam bentuk cetak, elektronik atau apa-apa rupa dan cara yang diperintahkan oleh Yang di-Pertua mengikut ketetapan dalam Peraturan Mesyuarat 19(1).

Prosedur Penggubalan Undang-undang

Salah satu peranan utama Setiausaha Dewan Negara termasuklah mengendalikan prosedur berkaitan dengan penggubalan Undang-undang. Peraturan mengenai Rang Undang-undang termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 47. Setiausaha Dewan Negara perlu menyampaikan Perutusan daripada Dewan Rakyat mengenai setiap Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat kepada Tuan Yang di-Pertua mengikut Peraturan Mesyuarat 65 dan 66.

C.

PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA

Aturan Pemilihan Tuan Yang di-Pertua yang dikendalikan oleh Setiausaha Dewan Negara termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 2.

D. MENGANGKAT SUMPAH

Setiausaha Dewan menjalankan urusan mengangkat sumpah Ahli-ahli Dewan Negara seperti termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 4(1)-4(4) di mana sumpah yang dilafazkan seperti dalam Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan dan tiap-tiap orang Ahli yang mengangkat sumpah itu hendaklah menurunkan tandatangan dalam sebuah buku yang akan disimpan oleh Setiausaha Dewan.

E. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

Pada dasarnya, Setiausaha Dewan Negara menjalankan fungsi Setiausaha kepada semua Jawatankuasa Pilihan yang dibentuk oleh Parlimen. Beliau juga boleh menetapkan baginya Setiausaha bagi setiap Jawatankuasa Pilihan mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 75(8). Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 75(9), setiap senarai saksi yang dipanggil hendaklah dihantar kepada Setiausaha yang mengandungi nama, alamat dan pekerjaan tiap-tiap saksi itu sekurang-kurangnya dua hari sebelum hari yang ditetapkan untuk saksi disoal kecuali jika terdapat perintah lain daripada pengerusi seperti yang tertakluk dalam Peraturan Mesyuarat 75(10). Setiausaha juga menjalankan urusan belah bahagian dalam Jawatankuasa Pilihan mengikut kaedah Peraturan Mesyuarat 76(1)-76(6).

F. MEMBANTU PENYEDIAAN PETUA (RULING) YANG DI-PERTUA

Setiausaha Dewan Negara perlu hadir dalam Majlis Mesyuarat semasa persidangan. Kedudukan tempat Setiausaha Dewan Negara di dalam Dewan Persidangan adalah tetap iaitu berada di tingkat bawah di hadapan kerusi Tuan Yang di-Pertua. Dalam mengendalikan Majlis, Tuan Yang di-Pertua perlu membuat keputusan-keputusan berbentuk Petua-petua Yang di-Pertua berdasarkan interpretasi, dahuluan (precedence) dan lain-lain pertimbangan di mana nasihat atau pandangan Setiausaha Dewan Negara memainkan peranan yang utama. Pada setiap hari sebelum dewan bersidang, Setiausaha Dewan Negara akan berjumpa dan memberi taklimat kepada Tuan Yang di-Pertua mengenai perjalanan sidang Majlis Mesyuarat pada hari tersebut.

G.

PERINGKAT ANTARABANGSA

Setiausaha Dewan Negara turut terlibat dalam penyertaan mesyuarat, forum dan seminar di peringkat antarabangsa atas kapasitinya seperti *Conference of Speakers and Presiding Officers of the Commonwealth* (CSPOC) dan *Commonwealth Parliamentary Conference* (CPC). Setiausaha Dewan Negara memainkan peranan dengan membantu Yang di-Pertua Dewan Negara dalam persidangan dan Mesyuarat *Standing Committee* yang diadakan. Selain itu, terdapat juga persidangan yang khusus untuk penyertaan Setiausaha Dewan dari institusi Parlimen dari seluruh dunia seperti Persidangan *Society of the Clerks-at-the-Table* (SOCATT) dan *The Association of Secretaries General of Parliaments* (ASGP) yang menjadi platform perkongsian maklumat, pengalaman dan menjalinkan hubungan kerjasama.



SETIAUSAHA DEWAN NEGARA

No	Nama	Tahun
1.	MUHD SUJAIRI ABDULLAH	22 Februari 2020 - Kini
2.	RIDUAN BIN RAHMAT	8 September 2014- 21 Februari 2020)
3.	DATUK ZAMANI BIN HAJI SULAIMAN	1 April 2004 – 7 September 2014
4.	DATO' ABDULLAH BIN ABDUL WAHAB	1996 - 2004
6.	HJ ABDUL RAHIM BIN HJ ABU BAKAR	1986 - 1988
7.	HJ AHMAD HASMUNI BIN HJ HUSSEIN	1978 - 1986
8.	LIM JOO KENG	1969 - 1978
9.	AHMAD BIN ABDULLAH	1962 - 1969
10.	HJ SHAMSUDDIN BIN HJ MOHD SIDIN	1961 - 1962
11.	ABDUL GHANI BIN MOHD DON	1960 - 1961)
12.	RAMLI BIN ABDUL HAMID	1959 - 1960



EVOLUSI DEWAN NEGARA

PENGENALAN

Sejak pembentukan, Dewan Negara telah mengalami beberapa evolusi dalam memperkukuhkan peranan dan fungsinya sebagai dewan tertinggi di Parlimen Malaysia.

1. **Penolakan Retorik Dewan Negara Sebagai *Rubber Stamp***

Dewan Negara berperanan dalam mempertahankan kemuliaan serta kedaulatan Parlimen sebagai *non-partisan* dan bebas. Prinsip tanpa kecenderungan politik kepartian menjadi asas komponen Dewan ini. Retorik Dewan Negara sebagai *rubber stamp* dan *backdoor access* juga disangkal apabila Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 dan Rang Undang-undang GST (Pemansuhan) 2018 diluluskan oleh Dewan Negara yang dimonopoli oleh pihak pembangkang. Selain itu, Dewan Negara juga telah menolak usul pemansuhan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 selepas dibacakan buat kali kedua. Perkara ini menunjukkan dengan jelas bahawa Dewan Negara bukanlah sebuah dewan yang hanya menjalankan fungsi *rubber stamp* semata-mata, tetapi sebaliknya semakimbang yang efisien bagi proses legislatif yang lebih menyeluruh.

2. **Penubuhan Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara (JKRDN)**

Bagi memantapkan hala tuju reformasi Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Negara telah bersetuju agar satu jawatankuasa ditubuhkan pada Disember 2018. Jawatankuasa yang diberi nama Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara (JKRDN) ini telah ditubuhkan susulan perbincangan sesama Ahli dan selepas mendapat persetujuan Yang di-Pertua Dewan

Negara. JKRDN memberi keutamaan kepada aspek pembaharuan institusi Dewan Negara agar institusi ini kembali relevan bagi proses pengubalan undang-undang di negara ini.

3. **Penubuhan Kaukus Dewan Negara**

Penubuhan Kaukus Dewan Negara juga merupakan pembaharuan yang dibuat di negara ini setelah dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan Dewan Negara memenuhi potensinya demi memainkan peranan semak danimbang (*check and balance*) dengan lebih efektif.

4. **Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK)**

Kaedah lazim penubuhan sesebuah Jawatankuasa Pilihan Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 74, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara adalah melalui cadangan daripada Jawatankuasa Dewan. Jawatankuasa Dewan akan mencadangkan dan menetapkan terma rujukan bagi sesebuah Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut. Setelah dipersetujui, sebuah Nota Jemaah Menteri perlu disediakan untuk makluman pihak Kerajaan. Susulan daripada itu, sebuah penyata Jawatankuasa Dewan mengenainya hendaklah dibentangkan dan diluluskan dengan perintah Majlis.

JKPK Dewan Negara telah ditubuhkan bagi memperkasakan peranan Dewan Negara untuk menilai, meneliti, menganalisis serta memberikan syor dan solusi terhadap isu spesifik secara mendalam. JKPK juga berkuasa memanggil sesiapa yang berkaitan untuk memberi penerangan, buah fikiran dan pandangan. Peranan JKPK ini tertakluk pada terma rujukan masing-masing yang telah ditetapkan. Tiga (3) JKPK pertama yang ditubuhkan adalah pada Majlis Mesyuarat Dewan Negara Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas iaitu JKPK Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah, JKPK Kesejahteraan Rakyat dan JKPK Sosiobudaya, Komunkasi dan Pendidikan. Terkini, tiga JKPK yang diluluskan pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas untuk ditubuhkan adalah seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Pilihan Khas Tatakelola, Integriti dan Antirasuah.
- ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang.
- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Sosial dan Masyarakat.



Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Negara.

5. Inisiatif Bersama Dewan Rakyat

Bagi kebanyakan urusan, Dewan Negara dan Dewan Rakyat akan menguruskan perkara berkaitan kajian, penambahbaikan, majlis atau mesyuarat berkenaan Dewan masing-masing. Kebiasaannya, setiap usul akan diangkat oleh Ketua Majlis (YAB Perdana Menteri) di dalam Dewan Rakyat untuk dibincangkan dan diputuskan oleh dewan berkenaan. Inisiatif cadangan mengembalikan Akta Perkhidmatan

Parlimen (Parliamentary Service Act) merupakan sebuah hasil kajian bersama yang dijayakan oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Usul mengenai perkara ini diangkat oleh YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan telah diputuskan agar perkara untuk mengembalikan akta tersebut dibincangkan secara bersama oleh kedua-dua Dewan.



Sidang Meja Bulat Reformasi Dewan Negara yang diadakan di Parlimen Malaysia pada 18 Februari 2019.



Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan Bil.1 Tahun 2022 dipengerusikan oleh YB Senator Tuan Aknan a/l Ehtook yang diadakan di Bintulu, Sarawak pada 16 Februari 2022.

PERATURAN-PERATURAN MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PENGENALAN

Di bawah Perkara 62 Perlembagaan Persekutuan, Dewan Negara dan Dewan Rakyat berhak untuk menentukan tatacara dalamannya sendiri secara berasingan. Tiada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang yang mewajibkan bahawa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dan Dewan Rakyat perlu mempunyai peraturan yang sama. Oleh yang demikian, terdapat kelainan dalam penggubalan dan perincian dalam Peraturan-peraturan yang digunakan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Bagi Peraturan Dewan Negara, Jawatankuasa Peraturan Dewan Negara yang dilantik pada 11 September 1959 telah menerima Peraturan-peraturan yang digunakan oleh *Federal Legislative Council* 1948 dan dipinda pada tahun 1957. Dewan Negara juga mendapat keistimewaan di bawah Perkara 63 Perlembagaan Persekutuan. Dengan itu, Dewan Negara berkuasa sepenuhnya dalam menggubal, meminda dan mentafsir peraturan-peraturan Dewan untuk panduan Majlis Mesyuarat dan Ahli-ahli Majlis tersebut.

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengandungi 92 peruntukan yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama seperti berikut:

- | | | |
|--|--|---|
| <p>i Urusan Mesyuarat
(Peraturan Mesyuarat
1 hingga 33)</p> | <p>ii Peraturan-peraturan
Berbahas
(Peraturan Mesyuarat
34 hingga 69)</p> | <p>iii Jawatankuasa-
jawatankuasa Pilihan
(Peraturan Mesyuarat
70 hingga 92)</p> |
|--|--|---|

PERATURAN-PERATURAN MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA DAN KANDUNGANNYA

(Kemaskini sehingga November 2023)

Peraturan Mesyuarat	Kandungan
<p>1 – 33 (URUSAN MESYUARAT)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memilih Tuan Yang di-Pertua 2. Aturan Memilih Tuan Yang di-Pertua 3. Menetapkan kerusi Ahli-ahli 4. Mengangkat Sumpah 5. Memilih Timbalan Yang di-Pertua 6. Tuan Yang di-Pertua 7. Bahasa-bahasa Rasmi 8. Kewajipan-kewajipan Setiausaha 9. Penyata Rasmi Mesyuarat 10. Penggal Majlis dan Mesyuarat-mesyuarat 11. Persidangan 12. Kuorum


Peraturan Mesyuarat	Kandungan
	<ol style="list-style-type: none"> 13. Aturan Urusan Mesyuarat 14. Susunan Urusan-urusan Mesyuarat 15. Menangguhkan majlis 16. Usul menangguhkan mesyuarat akhir persidangan 17. Menangguhkan mesyuarat-perkara tertentu berkenaan Kepentingan orang ramai yang berkehendak segera 18. Petisyen-petisyen 19. Risalat-risalat mesyuarat 20. Pertanyaan-pertanyaan 21. Pemberitahu berkenaan dengan Pertanyaan-pertanyaan 22. Isi pertanyaan 23. Cara mengeluarkan pertanyaan dan menjawab pertanyaan 24. Penerangan Sendiri 25. Pemberitahu-pemberitahu Usul 26. Cara-cara mengeluarkan pemberitahu 27. Mengubah isi-isi sesuatu Usul 28. Menarik Balik Pemberitahu Usul 29. Meminda Usul-usul 30. Menyokong Usul-usul dan Pindaan-pindaan 31. Pindaan-Pindaan Usul hendaklah dengan surat 32. Cara membahaskan Usul dan Pindaan Usul 33. Menarik balik Usul-usul dan Pindaan-pindaan.
<p style="text-align: center;">34 - 69 (PERATURAN - PERATURAN BERBAHAS</p>	<ol style="list-style-type: none"> 34. Masa dan cara bercakap 35. Isi-isi ucapan 36. Mengganggu 37. Had perbahasan 38. Mendahului perbahasan 39. Menutup perbahasan 40. Adab Ahli-ahli yang tidak bercakap 40A. Tatacara berpakaian Ahli di Dalam Dewan 41. Mesyuarat hendaklah diam bila pengerusi bercakap 42. Keputusan Pengerusi adalah muktamad 43. Tertib dalam Majlis Mesyuarat 44. Memutuskan masalah-masalah 45. Undi dengan suara 46. Belah-bahagian 47. Peraturan berkenaan Rang Undang-undang 48. Rang Undang-undang daripada Ahli-ahli yang bukan anggota pentadbiran 49. Rang Undang-undang persendirian dan Rang Undang-undang campuran 50. Susunan isi Rang Undang-undang 50A. Ayat Mengundang-undangkan 51. Pihak-pihak yang terkesan 52. Bacaan kali yang Kedua 53. Menyerahkan Rang Undang-undang

Peraturan Mesyuarat	Kandungan
	54. Tugas-tugas Jawatankuasa yang menimbangkan Rang Undang-undang 55. Jawatankuasa sesebuah majlis 56. Aturan dalam Jawatankuasa sesebuah majlis yang Menimbangkan Rang Undang-undang 57. Peraturan dalam Jawatankuasa pilihan yang menimbangkan Rang Undang-undang 58. Menyerahkan sekali lagi Rang Undang-undang yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa sesebuah majlis 59. Perbincangan atas Rang Undang-undang yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa pilihan 60. Bacaan kali Yang Ketiga 60A. Pewartaan Undang-undang dan pembedahan oleh setiausaha 61. Menarik balik dan Menungguhkan Rang Undang-undang 62. Rang Undang-undang yang mengandungi syarat-syarat yang hampir-hampir Sama maksudnya 62A. Rang Undang-undang akan luput 63. Melonggarkan syarat-syarat mencetak Rang Undang-undang 64. Perutusan-perutusan kepada Dewan Rakyat 65. Perutusan-perutusan daripada Dewan Rakyat 66. Bacaan Kali yang Pertama Rang Undang-undang yang dibawa daripada Dewan Rakyat 67. Menimbangkan Pindaan-pindaan yang dibuat oleh Dewan Rakyat ke atas Rang Undang-undang dan lain-lainnya 68. Aturan menimbangkan pindaan Dewan Rakyat ke atas Rang Undang-undang, Pindaan-pindaan dan lain-lainnya 69. Aturan menimbangkan Rang Undang-undang dalam Peringkat-peringkatnya Kemudian.
<p style="text-align: center;">70 – 92 (JAWATANKUASA - JAWATANKUASA PILIHAN)</p>	70. Jawatankuasa Pemilih 71. Jawatankuasa Dewan 72. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan 72A. Kuasa Majlis menghukum kerana menghina majlis 73. Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat 74. Jawatankuasa Pilihan 75. Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan 76. Belah bahagian dalam Jawatankuasa Pilihan 77. Menyiarkan keterangan sebelum masanya 78. Penyata-penyata daripada Jawatankuasa-jawatankuasa pilihan 79. Pertimbangan bersama Jawatankuasa Pilihan dengan Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat 80. Tatacara dan Penyata-penyata jawatankuasa pilihan bersama 81. Rang Undang-undang dan pindaan-pindaan berkaitan dengan cukai, perbelanjaan dan lain-lain 82. Merentikan kuat kuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat

Peraturan Mesyuarat

Kandungan

- 83. Ketidakhadiran Ahli
- 83A. Kehadiran Ahli
- 84. Menggunakan Ahli sebagai Profesional
- 85. Orang-orang Luar
- 86. Wakil-wakil akhbar
- 87. Perbelanjaan saksi
- 88. Tafsir
- 89. Petua-petua Tuan yang di-Pertua
- 90. Kuasa-kuasa dalam perkara-perkara lain yang tidak spesifik
- 91. Syarat khas berkenaan dengan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen
- 92. Kegagalan mematuhi Peraturan Mesyuarat tidak membatalkan perjalanan mesyuarat atau keputusan





ATURAN MAJLIS DEWAN NEGARA

PENGENALAN


Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara (PMDN) ialah Peraturan yang dibuat oleh Dewan Negara menurut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan dan selaras dengan kuasa perundangan yang terletak hak pada Parlimen dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952. Peruntukan Perkara 62 Fasal 1 Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan Undang-undang Persekutuan, setiap Majlis Parlimen hendaklah mengawal selia tatacaranya sendiri.


Oleh itu, bagi mengurus perjalanan Majlis dalam Dewan Negara, semua tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan Dewan Negara hendaklah dipatuhi. Dewan Negara ini mempunyai 92 Peraturan Mesyuarat yang merangkumi pelbagai perkara dalam tatacara Dewan. Kesemua peraturan mesyuarat tersebut perlu dipatuhi oleh Ahli Dewan dan dijadikan panduan oleh Yang di-Pertua Dewan Negara dalam menerajui perjalanan Majlis. Perkara 62 (1) Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa Dewan Negara hendaklah mengawal selia tatacara dan perjalanan Majlis Mesyuarat tanpa terikat dengan aturan di dalam Dewan Rakyat. Peraturan Mesyuarat 14 menjelaskan bagaimana sebuah perjalanan Majlis Dewan Negara perlu dilaksanakan agar segala urusan dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Urusan-urusan bagi setiap hari persidangan disediakan dalam Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) atau dikenali sebagai Order Paper yang merangkumi agenda sidang pada hari itu dan disediakan kepada Ahli Dewan serta boleh diakses dalam Portal Rasmi Parlimen. AUM itu termasuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan dan usul serta Rang Undang-undang yang akan diperkenalkan di Parlimen pada hari tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DEWAN NEGARA



KEUNIKAN DEWAN NEGARA



PETUNJUK PELAN DEWAN NEGARA

NO.	IKON	PERKARA
1		Kerusi Yang di-Pertua Dewan Negara
2a		Tukul kayu (Gavel)
2b		Buku Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara
3		Meja Setiausaha Dewan
4		Jata Negara
5		Jam Dinding
6		Bendera Negeri
7		Tempat Duduk Ahli Parlimen
8		Kedudukan Kerusi Ahli Kabinet dan Ruang Khas Kabinet, Pegawai Kementerian dan Pegawai Khas Ahli-ahli Parlimen

NO.	IKON	PERKARA
9		Jata Negeri
10		Cokmar
11		Meja Bentara Mesyuarat
12		Meja Pelapor (Penyata Rasmi)
13		Galeri Awam
14		Bilik Jurubahasa
15		<i>Antechamber</i>
16		Kerawang
17		Permaidani
18		Bilik Teknikal

ITEM YANG TERDAPAT DI DALAM DEWAN NEGARA

I.



PERKARA

- Kerusi Yang di-Pertua Dewan Negara

KETERANGAN

- Yang di-Pertua Dewan Negara duduk di hujung hadapan Dewan.
- Yang di-Pertua ialah pegawai pemutus (Presiding Officer) dan kuasa tertinggi di dalam Majlis yang dipilih oleh Ahli-ahli Majlis. Beliau bertanggungjawab menjaga ketertiban mesyuarat, mengendalikan perjalanan mesyuarat, dan penguatkuasaan peraturan Majlis.

2a.




PERKARA

- Tukul kayu (Gavel)

KETERANGAN

- Tukul kayu ialah pemukul yang digunakan oleh Yang di-Pertua Dewan Negara semasa persidangan dewan. Diperbuat daripada kayu keras, biasanya dibentuk dengan pemegang.
- Ia digunakan untuk menarik perhatian atau untuk menandakan ketetapan dan pengisytiharan, dan merupakan simbol kuasa dan hak untuk bertindak secara rasmi dalam kapasiti sebagai seorang Yang di-Pertua Dewan.

2b.



PERKARA

- Buku Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara

KETERANGAN

- Peraturan bertulis tetap yang digunakan untuk menguruskan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Negara dipanggil "Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat" atau singkatannya "Peraturan Mesyuarat".
- Sifat tetap peraturan yang terkandung di dalamnya bermaksud ia tidak terbatal di penghujung sesebuah penggal, sebaliknya akan terus diguna pakai sehingga Majlis sendiri membuat keputusan untuk menggantung, mengubah atau memansuhkannya.
- Pada masa kini, terdapat 92 peruntukan di dalam Peraturan Mesyuarat, di mana setiap satunya membentuk perintah berterusan bagi atur cara perjalanan Majlis.
- Tafsiran yang dibuat ke atas peraturan-peraturan lama telah disesuaikan dari semasa ke semasa sebagai tindak balas kepada perubahan politik atau cerminan kepada konteks moden.

3.



PERKARA

- Meja Setiausaha Dewan

KETERANGAN

- Terletak di bahagian hadapan Dewan, di hadapan Yang di-Pertua Dewan Negara.
- Setiausaha Dewan adalah penasihat utama kepada Yang di-Pertua dan Ahli-ahli berhubung dengan amalan dan prosedur di dalam Parlimen.
- Beliau bertanggungjawab membantu Yang di-Pertua dalam hal-hal berkaitan perjalanan mesyuarat di dalam Majlis.

4.



PERKARA

- Jata Negara

KETERANGAN

- Jata Negara Malaysia merupakan lambang rasmi kerajaan Malaysia yang telah diperkenalkan dan diwartakan buat pertama kali oleh Raja-Raja Melayu pada 30 Mei 1952.
- Reka bentuk Jata Negara telah direka oleh Jabatan Ukur dengan menggunakan enam warna. Jata Negara menunjukkan bintang pecah 14 menandakan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan.
- Bintang bersama-sama anak bulan pula sebagai lambang Agama Islam yang diangkat sebagai agama rasmi Malaysia. Lima bilah keris pula sebagai lambang Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.
- Bahagian sebelah kiri perisai yang berimej pokok pinang menandakan negeri Pulau Pinang dan bahagian sebelah kanan yang berimej dengan pokok Melaka mewakili negeri Melaka. Kedua-dua buah negeri tersebut adalah sebahagian daripada Negeri-Negeri Selat suatu ketika dahulu.
- Dalam empat jalur yang sama besarnya di bahagian tengah yang berwarna merah, hitam, putih dan kuning itu, warna-warna hitam dan putih mewakili warna negeri Pahang; merah dan kuning mewakili warna negeri Selangor; hitam, putih dan kuning mewakili warna negeri Perak; dan merah, hitam dan kuning mewakili warna Negeri Sembilan.
- Empat buah negeri ini adalah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang asal. Dua ekor harimau juga merupakan simbol keberanian, kegagahan dan kekuatan. Tiga bahagian di sebelah bawah itu menandakan negeri Sabah di sebelah kiri dan Sarawak di sebelah kanan.
- Di tengah-tengahnya ialah bunga raya yang merupakan Bunga Kebangsaan Malaysia. Cogan kata "Bersekutu Bertambah Mutu" ditulis dengan tulisan rumi di sebelah kiri dan tulisan jawi di sebelah kanan. Warna kuning pada awan-awan adalah warna Diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

5.



PERKARA

- Jam dinding

KETERANGAN

- Jam dinding yang digunakan sepanjang perjalanan persidangan dewan.

6.



PERKARA

- Bendera negeri

KETERANGAN

- Bendera negeri yang melambangkan perwakilan daripada setiap 13 negeri dan Wilayah Persekutuan.

7.



PERKARA

- Tempat duduk Ahli Dewan Negara

KETERANGAN

- Ruang yang ditetapkan untuk Senator semasa persidangan parlimen. Senator yang menjadi anggota jemaah Menteri ditempatkan di sebelah kanan YPDN manakala Senator lantikan negeri ditempatkan di sebelah kiri. Senator lantikan Yang di-Pertuan Agong pula disusun di sebelah kiri dan kanan mengikut kekananan.

8.



PERKARA

- Kedudukan kerusi pegawai kementerian dan pegawai khas Ahli-ahli Parlimen

KETERANGAN

- Kawasan yang dihaskan kepada pegawai kementerian dan pegawai Ahli Parlimen untuk duduk semasa sidang Parlimen.

9.



PERKARA

- Jata Negeri

KETERANGAN

- Jata negeri melambangkan perwakilan daripada setiap 13 negeri dan Wilayah Persekutuan.
- Lokasi Jata negeri berada di sebelah kiri dan kanan atas kawasan tempat duduk Senator di dalam dewan.

10.



PERKARA

- Cokmar

KETERANGAN

- Cokmar Dewan Negara telah dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong IV pada Jun 1966 dan mempunyai reka bentuk hampir sama dengan Cokmar Dewan Rakyat tetapi bersaiz lebih kecil.
- Cokmar adalah alat kebesaran Parlimen yang utama kerana cokmar melambangkan keangungan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Dewan Parlimen.
- Tanpa cokmar, tiada keabsahan bagi kedua-dua Dewan dan persidangan tidak dapat dijalankan.

II.



PERKARA

- Meja Bentara Mesyuarat

KETERANGAN

- Lokasinya terletak berhadapan dengan meja Setiausaha Dewan Negara.
- Bentara Mesyuarat bertugas membantu Yang di-Pertua atau Pengerusi Jawatankuasa mengekalkan ketenteraman Majlis dalam kalangan Ahli dan di dalam galeri.
- Dalam mana-mana mesyuarat Majlis atau Jawatankuasa, Bentara Mesyuarat diberi kuasa untuk menahan mana-mana orang luar yang melakukan kesalahan atau enggan beredar dari kamar atau galeri.
- Bentara juga adalah penjaga Cokmar dan menjalankan tugas istiadat sebagai pembawa Cokmar semasa perarakan Tuan Yang di-Pertua masuk dan keluar Dewan.

Kerusi Khas Bentara

- Kedudukan kerusi Bentara terletak di penjuru Dewan Negara.
- Bentara bertanggungjawab menjaga ketenteraman di dalam Dewan. Beliau bertindak atas arahan Tuan Yang di-Pertua dan boleh menyingkirkan sesiapa jua dari Dewan, jika diperintahkan.

12.



PERKARA

- Meja Pelapor (Penyata Rasmi)

KETERANGAN

- Sepanjang Majlis Mesyuarat berlangsung, setiap aturan Mesyuarat adalah dirakam dengan menggunakan perakam audio digital.
- Pelapor turut akan mencatat secara bertulis. Catatan ini perlu dilakukan bagi memastikan setiap celahan yang tidak dapat direkod oleh perakam audio digital boleh dimasukkan ke dalam Penyata Rasmi.
- Kesemua perbahasan dalam Majlis dan Jawatankuasa Majlis yang direkodkan dalam Penyata Rasmi disediakan bawah penyeliaan Setiausaha.
- Penyata-penyata ini seterusnya disediakan dan diserahkan kepada Ahli-ahli untuk pembetulan sebelum diterbitkan.
- Ahli-ahli hanya boleh membuat pembetulan kecil ke atas apa yang mereka sebut seperti yang dilaporkan dan tidak boleh mengubah makna atau isi ucapan mereka. Jika mereka mahu membuat perubahan besar, mereka perlu mendapatkan kelulusan Yang di-Pertua.

13.



PERKARA

- Galeri Awam

KETERANGAN

- Ruang khas yang disediakan untuk orang awam menyaksikan sidang Parlimen.

14.



PERKARA

- Bilik Jurubahasa

KETERANGAN

- Jurubahasa Serentak akan menterjemahkan apa yang diucapkan oleh Ahli Dewan dalam masa sebenar.
- Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Melayu.
- Apabila pelawat luar negara hadir untuk mengikuti perbahasan yang berlangsung, perkhidmatan terjemahan serentak disediakan oleh Jurubahasa Serentak bagi menterjemah Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris.

15.



PERKARA

- Antechamber

KETERANGAN

- Bilik ini merupakan ruang pejabat bagi Yang di-Pertua Dewan Negara semasa persidangan sedang berlangsung.

16.



PERKARA

- Kerawang

KETERANGAN

- Kerawang di Dewan Negara menggunakan motif atau teknik ukiran kayu tebus tembus bersilat dengan elemen motif tradisional sebagai lakaran seperti bunga tanjung, bunga cempaka dan bunga raya.

17.



PERKARA

- Permaidani

KETERANGAN

- Dewan Negara menggunakan permaidani berwarna merah selaras dengan warna rasmi Dewan Negara.

18.



PERKARA

- Bilik kawalan

KETERANGAN

- Bilik kawalan di dalam Dewan Negara mempunyai peranan yang amat penting bagi memastikan kelancaran sidang Parlimen. Ia merupakan pusat operasi teknikal yang mengendalikan pelbagai aspek sokongan teknikal dan audio-visual sepanjang persidangan berlangsung.





JUBAH RASMI YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

PENGENALAN



Perbezaan jubah penuh yang dipakai oleh Yang di-Pertua Dewan Negara yang pertama (kiri) dan yang terkini (kanan).

Pada awalnya, jubah Yang di-Pertua Dewan Negara mengikuti ciri-ciri yang terpakai di Parlimen Westminster yang digunakan oleh British. Ini termasuklah pemakaian rambut palsu (wig), kolar jabot di leher dan *lace cuffs* pada pergelangan tangan. Jubah Yang di-Pertua Dewan Negara yang terkini telah mengalami beberapa evolusi pembaharuan dari segi rekaan, termasuklah yang mana pemakaian wig tidak lagi diamalkan dan ditukar kepada pemakaian songkok yang lebih bersifat kebangsaan.

Jubah rasmi merujuk kepada set jubah yang dipakai oleh Yang di-Pertua Dewan Negara termasuk aksesori dan sarung tangan. Kebiasaannya, jubah rasmi dipakai ketika acara kebesaran seperti pembukaan persidangan Parlimen atau acara rasmi yang memerlukan seperti majlis perasmian *Conference of the Speakers and Presiding Officers of the Commonwealth (CSPOC)*.

PERUBAHAN JUBAH

Mengikut sumber sejarah, perubahan pertama jubah Yang di-Pertua berlaku semasa persidangan Parlimen pertama iaitu jubah yang dipakai oleh Tan Sri Haji Mohamed Noah dan perubahan kedua adalah pada tahun 1974 iaitu jubah yang dipakai oleh Tan Sri Nik Ahmad Kamil. Pada tahun 1978, perubahan ketiga jubah istiadat untuk Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara telah dipakai buat kali pertama oleh Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Tan Sri Omar Ong Yoke Lin di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Kelima.

Perubahan terhadap jubah pada ketika itu ialah pada corak hiasan berbentuk bunga kekwa yang telah direka oleh Tan Sri Syed Nasir sendiri dan dilukis oleh Encik Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Corak bunga kekwa tersebut bukanlah ditenun tetapi disulam dengan benang emas oleh seorang penenun wanita dari Kuala Kangsar, Perak.



Jubah baru Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Negara

JUBAH istiadat baru untuk Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah dipakai buat pertama kalinya oleh Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Tan Sri Omar Yoke Lin Ong di majlis perasmian mesyuarat pertama penggal pertama Parlimen kelima semalam.

Corak hiasan yang berbentuk bunga kekwa telah direka oleh Tan Sri Syed Nasir sendiri dan dilukis oleh seorang pembatik Encik Abdul Rahim bin Abdul Rahman.

Corak bunga kekwa itu bukanlah ditenun tetapi disulam dengan benang

emas oleh seorang wanita dari Kuala Kangsar, Perak.

Iaitu perubahan ketiga untuk jubah istiadat. Perasmian ialah semasa Parlimen pertama dan jubah yang dipakai oleh Tan Sri Haji Mohd Noah dan perubahan kedua ialah dalam tahun 1974, lalu jubah yang dipakai oleh Allahyarham Tan Sri Nik Ahmad Kamil.

Atau Tan Sri Syed Nasir dan Tan Sri Omar Yoke Lin Ong yang memakai jubah istiadat baru buat pertama kalinya. Perubahan tersebut dengan Perdana Menteri Datuk Hassan bin Ali di majlis perasmian.

Sisipan akhbar mengenai pembaharuan jubah Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara buat kali ketiga pada tahun 1978.

Semasa Dewan Negara diterajui oleh YB Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang, jubah Yang di-Pertua Dewan Negara sekali lagi mengalami perubahan pada tahun 2012. Setelah menghadiri persidangan parlimen negara-negara Komanwel di Trinidad dan Tobago di mana semua Speaker memakai jubah rasmi masing-masing, beliau mendapati imej jubah rasmi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kurang menarik dan ingin membuat beberapa perubahan. Sekembalinya daripada persidangan tersebut, beliau telah berpeluang untuk berjumpa dengan seorang tukang jahit yang berpengalaman mengenai pakaian-pakaian istana dari Kwong Fook Wing Tailors. Contoh reka bentuk yang dibuat kemudiannya dikemukakan di mana Tan Sri Abu Zahar Ujang dan Tan Sri Pandikar Amin Mulia, Yang di-Pertua Dewan Rakyat bersetuju dengan hasil tersebut. Idea yang dibincangkan kemudian direalisasikan mengikut konsep kontemporari dan warisan tradisi negara.



Perbezaan jubah lama (kiri) dan jubah baharu (kanan) Yang di-Pertua Dewan Negara.


Reka bentuk jubah yang digunakan oleh YB Senator Tan Sri Abu Zahar tersebut kemudiannya digunakan sehingga kini oleh Yang di-Pertua Dewan Negara yang berikutnya. Rekaan dan bentuk jubah tersebut mengambil inspirasi tempatan dari jubah Hakim Negara dan juga mendapat pandangan daripada Syarikat Ede & Ravenscroft di England yang telah wujud sejak tahun 1600 selaku syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan proses menjahit jubah di London.

Secara ringkasnya, tiada corak atau motif khusus yang ditetapkan bagi jubah Yang di-Pertua Dewan Negara melainkan unsur-unsur yang dipengaruhi oleh jubah tempatan yang turut berinspirasi daripada zaman British. Jubah ini juga mengalami pembaharuan berdasarkan cita rasa Yang di-Pertua Dewan Negara ketika menjawat jawatannya.

PENERANGAN REKA LETAK DAN BENTUK JUBAH SERTA AKSESORI

DRAF PAPER PATTERN


Setelah proses mengukur jubah pada individu selesai, ukuran tersebut akan dilukis atas draf *paper pattern* sebelum diletakkan di atas fabrik untuk digunting mengikut saiznya.



Catatan ukuran jubah oleh Kwong Fook Wing Tailors.



Ukuran dilukis di atas draft paper pattern.



Catatan ukuran jubah bagi YABhg. Tun Omar Ong Yoke Lin, Yang di-Pertua Dewan Negara kelima.

CORAK GOLDEN BRAID

Corak *golden braid* yang ada pada jubah Yang di-Pertua Dewan Negara merupakan sampel yang dipersetujui melalui beberapa contoh *golden braid* yang telah dicadangkan.



Golden braid yang terdapat di jubah Yang di-Pertua Dewan Negara.

MOTIF BUNGA RAYA



Motif bunga raya yang tertera pada *golden braid* jubah Yang di-Pertua Dewan Negara ketika ini diilhamkan oleh YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Rais Yatim ketika beliau menjawat jawatan tersebut. Sebagai figura yang sangat memartabatkan nuansa budaya di negara ini, serta pernah memegang portfolio sebagai Menteri Kesenian, Warisan dan Kebudayaan, beliau mendapat ilham agar nuansa kebangsaan disemat pada jubah Yang di-Pertua Dewan Negara. Susulan itu, tercetuslah inspirasi motif bunga raya di atas *golden braid* jubah berkenaan.



JALUR BERWARNA MERAH

Jalur berwarna merah yang ada pada jubah Yang di-Pertua Dewan Negara merupakan simbolik warna rasmi Dewan. Warna merah juga turut mempengaruhi warna hiasan dalam Dewan Negara.

Jalur merah yang dipasang atas golden braid jubah untuk menandakan jubah Dewan Negara.

GOLD ORNAMENTS

Gold Ornaments yang ada pada jubah Yang di-Pertua Dewan Negara ditempah khas dari Syarikat Ede & Ravencrofts. Proses jahitan tangan *gold ornaments* ke atas jubah merupakan sebuah proses yang memakan masa kerana ia tidak menggunakan mesin dan perlu dibuat dengan teliti bagi mendapatkan hasil yang sempurna. *Gold ornaments* ini juga mengandungi komposisi emas tulen sebanyak dua peratus dan hanya terdapat pada jubah Yang di-Pertua Dewan Negara sahaja.



Gold ornaments yang terletak di sisi jubah Yang di-Pertua Dewan Negara.

MOTIF COKMAR

Cokmar merupakan satu alat kebesaran yang telah dikurniakan oleh Raja-Raja Melayu. Tanpa cokmar, tiada keabsahan bagi kedua-dua Dewan dan persidangan tidak dapat dijalankan. Motif cokmar digunakan pada jubah Yang di-Pertua Dewan Negara kerana ia merupakan sumber kuasa diraja dan kuasa Parlimen.



Sulaman cokmar yang terdapat pada jubah Yang di-Pertua Dewan Negara diilhamkan daripada cokmar Dewan Negara.

BENANG EMAS

Pemilihan benang berwarna emas adalah menerusi inspirasi jubah Hakim Negara serta jubah-jubah yang dipakai oleh Speaker British.

KOLAR JABOT DAN LACE CUFF

Jabot dan *cuffs* merupakan aksesori pakaian yang dipakai pada zaman British. Ia turut dipadankan dalam pemakaian jubah Yang di-Pertua Dewan Negara, mengambil inspirasi daripada pemakaian para hakim. Aksesori ini biasanya diperbuat daripada bahan kain satin dan renda. Aksesori ini juga mempunyai *strap* untuk memudahkan pemakaian. Kolar jabot bagi aksesori jubah Yang di-Pertua Dewan Negara diperbuat daripada kain satin berlapis dihiasi dengan tepi trim renda serta didatangkan dengan sepasang *cuffs* yang mempunyai renda yang sama dengan kolar jabot.



Kolar jabot pada aksesori jubah Yang di-Pertua Dewan Negara mempunyai dua tingkat lapisan kain.



Sarung tangan dan *lace cuffs* pada aksesori jubah Yang di-Pertua Dewan Negara. *Lace cuffs* pada tangan biasanya mempunyai renda yang sama pada kolar jabot.

SONGKOK

Setelah pemakaian jubah Yang di-Pertua Dewan Negara mengalami perubahan daripada pemakaian wig (dipakai oleh Yang di-Pertua Dewan Negara pertama hingga keempat) kepada songkok. Rekaan songkok sebagai aksesori rasmi jubah juga mengalami evolusi.



Songkok bersulam dipakai oleh Yang di-Pertua Dewan Negara kelima hingga keenam belas.



Songkok berjalur merah serta berjata negara dipakai oleh Yang di-Pertua Dewan Negara ketujuh belas hingga kini.

SELUAR DAN KASUT

Padanan seluar bagi jubah ini adalah seluar panjang berwarna hitam serta jalur tegak halus. Tiada corak atau motif khusus pada padanan seluar. Bagi padanan kasut pula, tiada spesifikasi khusus melainkan kasut bertutup penuh berwarna hitam.

Seluar berjalur ini selalunya dipadankan ketika pemakaian jubah penuh di acara *Conference of Speakers and Presiding Officers of the Commonwealth (CSPOC)*.





Pandangan sisi jubah Yang di-Pertua Dewan Negara.

Pandangan belakang jubah Yang di-Pertua Dewan Negara.

PAKAIAN ISTIADAT (JUBAH) UNTUK YANG BERTUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

1. BLACK WORSTED CEREMONIAL ROBE

- a) Trimmed with 3" golden braid on both sides of front of robe round to collar and bottom of sleeves, bordered by ¾" scarlet red Ranking Braid (red is Dewan Negara's colour) on both sides of front and on bottom of sleeves with six (6) Bunga Raya motifs on both sides of front and one (1) Bunga Raya motif on bottom of both sleeves and one (1) Bunga Raya motif on the back of collar (total 15 Bunga Raya motifs). Bunga Raya being the National Flower of Malaysia.
- b) Trimmed with ½" oakleaf design golden braid on the crown and opening of both sleeves.
- c) 2 pieces 5½" gold ornaments with Olivett centre and 2¾" gold ornaments with gold fringes on both ends, on the crown of both sleeves.
- d) 2 pieces 5½" gold ornaments with Olivett centre and 2¾" gold ornaments with gold fringes on both ends, on top of opening of both sleeves.
- e) 4 pieces 3¾" ceremonial gold ornaments with gold fringes on one end on opening of both sleeves (total 8 pieces).
- f) 1 piece 8" and 2 pieces 6" gold thread embroidery portraying the Mace of Dewan Negara on both sleeves (total 2 pieces 8" and 4 pieces 6").

Malaysia practices parliamentary democracy with Constitutional Monarchy. His Majesty the Yang di-Pertuan Agong is the Head of the Nation.

The Dewan Negara Mace is a regalia that has been presented by the Malay Rulers to the Parliament which symbolises the power of The Monarch and the authority of the Parliament.

The Dewan Rakyat has a different Mace which is also presented by the Malay Rulers. During the opening ceremony of the Sitting of the Parliament each year, the Mace is carried into the Dewan by regalia bearers preceding the march in.

- g) The ceremonial robe must always be worn on top of a specially-made black, fully braided sleeved vest with black and grey Chancery stripe trousers, white satin laced ceremonial jabot on the neck, laced ceremonial cuffs on the shirt and with white gloves.

The Dewan Negara President's robe was redesigned and changed after the former President, Tan Sri Abu Zahar attended the Commonwealth Parliament Speakers Conference in Trinidad and Tobago in January 2012. Today, the Dewan Negara President's Robe meets the concept of the Commonwealth Parliament Speakers international standard.

Spesifikasi jubah Yang di-Pertua Dewan bagi YB Senator Tan Sri Dato' Sri. Dr. Wan Junaidi pada tahun 2023 yang turut merupakan jubah Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang terkini.

ANATOMI JUBAHPENUH YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA



RUMUSAN DEWAN NEGARA



Pengenalan kepada Dewan Negara

- Kuasa Perundangan Persekutuan terletak pada Parlimen yang terdiri daripada:
 - Yang di-Pertuan Agong.
 - Dua Majlis (Dewan Negara dan Dewan Rakyat).
- Dewan Negara mempunyai keunikan tersendiri dan berhak menentukan tatacara dan amalnya.



Yang di-Pertua Dewan Negara

- Yang di-Pertua Dewan Negara dipilih oleh Ahli-ahli Majlis dan memegang kuasa tertinggi di dalam Majlis.
- Yang di-Pertua Dewan Negara dibantu oleh seorang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.
- Beliau bertanggungjawab mengawasi perjalanan mesyuarat menurut Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.
- Beliau berhenti memegang jawatan tersebut apabila habis tempohnya sebagai Ahli, atau berhenti sebagai Ahli, atau hilang kelayakan sebagai Ahli.



Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara

- Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dipilih oleh Ahli-ahli Dewan dan berhenti memegang jawatan tersebut apabila habis tempohnya sebagai Ahli, atau berhenti sebagai Ahli, atau hilang kelayakan sebagai Ahli.
- Beliau bertanggungjawab membantu Yang di-Pertua Dewan Negara dalam memastikan semua urusan berjalan lancar dan mengawasi perjalanan mesyuarat.



Setiausaha Dewan Negara

- Setiausaha Dewan Negara ialah penasihat kepada Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan.
- Beliau membantu menguruskan perjalanan Majlis Mesyuarat.
- Beliau bertanggungjawab ke atas rekod perjalanan Majlis Mesyuarat.



Evolusi Dewan Negara

- Dewan Negara berperanan mempertahankan kemuliaan Parlimen dan kedaulatan undang-undang.
- Kaucus Dewan Negara pertama dicadangkan oleh Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara (JKRDN) bertujuan untuk Dewan Negara memenuhi potensinya dalam peranan semak danimbang.
- Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi memperkasa peranan Dewan Negara terhadap isu spesifik secara mendalam.
- Inisiatif cadangan mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen merupakan hasil kajian bersama oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat.



Pengenalan kepada Dewan Negara

- Buku Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengandungi 92 perkara yang terbahagi kepada tiga jenis peraturan seperti berikut:
 - Perkara 1-33: Urusan Mesyuarat.
 - Perkara 34-69: Peraturan-peraturan Berbahas.
 - Peraturan 70-92: Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan.



Aturan Urusan Mesyuarat Majlis Dewan Negara

- Aturan Urusan Mesyuarat merujuk kepada Aturan semua Urusan pada satu-satu hari Persidangan seperti yang termaktub dalam perkara 13 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.



Keunikan Dewan Negara

- Item-item dalam Dewan Rakyat mencerminkan keunikan sistem Parlimen di Malaysia terutamanya cokmar.
- Tanpa cokmar tiada keabsahan bagi Dewan Rakyat dan persidangan tidak dapat dijalankan.



Jubah Yang di-Pertua Dewan Negara

- Jubah YPDN telah mengalami evolusi selaras dengan keunikan nilai-nilai tempatan dan perkembangan semasa.





*D*EWAN
RAKYAT

Pengenalan kepada DEWAN RAKYAT


Dewan Rakyat signifikan dalam sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dewan Rakyat melambangkan kuasa rakyat, di mana 222 orang Ahli Dewan Rakyat dipilih oleh pengundi melalui Pilihan Raya Umum yang diadakan setiap lima tahun.

Dewan Rakyat bertanggungjawab untuk meluluskan undang-undang dan belanjawan negara. Dewan Rakyat turut berfungsi sebagai badan semak dan imbang terhadap Eksekutif. Ini bagi memastikan dasar-dasar yang digubal untuk pembangunan negara dilaksanakan dengan efektif dan berkesan mengambil kira kepentingan rakyat secara menyeluruh dan memastikan pentadbiran kerajaan berjalan secara tulus dan berintegriti.



**KERUSI PARLIMEN
MEWAKILI PECAHAN
NEGERI-NEGERI**

Komposisi Parlimen terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Rang Undang-undang boleh dibentangkan untuk bacaan kali pertama di mana-mana Dewan. Lazimnya, Rang Undang-undang mula dibentangkan, dibaca dan dibahaskan di Dewan Rakyat kecuali Rang Undang-undang yang melibatkan percukaian, perbelanjaan, sebagaimana yang diperuntukan dibawah Perkara 67 Perlembagaan Persekutuan. Setelah diluluskan di Dewan Rakyat, Rang Undang-undang dibawa untuk diluluskan di Dewan Negara, seterusnya dimeterai oleh Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan.



YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

PENGENALAN

Yang di-Pertua Dewan Rakyat merupakan figura penting di dalam Majlis Parlimen. Jawatan tersebut diperuntukkan di bawah Perkara 57(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa Dewan Rakyat hendaklah dari semasa ke semasa memilih Yang di-Pertua Dewan Rakyat, sama ada seseorang yang terdiri daripada Ahli Dewan Rakyat atau sesiapa yang layak dipilih untuk dilantik ke jawatan tersebut. Selain itu, Ahli Dewan Rakyat juga memilih dua orang Timbalan Yang di-Pertua dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 57(3), yang bertindak menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang di-Pertua kosong.

PELANTIKAN YANG DI-PERTUA

Pemilihan Yang di-Pertua mestilah dilaksanakan bagi mempengerusikan mesyuarat pada hari pertama Majlis Mesyuarat diadakan selepas Pilihan Raya Umum. Proses pemilihan ini boleh dirujuk dalam Perkara 57(1) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 4 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Namun begitu, jika terdapat dua orang calon yang mempunyai jumlah undi yang sama, maka proses pengundian dilaksanakan sekali lagi sehingga mendapat jumlah undi yang tertinggi. Proses yang sama dilaksanakan jika terdapat lebih daripada dua orang calon. Kertas-kertas undi yang telah dibilang, hendaklah dimasukkan ke dalam sebuah peti dan disimpan dalam jagaan Setiausaha Dewan selama sebulan. Selepas itu, arahan akan dikeluarkan oleh Majlis kepada Setiausaha untuk membakar kertas-kertas undi tersebut.

Selepas seseorang dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat, beliau akan mengangkat sumpah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan di bawah:

“Saya,....., setelah dipilih (atau dilantik) memegang jawatan dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.”

PELANTIKAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Proses pelantikan diperuntukkan dalam **Perkara 57(1) Perlembagaan Persekutuan** dan **Peraturan Mesyuarat 4** Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Cadangan calon Yang di-Pertua dipilih oleh Ahli Dewan hendaklah dimaklumkan sekurang-kurangnya dua hari sebelum diadakan mesyuarat Dewan Negara dan 14 hari sebelum mesyuarat Dewan Rakyat.

Proses pengundian bersurat hendaklah dijalankan jika terdapat calon lebih daripada seorang.

Seseorang Ahli Dewan akan mencadangkan usul dan cadangan itu disokong oleh Ahli lain, tetapi tidak dibenarkan untuk dibahaskan.

Kertas undi akan diberikan oleh Setiausaha kepada Ahli Dewan dan nama calon mestilah ditulis pada kertas undi serta ditandatangani oleh Ahli Dewan sebelum diserahkan semula kepada Setiausaha. Keputusan undi tertinggi akan dimasyhurkan oleh Setiausaha.

FUNGSI DAN TUGAS YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Yang di-Pertua Dewan Rakyat bertanggungjawab terhadap semua urusan perjalanan dalam Dewan Rakyat. Ini termasuk hal ehwal keselamatan di mana beliau boleh mengeluarkan perintah atau petua untuk kawalan keselamatan setiap kali persidangan.

Dalam menjalankan fungsi dan tugas tersebut, Perkara 62 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa setiap Majlis Parlimen hendaklah mengawal selia tataranya sendiri melalui Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Manakala kesahan apa-apa prosiding di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen atau jawatankuasanya tidak boleh dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah, dan ia merupakan keistimewaan Parlimen sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 63 Perlembagaan Persekutuan. Ini secara tidak langsung memberi kuasa budi bicara kepada Yang di-Pertua untuk mengendalikan Majlis Parlimen secara bijaksana dan saksama dalam setiap keputusannya dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak seperti Eksekutif atau Kehakiman. Dalam hal ini, kuasa yang terdapat pada Yang di-Pertua mestilah dihormati dan keputusan adalah muktamad, tertakluk kepada rayuan yang boleh dikemukakan melalui usul persendirian.

Selain mempengerusikan Dewan, Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk memanggil Ahli Dewan bagi berucap atau mengemukakan pertanyaan, membuat penerangan dan menyertai perbahasan. Yang di-Pertua juga berkuasa untuk mengemukakan masalah bagi sesi pengundian, mengumumkan keputusan pengundian dan memelihara peraturan serta adab Ahli Dewan, memutuskan semua pertikaian berkenaan Peraturan Mesyuarat, membetulkan kesilapan dalam penyata Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat dan mempertahankan hak serta kebebasan Majlis.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga menjalankan tugas sebagai Ketua Jawatankuasa-jawatankuasa Pemilih, iaitu Jawatankuasa Dewan, Jawatankuasa Peraturan Majlis Mesyuarat, Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan dan Jawatankuasa Pemilihan. Seperti mana Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga mempunyai tanggungjawab dalam melaksanakan diplomasi Parlimen dengan pihak berkepentingan di dalam dan luar negara. Misalannya, Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengetuai delegasi Parlimen Malaysia bagi penyertaan negara ke persidangan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA). Selain itu, beliau turut menyertai mesyuarat, seminar dan persidangan di luar negara yang berkaitan dengan pertubuhan parlimen antarabangsa yang dianggotai oleh Parlimen Malaysia seperti Commonwealth Parliamentary Association (CPA) dan Inter-Parliamentary Union (IPU).



FUNGSI DAN TUGAS YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

1

Mempengerusikan persidangan dan memastikan segala urusan dan hal-ehwal Dewan Rakyat berjalan dengan lancar.

2

Membuat keputusan berkaitan perkara-perkara dengan Peraturan Mesyuarat.

3

Mempunyai kuasa untuk memanggil ahli yang berucap mengemukakan pertanyaan, membuat penerangan dan menyertai perbahasan.

4

Menjalankan tugas sebagai Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Pemilih , iaitu Jawatankuasa Dewan, Jawatankuasa Peraturan Majlis Mesyuarat, Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan dan Jawatankuasa Pemilihan.

5

Mengukuhkan hubungan bilateral dan multilateral dengan Parlimen luar negara (diplomasi parlimen).



*Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul
mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.*



*Yang di-Pertua Dewan Rakyat menghadiri Conference of Speakers
and Presiding Officers of the Commonwealth (CSPOC) yang ke-27 di
Kampala, Uganda pada 3 hingga 6 Januari 2024.*



Simposium Parlimen Malaysia 2022 dengan kerjasama Pertubuhan Alumni Rumpun Fakulti Undang-undang Universiti Malaya (PARFUM) bertemakan “Transformasi Parlimen Perkasa Legislatif”. YB Tan Sri Azhar Azizan Harun, Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah dijemput sebagai panel.



Majlis Perasmian Persidangan Speaker-Speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia Tahun 2021 disempurnakan oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Majlis telah berlangsung secara maya. YB Datuk Azhar Azizan Harun, Yang di-Pertua Dewan Rakyat turut menyampaikan ucap tahniah dan membentangkan kertas kerja dalam Majlis berkenaan pada 8 Ogos 2021.



YB Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof, Yang di-Pertua Dewan Rakyat menyampaikan kata alu-aluan dan merasmikan siri pertama Speaker's Lecture Series bertajuk "Parliament & Civil Society: The Voice of the Rakyat?" pada 12 Disember 2018.



Kunjungan hormat YB Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia kepada TYT Tadamori Oshima, Speaker of the House of Representatives of Japan.



YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KESEBELAS



**YB TAN SRI DATO' (DR.)
JOHARI BIN ABDUL
(19 Disember 2022 - kini)**

“

“Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya telah berikrar untuk mencapai lima prinsip Rukun Negara. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat berusaha mencapai prinsip-prinsip itu. Ahli Yang Berhormat hendaklah menunjukkan contoh yang baik kepada rakyat, sepanjang berada dalam Dewan yang mulia ini kerana kita semua disaksikan oleh rakyat melalui pelbagai platform. Ahli Yang Berhormat hendaklah sentiasa mempamerkan kematangan semasa berucap atau berbahas termasuk menjaga kesopanan dan kesusilaan seperti yang telah kita ikrarkan.”

”

YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari pernah dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat mewakili Parlimen Sungai Petani dari tahun 2008 hingga 2022 di bawah Parti Keadilan Rakyat. Beliau juga pernah dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gurun, Kedah. Beliau berpengalaman sebagai Ahli Perniagaan dan Pengarah Pelaburan. Selain itu, beliau telah memegang pelbagai jawatan di agensi Kerajaan seperti Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pegawai Penuntut Malaysia di Amerika Syarikat (USA), Pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KESEPULUH



**YB TAN SRI AZHAR
BIN AZIZAN HARUN**

(13 Julai 2020 – 18 Disember 2022)

“

... penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia telah menjejaskan banyak pihak dan memberi kesan kepada rakyat negara ini. Kita perlu melalui new norm atau norma baharu bagi mengekang penularan wabak ini. Begitu juga di Dewan Rakyat ini, Ahli-ahli-ahli Yang Berhormat turut perlu melalui norma baharu dan sentiasa mematuhi penjarakan sosial atau penjarakan fizikal. ...Sehubungan dengan itu, Parlimen Malaysia telah menyediakan Prosedur Operasi Standard Fasa Pemulihan Persidangan Parlimen (SOP) yang diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memastikan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersidang dengan selamat dan terkawal seterusnya mencegah penularan wabak ini.

”

Beliau adalah Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang kesepuluh dan pernah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia pada 21 September 2018 dan bertugas sehingga 29 Jun 2020. Sebagai lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana undang-undang dari King's College, University of London pada tahun 1989 hingga 1990, beliau telah berkhidmat sebagai pengamal undang-undang di firma Allen & Gledhill pada 1987, seterusnya di beberapa firma guaman termasuk Tetuan Shafee & Co., Tetuan Cheang & Ariff dan Tetuan Azhar & Goh.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KESEMBILAN



**YB TAN SRI DATO'
MOHAMAD ARIFF
BIN MD YUSOF**

(16 Julai 2018 – 13 Julai 2020)

“

Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sepertimana Ahli-ahli yang terdahulu akan melaksanakan tugas sebagai wakil rakyat ini dengan terhormat seperti yang dituntut keluhuran institusi ini. Dengan berbahas berasaskan kejujuran dan tanggungjawab dan berdebat secara saling hormat-menghormati antara satu sama yang lain dalam rangka demokrasi berparlimen. Saya percaya tutur kata dan perlakuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan memastikan kita mampu capai matlamat-matlamat tinggi Dewan ini.

”

Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof pernah bertugas sebagai pensyarah di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya dan seterusnya beramal sebagai Peguam bela dan Peguam cara di firma guaman beliau sendiri, iaitu firma Tetuan Cheang & Ariff. Kemudian, beliau telah menyertai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai Pengarah Jabatan Kawal Selia Pasaran dari tahun 1993 hingga 1995. Seterusnya, beliau telah dilantik sebagai Pengarah di Kuala Lumpur Options and Super Exchange (KLOSE). Pada September 2008, beliau telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya dan kemudiannya sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Malaya pada Oktober 2009. Seterusnya, pada September 2012, beliau telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KELAPAN



**YB TAN SRI DATUK
SERI PANGLIMA
PANDIKAR AMIN HAJI MULIA**

(28 April 2008 – 15 Julai 2018)

“

Seseorang Ahli Yang Berhormat yang melanggar peraturan mesyuarat atau tidak menghormati peraturan mesyuarat, tidak boleh menggunakan peraturan mesyuarat sebagai perlindungan. Antara lain, prinsip kesaksamaan ialah, “He who seeks equity, must do equity”. “Sesiapa yang mencari kesaksamaan, mesti bersikap saksama”. “Equity must be used as a shield and not as a sword”. “Kesaksamaan mesti digunakan sebagai taming dan bukannya sebagai pedang”. “He who comes to equity must come with clean hand”. “Sesiapa yang bertandang ke pintu kesaksamaan, mesti datang dengan tangan yang bersih.

”

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia mula menceburi bidang politik pada tahun 1982 di mana beliau bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Usukan, Sabah dan memenangi kerusi tersebut. Pada tahun 2004, beliau menjadi ADUN Tempasuk, Sabah. Beliau juga pernah memegang jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah dari tahun 1986 hingga 1988. Beliau merupakan bekas Senator dan pernah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari tahun 1999 sehingga 2002.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KETUJUH



**YB TAN SRI DATO' SERI
DIRAJA RAMLI BIN
NGAH TALIB**

(22 November 2004 – 27 April 2008)

“

Ahli-ahli Yang Berhormat..... saya telah memberi kelulusan - minit saya bahawa pakaian alternatif yang dicadangkan oleh beliau dan diluluskan oleh pihak Kabinet itu boleh dipakai. Walau pun pada hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat belum lagi dimaklumkan atau diberi arahan untuk memakai pakaian alternatif itu - tidak paksa, ya! Tetapi alternatif sahaja. ..Walaupun bagaimanapun, saya menggunakan kuasa saya untuk memberi pengecualian kepada beliau untuk memakai pada hari ini

”

Beliau telah menjadi Ahli Dewan Rakyat sejak 1999 dan pada 2004, beliau sekali lagi memenangi kerusi Parlimen Pasir Salak. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Account Committee-PAC) sebelum dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 22 November 2024. Beliau memulakan kerjaya politiknya sebagai ADUN Kampung Gajah pada tahun 1978. Beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar Perak dari tahun 1983 hingga 1999 dan Timbalan Menteri Pengangkutan dari tahun 1999 hingga 2004. Beliau juga pernah menjadi Pensyarah Undang-undang di ITM pada tahun 1970 serta menjalankan firma guamannya sendiri.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KEENAM



**YB TUN DATO' SERI DR.
MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**

(14 Jun 1982 – 14 Oktober 2004)

“

Di bawah Peraturan 18 (2) seorang ahli yang hendak meminta izin mencadangkan, dia menghantar surat kepada saya sebagai Speaker, maka saya akan sekurang-kurangnya 4 jam. Saya telahpun menerima surat permohonan daripada Yang Berhormat itu dan saya baca dan saya telahpun menolak di bawah Peraturan 18 (2), saya tak beri izin kepadanya. Dan jikalau sekiranya beliau tidak puas hati di atas keputusan saya maka ia berkuasa membawa satu substantive motion, jadi saya tidak mengambil haknya...

”

Beliau berkelulusan Ijazah Undang-undang dari Lincoln's Inn pada 1955 dan Bar-at-Law pada tahun yang sama. Beliau memulakan kerjaya sebagai peguam pada tahun 1956. Beliau dilantik sebagai EXCO Kerajaan Negeri Kedah sejak tahun 1959 dan Menteri Besar pada 1963. Kemudian, beliau telah dilantik sebagai Senator Dewan Negara pada Ogos 1963 untuk dua penggal.

Beliau pernah berkhidmat sebagai diplomat di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan menjadi wakil Malaya dalam Suruhanjaya Cobbold. Pada 1975, beliau dilantik pula sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Sebagai tokoh politik yang terkenal, beliau telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk tempoh 22 tahun selepas Pilihan Raya Umum 1982. Ketika berkhidmat, beliau juga telah dilantik sebagai Presiden Persatuan Parlimen Komanwel, Forum Parlimen Asia Pasifik dan Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KELIMA



**YB TAN SRI DATUK (DR.)
SYED NASIR BIN ISMAIL**

(9 Januari 1978 – 16 Mac 1982)

“

Peraturan Mesyuarat mesti pula dijaga supaya dipatuhi dan tidak dilanggar; dalam melaksanakannya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidaklah semestinya diikuti seperti kata pepatah: “Tegang berdenting-denting, kendur berjela-jela”, tetapi seboleh-bolehnya berpandukan pepatah: “Tanah jangan lembang, pembalun jangan patah, ular dibalun biar mati”. Seperti yang saya katakan tadi bahawa saya sudah sedia sedar tugas-tugas yang saya hadapi ini adalah berat, tetapi meskipun demikian, sekali lagi saya menegaskan keyakinan saya, bahawa dengan pertolongan Allah serta kerjasama dari persefahaman dari Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai Parlimen sekalian segala-galanya akan jadi mudah.

”

Beliau merupakan Ahli Parlimen Pagoh, Johor dari tahun 1974 hingga 1978. Beliau berkelulusan dalam bidang Pendidikan dan pernah dianugerahkan biasiswa British Council Visitorship ke England pada tahun 1950 serta dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Barnes untuk mengkaji sistem pembelajaran Melayu pada tahun yang sama. Dari tahun 1957 hingga 1969, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada Ogos 1968 serta dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan pada Julai 1978. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Kebangsaan serta menjadi Pengerusi pertama Bank Pembangunan Malaysia.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KEEMPAT



**YB TAN SRI DATUK HAJI
NIK AHMED KAMIL HAJI
NIK MAHMOOD**

(4 November 1974 – 19 Disember 1977)

“

Peraturan Mesyuarat 23(l)(a) menyatakan di dalam satu-satu pertanyaan itu tidak boleh dimasukkan nama seseorang atau kata-kata yang sebenarnya tidak mustahak bagi menerangkan maksud keterangan itu. Jadi umumnya pertanyaan No. 26 ini hendak menerangkan maksudnya tidaklah payah disebutkan nama-namanya. Saya harap bila Menteri menjawab, tidak payahlah sebutkan nama-nama mereka.

”

Beliau telah berkhimat sebagai sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dari 9 Mac 1971 hingga 13 Julai 1974. Beliau telah dipilih sebagai Ahli Parlimen Ulu Kelantan pada Pilihan Raya Umum 1964, wakil Raja-Raja dalam Misi Perlembagaan ke London pada Jun 1956, serta Ahli Eksekutif dan Legislatif sejak 1953.

Beliau juga pernah dilantik sebagai Duta Persekutuan ke Amerika Syarikat dan Wakil Tetap ke PBB dari 1959 hingga 1962 serta Pesuruhjaya Tinggi Malaya di United Kingdom dari tahun 1957 hingga 1958. Beliau berkelulusan dalam bidang undang-undang, Barrister at Law, Lincoln's Inn, London pada tahun 1930 dan Hon. Doctors of Laws, di Universiti Malaya pada tahun 1955.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KETIGA



**YB TAN SRI DATUK CHIK
MOHAMED YUSUF BIN
SHEIKH ABDUL RAHMAN
(25 November 1964 – 3 November 1974)**

“

I do not think you have the right to question the action of the Yang di-Pertuan Agong. You cannot even mention it. Under the Standing Orders you may mention it in passing, but you cannot impute any motives, or ask why, and the rest of it.

”

Beliau memiliki ijazah Jurisprudence, Exeter College, Oxford University (UK) Law, Inner Temple, London. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Ahli Majlis Undang-undang Persekutuan dari tahun 1948 hingga 1954. Sebelum itu, dari tahun 1951 hingga 1954 beliau telah berkhidmat sebagai pegawai di pelbagai jabatan Kerajaan. Beliau juga merupakan Orang Besar Empat Perak bergelar Datuk Bendahara Perak serta seorang tokoh undang-undang dan korporat yang ternama.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KEDUA



**YB DATO' SYED ESA
BIN ALWEE**

(18 Mei 1964 – 24 November 1964)

“

Perkara yang bersangkutan-paut dengan parti itu tinggalkan. Cakaplah apa yang ada dalam bab ini. Janganlah berpartiz dalam hal ini, saya rasa kurang molek benar. Saya akan tahan sesiapa juga Ahliz Yang Berhormat bercakap bersangkutan paut dengan parti dalam usul yang ada ini.

”

Beliau berkelulusan dalam bidang pendidikan dan merupakan pegawai pelajaran dari tahun 1948 hingga 1956. Beliau merupakan pengasas dan tokoh Persekutuan Guru-guru Melayu Johor. Beliau menjadi Ketua Pesuruhjaya Pengakap Johor pada tahun 1946 dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara (Malaysia) ketiga dari tahun 1963 hingga 1968. YB Dato' Syed Esa Bin Alwee telah dipilih sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan Parlimen Batu Pahat, Johor pada Pilihan Raya Umum 1959, selama tiga penggal. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat bermula 12 Disember 1959.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT PERTAMA



**YB TAN SRI DATO' HAJI
MOHAMED NOAH BIN OMAR**

(11 September 1959 – 29 Februari 1964)

“

It shall be out of order to use treasonable words which are likely to promote feelings of ill will or hostility between different communities in the Federation or infringe any provision of the Constitution or the Sedition Act, 1948.

”

Beliau memulakan kerjaya sebagai pegawai Pentadbiran dalam kerajaan Negeri Johor serta pernah menyertai sistem kehakiman sebagai majistret dan penguatkuasa di zaman British. Beliau juga pernah terlibat dalam beberapa Majlis Penasihat dan Mesyuarat Negeri dan Persekutuan. Beliau telah dipilih sebagai Ahli Parlimen Segamat pada Pilihan Raya Umum 1955 dan Parlimen Johor Bahru Timur pada tahun 1959, seterusnya dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang pertama.



TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (TYPDR) adalah tertakluk kepada Perkara 57 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa setiap Ahli Majlis Parlimen hendaklah dari semasa ke semasa memilih dua orang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat. Selain itu, di bawah Peraturan Mesyuarat 6(1) dan (2) juga menetapkan kaedah pemilihan Timbalan Yang di-Pertua Dewan.

- i Majlis hendaklah memilih dua orang Timbalan Yang di-Pertua dalam mesyuarat yang pertama yang diadakan selepas Pilihan Raya Umum; atau apabila berlaku kekosongan kepada jawatan tersebut.
- ii Aturan memilih Timbalan Yang di-Pertua hendaklah sama seperti aturan memilih Tuan Yang di-Pertua, bezanya proses pemilihan ini dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua.

PROSES PEMILIHAN

Proses pemilihan TYPDR adalah melalui usul yang dikemukakan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Setiap Ahli Majlis mempunyai hak untuk mengusulkan mana-mana Ahli yang berkelayakan untuk dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Kemudian, undian akan dijalankan untuk menentukan calon yang mempunyai bilangan undi yang paling tinggi. Sebagai contoh, untuk Parlimen Ke-15, YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar bin Ibrahim telah mencalonkan dua nama mewakili blok Kerajaan iaitu Ahli Parlimen Cameron Highland, YB Dato' Ramli Mohd Nor dan Ahli Parlimen Lanang, YB Alice Lau Kiong Yieng. Manakala, Ketua Whip pihak pembangkang, mencadangkan Ahli Parlimen Masjid Tanah, YB Mas Ermieyati binti Samsudin sebagai calon jawatan TYPDR. Setelah proses pengundian selesai diadakan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat akan mengumumkan keputusan dua calon yang memperoleh jumlah undi yang tertinggi.

FUNGSI DAN TUGAS TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Peranan utama TYPDR adalah untuk menggantikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada masa kekosongan dan mempengerusikan persidangan secara bergilir-gilir semasa ketiadaan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga berperanan untuk menjadi wakil kepada Parlimen Malaysia dalam tugas-tugas rasmi di dalam dan di luar negara.

I. KUNJUNGAN HORMAT



Kunjungan Hormat kepada YB Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat oleh Mr. Osama Hamdan Senior Member of Hamas Political Bureau di Bilik Kunjungan Hormat, Blok Utama, Parlimen Malaysia.



Kunjungan Hormat YB Puan Alice Lau Kiong Yieng, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kepada Zhang Qingwei, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tetap National People's Congress of the People's Republic of China di Beijing, China.

2. PERSIDANGAN



YB Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (kiri) mewakili Parlimen Malaysia sebagai pemerhati bagi Pilihanraya Presiden Azerbaijan pada 7 Februari 2024 di Baku, Azerbaijan.

3. PROGRAM JANGKAUAN LUAR



Program Jangkauan Luar yang dihadiri oleh YB Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor dan YB Puan Alice Lau Kiong Yieng, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat di kawasan Parlimen masing-masing.



TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT



**YB DATO' DR.
RAMLI BIN DATO'
MOHD NOR**

(19 Disember 2022 - Kini)

Yang Berhormat Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan pada 19 Disember 2023. YB Dato' Ramli berketurunan orang asli dari suku kaum Semai, Cameron Highland, Pahang. Beliau merupakan Ahli Parlimen Cameron Highland dan telah mencipta sejarah negara sebagai orang asli pertama yang dipilih sebagai TYPDR. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Awam dan Ijazah Kedoktoran Pentadbiran Perniagaan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai anggota polis selama 34 tahun dan bersara dengan pangkat Asisten Komisioner Polis (ACP).



**YB PUAN ALICE
LAU KIONG YIENG**

(19 Disember 2022 - Kini)

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng dimasyhurkan sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 19 Disember 2022. Beliau merupakan Ahli Parlimen Lanang. Mempunyai latar belakang pendidikan dari International Medical University Kuala Lumpur, kemudian melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Farmasi dari University Strathclyde, Glasgow, Scotland. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH). Dari segi kerjaya politik, beliau merupakan anggota Parti Tindakan Demokratik (DAP).



**YB DATO' HAJI
MOHD RASHID
BIN HASNON**

(16 Julai 2018 – 10 Oktober 2022)

YB Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon merupakan Ahli Parlimen Batu Pahat, kemudian dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua pada 16 Julai 2018. Beliau pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Pulau Pinang dan dilantik menjadi Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan dari University of Sheffield, United Kingdom dan Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau pernah menjawat pelbagai jawatan di beberapa syarikat ternama seperti Petronas dan Motorola sebelum menyertai politik. Dari segi kerjaya politik pula, beliau merupakan pengasas awal Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Pulau Pinang dan pernah menyandang pelbagai jawatan di peringkat tertinggi parti.



**YB DATO' SRI
AZALINA
BINTI OTHMAN SAID**

(13 Julai 2020 – 23 Ogos 2021)

YB Dato' Sri Azalina binti Othman Said dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua pada 13 Julai 2020. Beliau merupakan Ahli Parlimen Pengerang yang telah berkhidmat selama empat penggal dari tahun 2008 hingga kini. Merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya. Beliau memulakan kerjaya profesionalnya sebagai peguam di beberapa firma guaman sebelum menceburkan diri dalam dunia politik. Beliau merupakan ahli Wanita UMNO dan Barisan Nasional. Sepanjang tempoh menjawat jawatan sebagai Ahli Parlimen, beliau pernah menjawat jawatan sebagai menteri di pelbagai kementerian termasuk Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelancongan dan Jabatan Perdana Menteri.



**YB TUAN NGA KOR
MING**

(16 Julai 2018 – 13 Julai 2020)

YB Tuan Nga Kor Ming dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua pada 16 Julai 2018. Ketika beliau dilantik menjadi TYPDR, beliau adalah Ahli Parlimen Taiping. Kini beliau telah menjadi Ahli Parlimen Teluk Intan. Merupakan seorang graduan Ijazah Sarjana Perundangan dari Universiti Malaya. Dari segi kerjaya politik, beliau telah menyertai Parti Tindakan Demoraktik (DAP) dan memenangi kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perak di beberapa kawasan untuk tempoh empat penggal. Beliau pernah dilantik menjadi EXCO Pendidikan, Pihak Berkuasa Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Awam. Kini, beliau memegang portfolio sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



**YB DATUK SERI DR.
RONALD KIANDEE**

(28 April 2008 – 7 April 2018)

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee mula dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua pada 28 April 2008. Beliau merupakan graduan ijazah kedoktoran dalam bidang Sosiologi Politik dari Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau telah menjadi Ahli Parlimen Beluran sejak tahun 1999. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Menteri Pertanian dan Industri Makanan pada tahun 2020.



**YB DATO' SRI HAJI
ISMAIL BIN
MOHAMED SAID**

(24 Jun 2013 – 7 April 2018)

YB Dato' Sri Haji Ismail bin Mohamed Said dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 24 Jun 2013. Beliau merupakan Ahli Parlimen Kuala Krau untuk tempoh empat penggal dari tahun 2004 hingga 2022. Beliau merupakan graduan Ijazah Perundangan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau pernah dilantik menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri dan Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).



**YB DATUK DR. WAN
JUNAIDI TUANKU
JAAFAR**

(28 April 2008 – 4 Mac 2013)

YB Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua pada 28 April 2008. Beliau merupakan graduan Ijazah Perundangan di Universiti of Buckingham dan seterusnya di Lincoln's Inn London. Beliau juga memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Perniagaan di Southern California University. Beliau berkecimpung dalam bidang politik bermula pada tahun 1990, seterusnya dipilih sebagai Ahli Parlimen Batang Lupar pada 1991 dan Ahli Parlimen Santubong dari 2004 hingga 2022. Beliau juga telah dilantik dalam kabinet untuk mengetuai pelbagai kementerian. Pada tahun 2023, beliau telah dilantik sebagai Senator, kemudian dipilih untuk menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara. Pada Januari 2024, beliau telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang kelapan.



**YB DATUK DR. HAJI
YUSOF BIN YACOB**

(17 Mei 2004 – 12 Februari 2008)

YB Datuk Dr. Haji Yusof bin Yaacob dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua pada 17 Mei 2004. Beliau merupakan Ahli Parlimen Sipitang dari tahun 1995 hingga 2008. Beliau pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah bagi kawasan Sindumin pada tahun 2018. Selain itu, beliau telah dilantik sebagai Menteri Pendidikan dan Inovasi Negeri Sabah. Dari segi kerjaya politik pula, beliau bermula sebagai Ahli UMNO pada tahun 1995 sehingga 2018.



**YB DATUK LIM SI
CHENG**

(20 Disember 1999 – 12 Februari 2008)

YB Datuk Lim Si Cheng mula dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 20 Disember 1999. Beliau mula menjadi Ahli Parlimen Senai pada tahun 1995 yang kemudiannya ditukar nama kepada Parlimen Kulai. Dari segi kerjaya politik, beliau merupakan ahli *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan pernah dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Pengangkutan dari tahun 1990 hingga 1995.



**YB DATO'
MUHAMMAD
BIN ABDULLAH**

(20 Disember 1999 – 3 Mac 2004)

YB Dato' Muhammad bin Abdullah telah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 20 Disember 1999. Beliau telah menjadi Ahli Parlimen Maran dari tahun 1986 hingga 2004. Dalam kerjaya politik, beliau telah menyandang pelbagai jawatan di peringkat tertinggi UMNO. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dari tahun 1995 hingga 1999.



**YB DATUK HAJI
JUHAR BIN HAJI
MAHIRUDDIN**

(5 Disember 1990 –
10 November 1999)

YB Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 5 Disember 1990. Beliau pernah dilantik menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah. Beliau adalah antara pengasas UMNO negeri Sabah. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Wolverhampton, England.



**YB DATO' IR. ONG
TEE KEAT**

(11 Jun 1990 – 10 November 1999)


YB Dato Ir. Ong Tee Keat mula dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 11 Jun 1990. Beliau merupakan Ahli Parlimen untuk beberapa penggal sejak 1990 sehingga 2008. Dalam kerjaya politik pula, beliau mula menyertai *Malaysian Chinese Association* (MCA) dari tahun 1989 dan diangkat sebagai Presiden parti politik tersebut pada tahun 2008.



**YB TUAN D.P.
VIJANDRAN**

**(8 Oktober 1986 –
23 Februari 1990)**

YB Tuan D.P. Vijandran dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 8 Oktober 1986. Beliau merupakan Ahli Parlimen Kapar ketika dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Beliau adalah seorang graduan Ijazah Sarjana Undang-undang dari National University of Singapore. Beliau juga merupakan ahli bagi parti *Malaysian Indian Congress* (MIC).



**YB TUAN
MOHAMED AMIN
BIN HAJI DAUD**

**(8 Oktober 1986 –
4 Oktober 1990)**


YB Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud dipilih pada 8 Oktober 1986 untuk menjawat jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Beliau merupakan Ahli Parlimen Rompin ketika dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Undang-undang dari Honourable Society of the Middle Temple di United Kingdom.



**YB DR. ABDUL
HAMID BIN
PAWANTEH**

(26 Oktober 1984 – 18 Julai 1986)

YB Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 26 Oktober 1984. Ketika dipilih, beliau merupakan Ahli Parlimen Arau untuk tempoh satu penggal. Beliau memperoleh Ijazah Perubatan (MBBS) dari Medical College, University Dow, Karachi. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pro-Canselor 1, Universiti Utara Malaysia sejak 1997.



**YB DATO' DR. HEE
TIEN LAI**

(14 Jun 1982 – 26 Julai 1983)


YB Dato' Dr. Hee Tien Lai telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 14 Jun 1982. Beliau berkelulusan Ijazah Perubatan dan merupakan Ahli Parlimen Ayer Hitam selama tiga penggal. Beliau juga merupakan ahli *Malaysian Chinese Association* (MCA).



**YB DATUK MANSOR
BIN OTHMAN**

(23 Oktober 1978 – 28 Mac 1982)

YB Datuk Mansor bin Othman dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 23 Oktober 1978. Beliau merupakan Ahli Parlimen Kuala Pilah ketika dilantik menyandang jawatan tersebut. Beliau ialah Menteri Besar Negeri Sembilan dari tahun 1969 hingga 1978. Dari segi kerjaya politik pula, beliau merupakan ahli UMNO untuk Bahagian Kuala Pilah.



**YB TUAN AZAHARI
BIN MD TAIB**

(21 Mac 1978 – 11 Jun 1978)

YB Tuan Azahari bin Md Taib telah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 21 Mac 1978. Beliau merupakan Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu sewaktu dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Dari segi kerjaya politik pula, beliau merupakan antara orang yang terawal ketika penubuhan UMNO negeri Kedah pada tahun 1959. Beliau pernah dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedah dan dilantik menjadi EXCO bagi Kerajaan negeri Kedah.



**YB TAN SRI DATUK
SYED NASIR BIN
ISMAIL**

(6 November 1974 –
8 Januari 1978)

YB Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail mendapat pendidikan di Sultan Idris Teaching College pada tahun 1939 sehingga 1941. Beliau dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 6 November 1974 ketika menduduki kerusi Parlimen Pagoh. Dalam arena politik, beliau merupakan tokoh UMNO yang tersohor dalam parti terutamanya di Negeri Johor.



**YB TAN SRI DATUK
HAJI NIK AHMED
KAMIL BIN HAJI
MAHMOOD**

(9 Mac 1971 – 13 Julai 1974)

YB Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil bin Haji Mahmood dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 9 Mac 1971. Beliau mendapat pendidikan awal di Masjid Muhammadiyah, Kota Bharu kemudian menyambung pengajian di Malay College Kuala Kangsar pada tahun 1925. Beliau merupakan rakyat Malaysia pertama yang melanjutkan pengajian ke luar negara di England pada tahun 1926. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaya di United Kingdom dan Australia. Selain itu, beliau juga pernah diberi kepercayaan untuk menjadi Menteri Besar Kelantan yang kesebelas bermula tahun 1944 hingga 1953. Beliau ialah seorang nasionalis UMNO yang terkenal di negeri Kelantan.



**YB TUAN SYED ESA
BIN ALWEE**

(12 Disember 1959 – 14 Mac 1964)
(26 November 1964 – 19 Mac 1969)

Beliau mendapat pendidikan awal di English College Johor Bahru, dan pernah menjadi Nazir Sekolah-sekolah Melayu Daerah Batu Pahat. Dalam kerjaya politiknya, beliau merupakan tokoh kepimpinan Melayu yang disegani di zaman pemerintahan British. Kemudian beliau menerajui UMNO bersama Dato' Onn Jaafar ketika kebangkitan UMNO pada tahun 1946. Beliau merupakan Ahli Parlimen Batu Pahat Dalam. Pada 12 Disember 1959 beliau telah dipilih untuk menjawat jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Pada 15 Mac 1964 beliau menyandang jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sehingga 25 November 1964 dan memegang semula jawatan TYPDR untuk kali kedua pada 26 November 1964.



SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR) atau lebih dikenali sebagai *Clerk of the House* dalam konteks Komanwel bertanggungjawab memastikan pengurusan dan perjalanan Dewan Rakyat teratur. Selain itu, SUDR membantu dan memberi nasihat kepada Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Parlimen mengenai urusan, tatacara dan amalan Parlimen. Peraturan Mesyuarat 9 dan 10, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Perkara 65, Perlembagaan Persekutuan menggariskan tugas dan tanggungjawab Setiausaha Dewan.

PERANAN DAN FUNGSI SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT

1

Membantu Tuan Yang di-Pertua dalam persediaan persidangan Dewan dan memberi nasihat mengenai prosedur Peraturan Mesyuarat.

2

Mengeluarkan notis sekurang-kurangnya 28 hari sebelum dimulakan Mesyuarat setiap penggal Parlimen kepada Ahli-ahli Dewan dan memberitahu tarikh-tarikh mesyuarat Majlis Mesyuarat bagi penggal itu.

3

Menyimpan semua rekod perjalanan Dewan dan Penyata Rasmi Mesyuarat.

4

Memberi panduan dan nasihat berkaitan tatacara dan amalan Majlis Mesyuarat dan lain-lain urusan Parlimen kepada ahli-ahli Dewan.

5

Menandatangani pemasyhuran Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat kepada Dewan Negara.

6

Memberi taklimat kepada Ahli-ahli baharu Dewan Rakyat mengenai tatacara dan amalan Dewan Rakyat.

7

Menyediakan semua urusan surat menyurat yang diperlukan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

8

Menyediakan dan memastikan semua Ahli Dewan mendapatkan dokumen-dokumen Dewan iaitu Aturan Urusan Mesyuarat, Penyata Rasmi, Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat dan lain-lain dokumen berkaitan prosiding.

A.

SEBELUM SESI PARLIMEN

Antara tugas Setiausaha Dewan Rakyat adalah untuk membantu Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam memastikan perjalanan Dewan yang lancar. Ini merangkumi perancangan dan penyediaan takwim persidangan Dewan bagi setiap tahun.

Setelah menerima Notis Mesyuarat, Ahli-ahli Dewan akan mengemukakan Pertanyaan dan Usul-usul di mana Setiausaha Dewan Rakyat akan memproses serta membuat penyelarasan mengikut tarikh dan isu.

Semua Pertanyaan, Usul-usul akan dibincangkan secara terperinci bersama wakil agensi pusat dan Kementerian semasa Mesyuarat pra persidangan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Dewan Rakyat. Mesyuarat pra persidangan ini diadakan sebanyak tiga kali setahun mengikut sesi Mesyuarat Pertama, Mesyuarat Kedua dan Mesyuarat Ketiga.

B.

SEMASA SESI PARLIMEN

Aturan Urusan Mesyuarat dan Nota Tuan Yang di-Pertua

Setiausaha perlu memantau Aturan Urusan Mesyuarat Majlis dan Kamar Khas serta menyediakan Nota Speaker. Sebelum Majlis Mesyuarat bermula setiap pagi, Setiausaha Dewan Rakyat juga perlu menyediakan untuk setiap Ahli sesalinan Aturan Urusan Mesyuarat selaras dengan Peraturan Mesyuarat 9(2)(b).

Minit-minit dan Undi-undi Perjalanan Mesyuarat

Setiausaha Dewan Rakyat bertanggungjawab menyimpan buku-buku rekod, Rang Undang-undang, menyimpan Peringatan-peringatan Mesyuarat Majlis dan Jawatankuasa sesebuah Majlis (Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat) serta menghantar satu salinan peringatan kepada Ahli-ahli pada hari esoknya atau seberapa segera.

Penyata Rasmi (Hansard)

Penyata Rasmi ialah laporan berbentuk verbatim bagi Majlis Mesyuarat, Kamar Khas dan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan yang mencatatkan ucapan-ucapan Ahli-ahli yang perlu disediakan di bawah pengawasan Setiausaha Dewan selaras dengan Peraturan Mesyuarat 10(1).

Jawapan kepada Pertanyaan

Peraturan Mesyuarat 22 menyatakan bahawa pemberitahu berkenaan Pertanyaan-pertanyaan perlu dikemukakan kepada Setiausaha Dewan Rakyat. Beliau perlu menyelaraskan Pertanyaan-pertanyaan lisan dan bertulis, termasuk Pertanyaan Menteri (Minister's Question Time-MQT). Pihak kementerian bertanggungjawab menyediakan jawapan kepada semua pertanyaan lisan dan bertulis, dan dimuat naik dalam portal Parlimen Malaysia.

Risalat-risalat Mesyuarat

Risalat-risalat Mesyuarat hendaklah dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang di-Pertua atau seorang Menteri atau Pengerusi Jawatankuasa dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Dewan Rakyat. Risalat hendaklah dalam bentuk cetak, elektronik atau apa-apa rupa cara yang diperintahkan oleh Yang di-Pertua mengikut Peraturan Mesyuarat 20(1).

Usul-usul

Setiausaha Dewan Rakyat bertanggungjawab untuk menyelaraskan tindakan yang perlu dan segera berkaitan usul-usul di bawah Peraturan Mesyuarat 26 hingga 34 dan lain-lain Peraturan Mesyuarat berkaitan.

Prosedur Penggubalan Undang-undang

Salah satu tanggungjawab utama Setiausaha Dewan adalah mengendalikan proses perundangan yang melibatkan peraturan berkenaan dengan Rang Undang-undang sepertimana yang termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 48. Setiausaha Dewan Rakyat perlu menyampaikan Perutusan kepada Dewan Negara setiap Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat mengikut Peraturan Mesyuarat 70(2). Setiausaha Dewan Rakyat juga perlu menyelaraskan urusan mengangkat sembah serta mendapat perkenan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen.

C.

SEMASA HARI PERTAMA SIDANG MAJLIS MESYUARAT SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM

Prosiding Majlis Mesyuarat selepas Pilihan Raya Umum termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 1(a), (b), (c), (d) dan (e). Pada hari pertama Majlis Mesyuarat tersebut, Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah membacakan Pemasyhuran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memanggil mesyuarat kepada Ahli-ahli setelah Ahli-ahli duduk di kerusi masing-masing menurut Peraturan Mesyuarat 2.

D.

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

Aturan Memilih Tuan Yang di-Pertua yang dikendalikan oleh Setiausaha termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 4. Pada hari pertama Majlis selepas Pilihan Raya Umum, urusan pertama adalah Aturan Memilih Tuan Yang di-Pertua di mana SUDR melaksanakan fungsi Yang di-Pertua, membaca Pemasyhuran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memanggil mesyuarat pertama diadakan seterusnya menjalankan urusan memilih Yang di-Pertua.

E.

URUSAN MENGANGKAT SUMPAH

Setiausaha Dewan Rakyat menjalankan urusan mengangkat sumpah Ahli-ahli Dewan sebagaimana termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 5(1) di mana sumpah yang dilafazkan mengikut seperti dalam Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan. Setiap Ahli Dewan yang mengangkat sumpah itu hendaklah menurunkan tandatangan dalam sebuah buku yang akan disimpan oleh Setiausaha Dewan Rakyat.

F. JAWATANKUASA - JAWATANKUASA

Setiasaha Dewan Rakyat menjalankan fungsi Setiausaha kepada semua Jawatankuasa Pilihan yang dibentuk oleh Dewan Rakyat iaitu Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Dewan, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan lain-lain Jawatankuasa Pilihan Khas yang ditubuhkan dari semasa ke semasa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 83(8). Setiausaha juga menjalankan urusan belah bahagian dalam Jawatankuasa Pilihan mengikut kaedah Peraturan Mesyuarat 84. Setiausaha Dewan Rakyat juga perlu menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa atau mengarahkan pegawai-pegawai lain hadir bagi pihak Setiausaha.

G. MEMBANTU PENYEDIAAN PETUA YANG DI-PERTUA

Dalam menjalankan tugasnya membantu Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Rakyat mempunyai tempat duduk di hadapan kerusi Yang di-Pertua. Dalam mengendalikan Majlis, Yang di-Pertua perlu membuat keputusan-keputusan berbentuk petua Yang di-Pertua berdasarkan tafsiran dahuluhan atau *precedence* dan lain-lain pertimbangan berdasarkan nasihat dan pandangan Setiausaha Dewan Rakyat. Pada setiap hari sebelum dewan bersidang, Setiausaha Dewan Rakyat memberi taklimat kepada Yang di-Pertua mengenai perjalanan sidang Majlis Mesyuarat.

H. SEMASA ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL PARLIMEN

Pada Majlis Istiadat Pembukaan setiap Penggal Parlimen, Setiausaha Dewan Rakyat akan merafak sembah perkenan Tuanku untuk memulakan majlis. Susulan itu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat akan mendahului perarakan masuk ke Dewan Rakyat bersama-sama Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Setiasaha Dewan Rakyat kemudiannya memulakan Majlis dengan mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempersembahkan Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Setelah selesai menyampaikan Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, titah Baginda akan dimasukkan dalam prosiding Majlis.

Setiasaha Dewan Rakyat akan menyelaraskan Mesyuarat Perasmian Pembukaan Penggal Parlimen serta raptai yang melibatkan pelbagai pihak seperti Istana Negara, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Mufti Wilayah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Radio Televisyen Malaysia, Jabatan Penerangan, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain pihak berkaitan.

I. TAKLIMAT KEPADA AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT PARLIMEN

Setelah selesai sesuatu Pilihan Raya Umum, pihak Parlimen mengadakan satu taklimat khas kepada semua Ahli-ahli Dewan Rakyat. Taklimat ini menerangkan kemudahan-kemudahan Ahli Parlimen dan pelbagai tatacara dan amalan Parlimen. SUDR memainkan peranan yang utama sebagai tenaga pengajar, pakar rujuk mengenai Peraturan Mesyuarat, Perlembagaan, proses perundangan, tatacara mengemukakan Pertanyaan-pertanyaan, Usul, keputusan Majlis dan Jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen.

J. PEMBENTANGAN BELANJAWAN TAHUNAN

Setiasaha Dewan Rakyat memainkan peranan utama dalam menguruskan pembentangan belanjawan tahunan yang menjadi tumpuan seluruh negara. Ini merangkumi mesyuarat penyelarasan serta pembentangan dokumen belanjawan dengan tahap kawalan keselamatan yang tinggi dan raptai pembentangan dengan kerjasama Kementerian Kewangan.

K. PEMBENTANGAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA

Pembentangan dokumen-dokumen seperti Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia turut diuruskan oleh Setiausaha Dewan Rakyat. Persediaan bagi pembentangan ini dibincangkan dengan teliti khususnya dengan Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab dalam pembentangan tersebut.

L. PERSIDANGAN SPEAKER-SPEAKER PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

Persidangan Speaker-speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia diadakan pada setiap tahun. Setiausaha Dewan Rakyat sebagai Setiausaha Agung persidangan bertanggungjawab bagi penyediaan dan menyelaraskan persidangan dengan dibantu oleh semua Dewan Undangan Negeri khususnya yang menjadi tuan rumah persidangan. Ini termasuk mengenal pasti tema persidangan dan topik perbincangan.

M. PERINGKAT ANTARABANGSA

Setiausaha Dewan Rakyat turut mempunyai peranan di dalam beberapa pertubuhan Parlimen antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia. Bagi *Commonwealth Parliamentary Association (CPA)*, beliau memegang jawatan sebagai *Regional Secretary South-East Asia Region* yang terdiri daripada Parlimen Malaysia, 13 Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Singapura.

Bagi *Conference of Speakers and Presiding Officers of the Commonwealth (CSPOC)*, Setiausaha Dewan Rakyat akan turut serta dalam membantu Yang di-Pertua Dewan Rakyat dalam persidangan dan juga mesyuarat yang diadakan. Atas kapasiti jawatannya, Setiausaha Dewan Rakyat juga menyertai persidangan *Society of the Clerks-at-the-Table (SOCATT)* dari negara-negara Komanwel.



Datuk Roosme binti Hamzah sebagai SUDR menyertai persidangan 55th General Meeting Society of the Clerks-at-the-Table in Commonwealth Parliaments SOCATT pada 26-27 September 2019 di Kampala, Uganda.



Setiausaha Dewan Rakyat mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempersembahkan Titah Diraja kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Parlimen ke-15.



Setiausaha Dewan Rakyat mengisytiharkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong akan berangkat meninggalkan Majlis Parlimen.



Setiausaha Dewan Rakyat mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Pra Persidangan Parlimen Untuk Pegawai Perhubungan Parlimen Peringkat Kementerian/Agensi Bil. 1/2024

SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT

No	Nama	Tahun
1.	DR. NIZAM MYDIN BIN BACHA MYDIN	13 Mei 2020 - Kini
2.	RIDUAN BIN RAHMAT	22 Februari 2020 – 12 Mei 2020
3.	DATUK ROOSME BINTI HAMZAH	26 Disember 2007 – 21 Februari 2020
4.	DATUK MAHMOOD BIN ADAM	11 September 2006 – 20 Disember 2007
5.	DATO' ABDULLAH BIN ABDUL WAHAB	7 Januari 2004 – 15 Ogos 2006
6.	DATUK MOHD. SALLEH BIN HAJI HASSAN	1998 – 6 Januari 2004
7.	DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ALI	1993 - 1998
8.	DATO' HAJI WAN ZAHIR BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN	1988 - 1993
9.	DATO' AZIZUL RAHMAN BIN ABDUL AZIZ	1961 - 1962
10.	AHMAD BIN ABDULLAH	1969 - 1972
11.	JAAFAR BIN MOHD TAHA	1967 - 1969
12.	HAJI SHAMSUDDIN BIN HAJI MOHD SIDDIN	1965 - 1967
13.	SHEIKH ABDULLAH SHEIKH ABU BAKAR	1964 - 1965
14.	C.A. FREDERICKS	1959 - 1964



EVOLUSI DEWAN RAKYAT

PENGENALAN

Sebagai sebuah institusi yang telah berusia lebih 65 tahun, Parlimen Malaysia telah mengalami beberapa perubahan dan pembaharuan selaras dengan perkembangan semasa. Perubahan dan pembaharuan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan fungsi dan peranan Parlimen bagi memperkasakan Parlimen sebagai institusi perundangan tertinggi negara.

Kamar Khas

Kamar Khas telah diwujudkan atas usulan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 dan Peraturan Mesyuarat 18, bagi membolehkan perkara-perkara penting atau mendesak dibincangkan tanpa mengganggu prosiding biasa Dewan Rakyat. Kamar Khas telah bersidang buat pertama kalinya pada 16 Mei 2016.

Jawatankuasa Pilihan Khas

Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Dewan Rakyat telah ditubuhkan berdasarkan peruntukan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap badan eksekutif. Pada masa ini terdapat 10 jawatankuasa pilihan khas, keanggotaan bagi setiap JKPK merangkumi Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang.

Parlimen Digital

Proses perundangan dan urusan-urusan Parlimen boleh diakses melalui media utama seperti televisyen dan juga media sosial. Selain itu dokumen-dokumen berkaitan parlimen boleh diakses secara digital di laman web Parlimen. Penghantaran pertanyaan Ahli Dewan telah ditambah baik dengan penggunaan sistem e-hantar.

Pindaan Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat

Pindaan telah dan akan dilaksanakan mengikut keperluan semasa. Pindaan terkini meliputi pertanyaan kepada Menteri (MQT). Selain itu tempoh notis pertanyaan jawab lisan telah dipendekkan dari 14 hari bekerja kepada 10 hari bekerja.

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM)

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) atau juga dikenali sebagai *All-Party Parliamentary Group Malaysia* (APPGM) telah ditubuhkan pada tahun 2018 dan dianggotai oleh Ahli Parlimen serta ahli-ahli akademik serta penyelidik. Ia berfungsi untuk menggalakkan penglibatan masyarakat awam dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar dan program kerajaan.

TRANSFORMASI PARLIMEN

Secara umumnya evolusi Parlimen Malaysia mencerminkan perjalanan negara ini dalam memperkukuhkan institusi demokrasi dan sistem berparlimen. Dengan mengambil kira cabaran-cabaran semasa dan melaksanakan pembaharuan yang sesuai, Parlimen Malaysia dapat terus menghadapi perubahan dari semasa ke semasa selaras dengan peranan penting institusi perundangan dalam pembangunan dan kemajuan negara. Sejalan dengan aspirasi ini, beberapa penambahbaikan dari segi teknikal seperti siaran langsung Majlis Parlimen boleh dilihat di media utama dan media sosial, dokumen-dokumen boleh diakses secara digital, sistem pertanyaan di dalam Dewan telah ditambah baik. Manakala program-program mendekati rakyat untuk memberi kesedaran tentang Parlimen sebagai institusi perundangan negara dalam sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan turut dipertingkatkan.

Bagi tujuan tersebut, Parlimen Malaysia telah melakukan beberapa penambahbaikan termasuklah mewujudkan Kamar Khas bagi membincangkan isu-isu khusus di kawasan Ahli Parlimen yang terlibat dan melaksanakan Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri (Minister's Question Time) pada setiap hari Selasa dan Khamis sebelum Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan bagi memberi ruang kepada Ahli Parlimen mengemukakan pertanyaan secara langsung kepada Menteri.

Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas juga telah dilaksanakan pada tahun 2018, sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap badan eksekutif, bagi memastikan kepentingan rakyat diutamakan dalam pelaksanaan dasar negara. Ahli Jawatankuasa yang dipilih daripada blok pembangkang dan Kerajaan menggambarkan tatakelola pentadbiran yang baik dalam membantu menyelesaikan isu-isu berbangkit yang memberikan impak kepada kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat.

Perubahan-perubahan lain yang dilaksanakan termasuklah melantik Ahli Parlimen Pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan meningkatkan integriti Ahli Parlimen melalui pengisytiharan harta Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun 2019.

Pada tahun 2021, Jawatankuasa Pilihan Khas telah distruktur semula dan menambah jumlah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengikut keperluan serta menetapkan terma rujukan dan fungsinya. Kedudukan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat juga telah ditingkatkan dengan memberi hak dan kemudahan yang sewajarnya bagi memastikan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih efektif dan menyeluruh.



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) juga telah diwujudkan pada 2018. Ia dianggotai oleh Ahli Parlimen, ahli-ahli akademik dan penyelidik. KRPPM berfungsi untuk menggalakkan penglibatan masyarakat awam termasuk Organisasi Masyarakat Sivil (NGO) dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar dan program kerajaan di kawasan Parlimen. Antara fokus isu KRPPM yang diwujudkan adalah seperti berikut:

1. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) - Polisi Pelarian
2. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) - Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)
3. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) - Pendanaan Politik di Malaysia
4. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) - Integriti, Governans & Anti Rasuah (IGAR)
5. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) - Pengurusan Risiko Bencana
6. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) - Hak Kanak-Kanak
7. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) - Keharmonian Kaum dan Agama


Selaras dengan dasar Kerajaan yang menekankan reformasi institusi, Parlimen juga mengambil langkah yang progresif dengan meluluskan Akta Perkhidmatan Parlimen dan mengkaji untuk meminda Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 bagi memastikan kewibawaan dan kebebasan institusi perundangan negara.



PERATURAN-PERATURAN MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PENGENALAN

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dibuat menurut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan. Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat mengandungi tatacara untuk mengawal selia urusan Majlis Parlimen termasuk tatacara perbahasan, urusan mesyuarat, peraturan berbahas Jawatankuasa-jawatankuasa dan lain-lain.



Gambar menunjukkan buku Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat


Peraturan Mesyuarat	Kandungan
<p>1 - 34 (Urusan Mesyuarat)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peraturan Mesyuarat-mesyuarat pertama selepas Pilihan Raya 2. Menetapkan kerusi Ahli-ahli 3. Memilih Tuan Yang di-Pertua 4. Aturan Memilih Tuan Yang di-Pertua 4A. Ketua Majlis Mesyuarat dan Ketua Pembangkang 5. Mengangkat sumpah 6. Memilih Timbalan Yang di-Pertua 7. Tuan Yang di-Pertua 8. Bahasa Rasmi 9. Kewajipan-kewajipan Setiausaha

Peraturan Mesyuarat	Kandungan
	<ol style="list-style-type: none"> 10. Penyata-penyata Rasmi Mesyuarat 11. Penggal Majlis dan Mesyuarat-mesyuarat 12. Persidangan 13. Cukupbilang 14. Aturan Urusan Mesyuarat 14.A. Aturan Urusan Mesyuarat kamar khas 15. Susunan Urusan Mesyuarat 16. Kamar khas 17. Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan 18. Usul Perkara tertentu Berkenaan Kepentingan Orang Ramai yang Berkehendak Disegerakan 19. Rayuan-rayuan 20. Risalat-risalat Mesyuarat 21. Pertanyaan-pertanyaan 22. Pemberitahu berkenaan dengan Pertanyaan-pertanyaan 23. Isi-isi pertanyaan 24. Cara mengeluarkan pertanyaan dan menjawab pertanyaan 24.A. Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri 25. Penerangan sendiri 26. Pemberitahu Usul 27. Cara-cara mengeluarkan pemberitahu 28. Mengubah isi-isi sesuatu usul 29. Menarik balik pemberitahu usul 30. Meminda usul-usul 31. Menyokong usul-usul dan pindaan-pindaan 32. Pindaan-pindaan usul hendaklan dengan surat 33. Cara membahaskan usul dan Pindaan Usul 34. Menarik balik usul-usul dan Pindaan-pindaan
<p>35 – 75 (Peraturan-Peraturan Berbahas)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 35. Masa dan cara bercakap 36. Isi-isi ucapan 37. Mengganggu 38. Had Perbahasan 39. Mendahului Perbahasan 40. Menutup Perbahasan 41. Adab Ahli-ahli yang tidak bercakap 42. Mesyuarat hendaklah diam bila Pengerusi bercakap 43. Keputusan Pengerusi adalah muktamad 44. Tertib dalam Mesyuarat 45. Memutuskan masalah-masalah 46. Undi dengan suara 47. Belahbahagian 48. Peraturan berkenaan dengan Rang Undang-undang 49. Rang Undang-undang daripada Ahli yang bukan ahli Kerajaan

Peraturan Mesyuarat	Kandungan
	50. Rang Undang-undang <i>Private</i> dan Rang Undang-undang campuran
	51. Susunan isi Rang Undan-undang
	52. Pihak-pihak yang dikenai oleh Rang Undang-undang
	53. Bacaan kali yang Kedua
	54. Menyerahkan Rang Undang-undang kepada Jawatankuasa
	55. Tugas-tugas Jawatankuasa yang menimbangkan Rang Undang-undang.
	56. Jawatankuasa sebuah-buah Majlis
	57. Aturan dalam Jawatankuasa sebua-buah Majlis yang menimbangkan Rang Undang-undang
	58. Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan Rang Undang-undang
	59. Menyerahkan sekali lagi Rang Undang-undang yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa sebuah-buah majlis
	60. Perbincangan atas Rang Undang-Undang Yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan
	61. Bacaan kali yang Ketiga
	62. Menarik baik dan menangguhkan Rang Undang-undang
	63. Rang Undang-undang yang mengandungi syarat-syarat yang hampir-hampir sama maksudnya
	63A. Rang Undang-undang akan mati: Dibatalkan)
	63B. Rang Undang-Undang tidak terluput
	64. Melonggarkan syarat-syarat berkehendakan Rang Undang-undang itu dicap
	65. Anggaran-anggaran perbelanjaan tahunan
	65A. Anggaran Pembangunan Tambahan
	66. Peraturan membahas Rang Undan-undang Perbekalan dan Menimbangkan Anggaran-anggaran Pembangunan Tahunan
	66A. Penguntungan semula peruntukan perbelanjaan
	67. Peraturan membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Menimbangkan Anggaran -anggaran pembangunan tambahan
	67A. (Setiausaha Parlimen boleh mewakili menteri: Dibatalkan)
	67B. Peraturan menimbangkan Anggaran-anggaran pembangunan Tambahan tanpa Rang Undang-undang
	68. Kumpulan Wang Luar Jangka
	68A. Mendahulukan Perbelanjaan
	68B. Ketetapan untuk meluluskan perbelanjaan yang ditunjukkan dalam penyata sementara

Peraturan Mesyuarat	Kandungan
	<ul style="list-style-type: none"> 69. Menghantar Rang Undang-undang Wang Kepada Dewan Negara 70. Perutusan-perutusan kepada Dewan Negara 71. Perutusa-perutusan daripada Dewan Negara 72. Bacaan kali yang Pertama Rang Undang-undang yang dibawa daripada Dewan Negara 73. Menimbangkan Pindaan-pindaan yang dibuat oleh Dewan Negara ke atas Rang Undang-undang dan lain-lainnya 74. Aturan menimbangkan pindaan Dewan Negara ke atas Rang Undang-undang, Pindaan-pindaan dan lain-lainnya 75. Aturan menimbangkan Rang Undang-undang dalam peringkat-peringkatnya kemudian
<p>76 - 100 (Jawatankuasa - Jawatankuasa Pilihan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> 76. Jawatankuasa Pemilih 77. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara 78. Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat 79. Jawatankuasa Dewan 80. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan 80A. Kuasa Majlis untuk menghukum kerana menghina Majlis 81. Jawatankuasa Pilihan Khas 82. Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan 83. Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan 84. Belahbahagian dalam Jawatankuasa Pilihan 85. Menyiarkan keterangan sebelum masanya 86. Penyata-penyata daripada Jawatankuasa pilihan 87. Rundingan bersama di antara Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat dengan Jawatankuasa Pilihan Dewan Negara 88. Aturan Jawatankuasa Pilihan Bersama dan Penyatanya-penyatanya 88A. Perlantikan Mana-mana Jawatankuasa selain daripada Jawatankuasa pilihan 89. Rang Undan-undang dan Pindaan-pindaan yang mengenai cukai, perbelanjaan dan sebagainya 90. Merentikan kuat kuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat 91. Ahli-ahli yang tidak dapat hadir 92. Memakai Ahli sebagai Profesional 93. Orang-orang luar 94. Wakil-wakil akhbar 95. Ayat mengundang-undangkan Rang Undang-undang

Peraturan Mesyuarat	Kandungan
	<ul style="list-style-type: none"> 95a. Mengeluarkan Rang Undang-undang atau Risalat yang diembargo sebelum tarikh yang dinyatakan adalah perbuatan menghinakan 96. Mengeluarkan Rang Undang-undang dan pembetulan-pembetulan oleh Setiausaha 97. Belanja Saksi-saksi 98. Tafsir 99. Petua-Petua Tuan Yang di-Pertua 99a. Kegagalan mematuhi Peraturan-peraturan Mesyuarat tidak membatalkan perjalanan mesyuarat atau keputusan 100. Kuasa-kuasa dalam perkara lain




MEMANGGIL, MEMPROROG DAN MEMBUBARKAN PARLIMEN

Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Majlis Parlimen akan terbubar apabila cukup tempoh lima tahun atau Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen mengikut Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan. Perkara berkaitan pembubaran dan memanggil Parlimen adalah di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong melalui proklamasi membubar dan memanggil Majlis Parlimen. Setiap penggal Parlimen hendaklah diprorog atau diberhentikan mengikut Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan, secara amalnya seminggu sebelum penggal Parlimen yang baharu dipanggil bersidang.



Proklamasi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memanggil Majlis Parlimen bersidang untuk Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DEWAN RAKYAT



ISTIADAT PEMBUKAAN PARLIMEN

Istiadat Pembukaan Parlimen merupakan upacara rasmi yang menandakan bermulanya penggal Parlimen yang baharu dan lazimnya berlaku pada awal tahun. Istiadat Pembukaan Parlimen secara tradisinya akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dihadiri oleh Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, badan Eksekutif dan Kehakiman serta wakil-wakil duta besar negara luar.

Istiadat Pembukaan Parlimen ini amat signifikan kerana dalam majlis ini, Yang di-Pertuan Agong akan menyampaikan titah yang dipersembahkan oleh Perdana Menteri. Titah Diraja berkenaan dibacakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang memaklumkan dasar-dasar terdahulu dan perancangan Kerajaan yang disediakan oleh Jemaah Menteri

untuk penggal Parlimen yang bermula pada tahun berkenaan.

Perkara 60 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh bertitah dalam mana-mana Majlis Parlimen atau kedua-dua Majlis Parlimen secara bersekali. Titah berkenaan kemudiannya akan dibahaskan oleh Ahli-ahli Parlimen melalui Usul yang dicadangkan oleh seorang Ahli Parlimen dalam mesyuarat tersebut.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar melafazkan Titah Ucapan Diraja pada 26 Februari 2024.




Majlis Istiadat Pembukaan Parlimen Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 26 Februari 2024.



KEUNIKAN DEWAN RAKYAT

Dewan Rakyat dibahagikan kepada beberapa bahagian blok tempat duduk Ahli Parlimen. Ia terdiri daripada blok A, B, C, D, E, F, dan G. Blok A dan B dikhususkan untuk blok Eksekutif, manakala Blok C dan D ialah Ahli-ahli Parlimen Penyokong Kerajaan. Blok E ialah Blok Bebas diikuti Blok F dan G yang terdiri daripada Ahli Parlimen Pembangkang. Kedudukan Ahli Parlimen di dalam blok boleh berubah mengikut gabungan parti Blok Kerajaan di dalam Dewan Rakyat.



Pembahagian blok ini bertujuan bagi memudahkan undi belahbahagian. Setiap blok juga mempunyai seorang ketua penghitung yang terdiri daripada Ahli Parlimen yang dipertanggungjawabkan untuk menghitungkan undi belahbahagian.

PETUNJUK PELAN DEWAN RAKYAT

NO.	IKON	PERKARA
1		Kerusi Yang di-Pertua Dewan Rakyat
2		Tukul kayu (Gavel)
3		Buku Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
4		Meja Setiausaha Dewan
5		Jata Negara
6		Jam Dinding
7		Bendera Negeri
8		Tempat Duduk Ahli Parlimen
9		Kedudukan Kerusi Ahli Kabinet dan Ruang Khas Kabinet, Pegawai Kementerian dan Pegawai Khas Ahli-ahli Parlimen

NO.	IKON	PERKARA
10		Jata Negeri
11		Cokmar
12		Meja Bentara Mesyuarat
13		Meja Pelapor (Penyata Rasmi)
14		Galeri Awam
15		Bilik Teknikal
16		Bilik Jurubahasa
17		Antechamber
18		Kerawang
19		Permaidani



ITEM YANG TERDAPAT DI DALAM DEWAN RAKYAT

I.



PERKARA

- Kerusi Yang di-Pertua Dewan Rakyat

KETERANGAN

- Yang di-Pertua Dewan Rakyat duduk di hujung Dewan dengan ahli kerajaan di sebelah kanan YPDR manakala ahli pembangkang di kiri YPDR.
- Yang di-Pertua adalah Pengerusi (Presiding Officer) dan kuasa tertinggi di dalam Majlis dan beliau dipilih oleh Ahli-ahli Majlis. Yang di-Pertua bertanggungjawab menjaga ketertiban, mengendali perjalanan mesyuarat dan penguatkuasaan peraturan Majlis.

2.




PERKARA

- Tukul kayu (Gavel)

KETERANGAN

- Tukul kayu ialah penukul yang digunakan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat semasa persidangan dewan. Tukul kayu ini diperbuat daripada kayu biasanya dibentuk dengan pemegang.
- Ia boleh digunakan untuk menarik perhatian atau untuk menandakan ketetapan dan pengisytiharan, dan merupakan simbol kuasa dan hak untuk bertindak secara rasmi dalam kapasiti sebagai seorang Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

3.



PERKARA

- Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat

KETERANGAN

- Peraturan bertulis tetap yang mengandungi tatacara digunakan untuk menguruskan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat juga dipanggil “Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat” atau singkatannya “Peraturan Mesyuarat”.
- Sifat tetap peraturan yang terkandung di dalamnya bermaksud ia terus diguna pakai sehingga Majlis membuat keputusan untuk menggantung, mengubah atau memansuhkannya.
- Pada masa kini, terdapat 100 peruntukan di dalam Peraturan Mesyuarat, yang mana setiap satunya membentuk perintah dan peraturan berterusan bagi aturan perjalanan Majlis.

4.



PERKARA

- Meja Setiausaha Dewan

KETERANGAN

- Terletak di bahagian hadapan Dewan Rakyat, di hadapan kerusi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.
- Setiausaha Dewan adalah penasihat kepada yang di-Pertua dan Ahli-ahli berhubung dengan amalan dan tatacara di dalam Parlimen.
- Beliau bertanggungjawab membantu Yang di-Pertua dalam hal-hal berkaitan perjalanan di dalam Majlis Mesyuarat.

5.



PERKARA

- Jata Negara

KETERANGAN

- Jata Negara Malaysia merupakan lambang rasmi kerajaan Malaysia yang telah diperkenankan dan diwartakan buat pertama kali oleh Raja-Raja Melayu pada 30 Mei 1952.
- Reka bentuk Jata Negara telah direka oleh Jabatan Ukur dengan menggunakan enam warna. Jata Negara menunjukkan bintang pecah 14 menandakan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan.
- Bintang bersama-sama anak bulan pula sebagai lambang Agama Islam yang diangkat sebagai agama rasmi Malaysia. Lima bilah keris pula sebagai lambang Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.
- Bahagian sebelah kiri perisai yang berimej pokok pinang menandakan negeri Pulau Pinang dan bahagian sebelah kanan yang berimej dengan pokok Melaka mewakili negeri Melaka. Kedua-dua buah negeri tersebut adalah sebahagian daripada Negeri-Negeri Selat suatu ketika dahulu.
- Dalam empat jalur yang sama besarnya di bahagian tengah yang berwarna merah, hitam, putih dan kuning itu, warna-warna hitam dan putih mewakili warna negeri Pahang; merah dan kuning mewakili warna negeri Selangor; hitam, putih dan kuning mewakili warna negeri Perak; dan merah, hitam dan kuning mewakili warna Negeri Sembilan.
- Empat buah negeri ini adalah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang asal. Dua ekor harimau juga merupakan simbol keberanian, kegagahan dan kekuatan. Tiga bahagian di sebelah bawah itu menandakan negeri Sabah di sebelah kiri dan Sarawak di sebelah kanan.
- Di tengah-tengahnya ialah bunga raya yang merupakan Bunga Kebangsaan Malaysia. Cogan kata "Bersekutu Bertambah Mutu" ditulis dengan tulisan rumi di sebelah kiri dan tulisan jawi di sebelah kanan. Warna kuning pada awan-awan adalah warna Diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

6.



PERKARA

- Jam Dinding

KETERANGAN

- Jam dinding yang digunakan sepanjang perjalanan persidangan dewan.

7.



PERKARA

- Bendera Negeri

KETERANGAN

- Bendera negeri yang melambangkan perwakilan daripada setiap 13 negeri dan Wilayah Persekutuan.
- Bendera akan diatur mengikut susunan keutamaan negeri semasa.

8.



PERKARA

- Tempat duduk Ahli Parlimen

KETERANGAN

- Ruang yang ditetapkan untuk 222 Ahli Parlimen Dewan Rakyat semasa persidangan Parlimen.
- Di sebelah kanan Yang di-Pertua adalah blok Penyokong Kerajaan dan di sebelah kiri adalah blok Pembangkang.
- Dewan Rakyat dibahagikan kepada beberapa bahagian blok. Ia terdiri dari blok A, B, C, D, E, F, dan G. pembahagian blok ini adalah bagi tujuan belah bahagian. Setiap blok mempunyai seorang ketua yang akan dipertanggungjawabkan untuk menghitung undi belah bahagian yang dipanggil ketua penghitung.

9.



PERKARA

- Kedudukan kerusi pegawai kementerian yang bertugas

KETERANGAN

- Ruang yang dikhaskan bagi pegawai kementerian untuk duduk semasa Parlimen bersidang.

IO.



PERKARA

- Jata Negeri

KETERANGAN

- Jata negeri melambangkan perwakilan daripada setiap 13 negeri dan Wilayah Persekutuan.
- Lokasi Jata negeri berada di sebelah kiri dan kanan atas kawasan tempat duduk Ahli Parlimen di dalam dewan.

II.



PERKARA

- Cokmar

KETERANGAN

- Pada tahun 1952, Raja-Raja Melayu telah mengurniakan sebuah Cokmar kepada Majlis Perundangan Persekutuan.
- Cokmar Dewan Rakyat berukuran empat kaki dan diperbuat daripda perak, emas dan kayu tempatan.
- Di kepala cokmar terdapat sebuah bongkol besar dihiasi dengan lambang sembilan buah negeri Persekutuan dan dua buah negeri Selat, dan empat kepala harimau pada batil cokmar.
- Hasil-hasil utama negara seperti kepingan kecil getah, bijih timah serta padi ditempatkan pada pangkal cokmar.

12.



PERKARA

- Meja Bentara Mesyuarat

KETERANGAN

- Lokasinya terletak berhadapan dengan meja Setiausaha Dewan Rakyat.
- Bentara Mesyuarat bertugas membantu Yang di-Pertua atau Pengerusi Jawatankuasa mengekalkan ketenteraman Majlis dalam kalangan Ahli dan di dalam galeri.
- Dalam mana-mana mesyuarat Majlis atau Jawatankuasa, Bentara Mesyuarat diberi kuasa untuk menahan mana-mana orang luar yang melakukan kesalahan atau enggan beredar dari kamar atau galeri.
- Bentara juga adalah penjaga Cokmar dan menjalankan tugas istiadat sebagai pembawa Cokmar semasa perarakan Tuan Yang di-Pertua masuk dan keluar Dewan.

Kerusi Khas Bentara

- Kedudukan kerusi Bentara terletak di penjuru Dewan Rakyat.
- Bentara bertanggungjawab menjaga ketenteraman di dalam Dewan. Beliau bertindak atas arahan Tuan Yang di-Pertua dan boleh menyingkirkan sesiapa jua dari Dewan, jika diperintahkan.

13.



PERKARA

- Meja Pelapor (Penyata Rasmi)

KETERANGAN

- Sepanjang Majlis Mesyuarat berlangsung, setiap aturan Mesyuarat adalah dirakam dengan menggunakan perakam audio digital.
- Pelapor turut akan mencatat secara bertulis. Catatan ini perlu dilakukan bagi memastikan setiap celahan yang tidak dapat direkod oleh perakam audio digital boleh dimasukkan ke dalam Penyata Rasmi.
- Kesemua perbahasan dalam Majlis dan Jawatankuasa Majlis yang direkodkan dalam Penyata Rasmi disediakan bawah penyeliaan Setiausaha.
- Penyata-penyata ini seterusnya disediakan dan diserahkan kepada Ahli-ahli untuk pembetulan sebelum diterbitkan.
- Ahli-ahli hanya boleh membuat pembetulan kecil ke atas apa yang mereka sebut seperti yang dilaporkan dan tidak boleh mengubah makna atau isi ucapan mereka. Jika mereka mahu membuat perubahan besar, mereka perlu mendapatkan kelulusan Yang di-Pertua.

14.



PERKARA

- Galeri Awam

KETERANGAN

- Ruang khas yang disediakan untuk orang awam menyaksikan persidangan Dewan Rakyat.

15.



PERKARA

- Bilik Kawalan

KETERANGAN

- Bilik kawalan di dalam Dewan Rakyat mempunyai peranan yang amat penting bagi memastikan kelancaran sidang Parlimen. Ia merupakan pusat operasi teknikal yang mengendalikan pelbagai aspek sokongan teknikal dan audio-visual sepanjang persidangan berlangsung.

16.



PERKARA

- Bilik Jurubahasa

KETERANGAN

- Jurubahasa Serentak akan menterjemahkan apa yang diucapkan oleh Ahli Dewan dalam masa sebenar.
- Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Melayu.
- Apabila pelawat luar negara hadir untuk mengikuti perbahasan yang berlangsung, perkhidmatan terjemahan serentak disediakan oleh Jurubahasa Serentak bagi menterjemah Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris.

17.



PERKARA

- *Antechamber*

KETERANGAN

- Bilik ini merupakan ruang pejabat bagi Yang di-Pertua Dewan Negara semasa persidangan sedang berlangsung.

18.




PERKARA

- Kerawang

KETERANGAN

- Kerawang di dalam Dewan Rakyat merujuk kepada hiasan ukiran tradisional Melayu yang terdapat pada dinding, pintu, panel kayu, serta perabot di dalam dewan tersebut. Kerawang bukan sekadar hiasan semata-mata, tetapi mengandungi nilai simbolik dan estetika yang tinggi.

19.



PERKARA

- Permaidani

KETERANGAN

- Dewan Rakyat menggunakan permaidani berwarna biru selaras dengan warna rasmi Dewan Rakyat.

JUBAH RASMI YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

PENGENALAN



*YB Tan Sri Haji Mohamed Noah bin Omar
memakai jubah rasmi YPDR*



*YB Tan Sri Datuk Dr. Syed Nasir bin Ismail
memakai songkok dengan jubah rasmi YPDR*

Pemakaian jubah istiadat rasmi Yang di-Pertua Dewan Rakyat (YPDR) telah mengalami beberapa evolusi dari pengaruh kolonial kepada pakaian rasmi yang lebih mencerminkan identiti Malaysia. Pada permulaan penubuhan Parlimen, jubah istiadat rasmi YPDR mempunyai unsur-unsur dari sistem Parlimen British. Jubah istiadat yang dipakai ketika pembukaan Parlimen merangkumi jubah hitam, lapel bersulam, sarung tangan putih dan memakai wig.


Pada tahun 1970-an hingga tahun 1980-an, pemakaian jubah istiadat YPDR diterapkan dengan identiti tempatan mencerminkan unsur kemuliaan dan tradisi Melayu. Pemakaian wig telah digantikan dengan pemakaian songkok semasa era Tan Sri Datuk Dr. Syed Nasir bin Ismail sebagai YPDR pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Kelima pada tanggal 31 Julai 1978.



Reka bentuk jubah yang dipakai oleh Speaker Majlis Perundangan Persekutuan sebelum penubuhan Parlimen Malaysia.

Pada tahun 1990-an hingga kini adalah era penyempurnaan identiti Malaysia pada jubah di mana perubahan jubah istiadat YPDR dalam rekaan menekankan kepada sulaman emas yang lebih kompleks pada bahagian lengan dan hadapan jubah. Rekaan moden lebih selesa tetapi masih mengekalkan unsur rasmi dan tradisional serta elemen tempatan seperti songkok dan corak emas yang menjadikannya lebih baik. Ia bukan sekadar pakaian rasmi, tetapi juga simbol keberkecualian dan kebijaksanaan YPDR dalam mengawal perjalanan persidangan Dewan Rakyat.

EVOLUSI REKAAN JUBAH ISTIADAT YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT




Rekaan Lambang Melintang

Rekaan Lambang Menegak

Cokmar Dewan Rakyat

Pandangan hadapan

Pandangan belakang



Rekaan Jubah istiadat ini mempunyai lambang melintang dan lambang menegak di kedua-dua belah tangan yang bermotifkan rekaan Bunga Raya berdaun dan berakar. Rekaan lambang di bahu kiri dan kanan juga mempamerkan rekaan tiga kuntum Bunga Raya yang berdaun dan berakar, manakala bahagian lapel diolah menggunakan songket tenunan mesin juga mempunyai motif rekaan Bunga Raya berdaun dan berakar.



REKAAN JUBAH ISTIADAT YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT TERKINI



Pandangan hadapan



Pandangan belakang



Pandangan sisi (bahagian lengan)

Pada tahun 2021, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) telah dipertanggungjawabkan bagi menghasilkan rekaan ragam hias baharu pada jubah istiadat rasmi YPDR yang mempunyai ciri dan motif tempatan. Kraftangan Malaysia merupakan agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berperanan untuk membangunkan industri kraf di samping memelihara seni kraf warisan negara.

Akhirnya, rekaan ragam hias baharu pada jubah istiadat dihasilkan dengan menggunakan elemen produk kraf berasaskan motif reka corak yang diadaptasi daripada nilai-nilai budaya masyarakat di Malaysia. Kraftangan Malaysia telah mengilhamkan motif rekaan pada bahagian lengan kiri dan kanan jubah istiadat. Jubah rekaan baharu YPDR digunakan semasa sidang Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Keempat Belas yang bermula pada 25 Oktober 2021.

Pada tahun 2023, Kraftangan Malaysia sekali lagi telah diberi kepercayaan untuk menghasilkan jubah yang sama untuk Yang di-Pertua Dewan Rakyat ke-11 iaitu YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul berserta Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan menggunakan motif hiasan yang sama.



Jubah terkini Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang dipakai oleh YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul

INSPIRASI REKAAN

Rekaan ini dihasilkan melalui inspirasi lima kelopak pada bunga raya yang menjadi lambang kepada lima prinsip Rukun Negara. Rekaan ini juga menggambarkan asas pegangan perpaduan rakyat Malaysia yang diserikan dengan kepelbagaian warna, bentuk dan bunga raya yang menjadi lambang kekuatan masyarakat daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya.



Selain daripada motif bunga raya, Kraftangan Malaysia juga menggunakan kombinasi aneka teknik tradisi dalam penghasilan busana tempatan seperti tekatan benang emas dan tekat gubah untuk menyerlahkan keistimewaan identiti dan seni kraf tekstil di Malaysia. Inspirasi rekaan ini telah digunakan dalam menghasilkan hiasan utama di bahagian lengan kedua-dua bahu, lambang melintang dan lambang menegak bawah lengan jubah dengan menggunakan bahan benang emas dan fabrik baldu.

Bahagian lapel jubah mempunyai rekaan bermotifkan pucuk rebung dan bunga raya yang dihasilkan dengan teknik sulaman *double stitching* tenunan songket yang ditenun menggunakan mesin diperbuat daripada benang polyester emas.



Tiga bunga raya rekaan hiasan utama di bahagian tepi bahu lengan.

PENERANGAN REKA LETAK DAN BENTUK JUBAH SERTA AKSESORI

Jubah Rasmi Yang di-Pertua turut dipadankan dengan songkok, seluar berjalur, kolar jabot, sarung tangan putih dan *lace cuffs*.

SONGKOK

Songkok yang dipadankan dengan jubah rasmi Yang di-Pertua Dewan Rakyat mempunyai jata negara dan riben berwarna biru muda.



Songkok yang dipadankan dengan jubah rasmi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

SELUAR DAN KASUT

Padanan seluar bagi jubah rasmi Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah seluar panjang berwarna hitam serta berjalur menegak halus. Tiada corak atau motif spesifik pada padanan seluar. Manakala, bagi padanan kasut pula, tiada ciri-ciri spesifik melainkan kasut bertutup penuh berwarna hitam.

Seluar berjalur ini selalunya dipadankan ketika pemakaian jubah penuh di acara Conference of Speakers and Presiding Officers of the Commonwealth.



KOLAR JABOT DAN LACE CUFFS

Jubah rasmi Yang di-Pertua Dewan Rakyat turut dipadankan dengan kolar jabot di leher dan *lace cuffs* di bahagian lengan. Materialnya diperbuat daripada kain satin dan renda yang sama. Corak renda bagi kolar jabot dan *lace cuffs* bagi jubah Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah berlainan dengan Yang di-Pertua Dewan Negara.



Kolar jabot, sarung tangan dan lace cuffs yang dipadankan dengan jubah Yang di-Pertua Dewan Rakyat



Secara umumnya pemakaian pingat-pingat anugerah kebesaran perlu disematkan pada panel bersulam jubah rasmi YPDR dan TYPDR seperti gambar di atas.



Sulaman cokmar yang terdapat pada jubah Yang di-Pertua Dewan Rakyat diilhamkan daripada cokmar Dewan Rakyat.

AKSESORI PAKAIAN BAGI JUBAH TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Padanan aksesori bersama dengan Jubah Rasmi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (TYPDR) ialah songkok untuk YB Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor manakala beret untuk YB Puan Alice Lau Kiong Yieng. Selain dari itu, padanan aksesori termasuk sarung tangan putih, *lace cuffs* dan kolar jabot sama seperti Yang di-Pertua Dewan Rakyat.



Beret untuk pemakaian kepala wanita yang dipakai oleh Timbalan Yang di-Pertua YB Puan Alice Lau Kiong Yieng

PERBEZAAN JUBAH ISTIADAT YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT DAN JUBAH TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Dari segi perbezaan di antara Jubah Yang di-Pertua dan juga Jubah Timbalan Yang di-Pertua adalah di bahagian lengan kiri dan kanan jubah. Jubah Yang di-Pertua mempunyai enam lambang melintang disusun dalam tiga baris dan lima lambang menegak. Manakala, Jubah Timbalan Yang di-Pertua hanya mempunyai empat lambang melintang disusun dalam dua baris dan empat lambang menegak.

**JUBAH YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT**

**JUBAH TIMBALAN
YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT**



LAMBANG MELINTANG:

Jubah YPDR mempunyai enam lambang melintang manakala jubah istiadat TYDPR mempunyai empat lambang sahaja



LAMBANG MENEGAK :

Jubah istiadat YPDR mempunyai lima lambang menegak manakala jubah istiadat TYDPR mempunyai empat lambang sahaja.



ANATOMI PENUH JUBAH ISTIADAT YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT



RUMUSAN DEWAN RAKYAT



1

Pengenalan kepada Dewan Rakyat

- Yang di-Pertua Dewan Rakyat merupakan figura penting di dalam Majlis Parlimen. Jawatan tersebut diperuntukkan di bawah Perkara 57(1) Perlembagaan Persekutuan.
- Dewan Rakyat hendaklah dari semasa ke semasa memilih Yang di-Pertua Dewan Rakyat sama ada seseorang yang terdiri daripada Ahli Dewan Rakyat atau sesiapa yang layak dipilih untuk dilantik ke jawatan tersebut.

2

Yang di-Pertua Dewan Rakyat

- Proses pemilihan ini boleh dirujuk dalam Perkara 57(1) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 4 bagi Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
- Cadangan calon YPDR dipilih oleh Ahli Dewan dan hendaklah dimaklumkan sekurang-kurangnya 2 hari sebelum mesyuarat.
- YPDR merupakan Ketua Parlimen dan Jurucakap bagi Parlimen.
- YPDR menjalankan tugas sebagai Ketua Jawatankuasa-jawatankuasa Pemilihan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

- Perkara 57(1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa setiap Ahli Majlis Parlimen hendaklah memilih dua orang TYPDR dari kalangan Ahli Dewan Rakyat.
- Peranan utama TYPDR adalah untuk membantu YPDR dan menguruskan persidangan secara bergilir-gilir dan semasa ketiadaan YPDR.

3

Setiausaha Dewan Rakyat

- Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR) dikenali sebagai *Clerk of the House* dalam konteks Commonwealth.
- SUDR bertanggungjawab dalam pengurusan Dewan Rakyat, membantu dan memberi nasihat kepada YPDR dan Ahli-ahli Parlimen mengenai urusan Dewan Rakyat.

4

Evolusi Dewan Rakyat

- Majlis Parlimen boleh ditonton di televisyen, dokumentasinya boleh diakses secara digital dan sistem penghantaran pertanyaan Ahli Dewan ditambah baik.
- Kamar Khas diwujudkan pada tahun 2016 bagi urusan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17 dan Peraturan Mesyuarat 18.
- Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri diadakan setiap hari Selasa dan Khamis.

5

- Sistem Jawatankuasa Pilihan telah dilaksanakan pada tahun 2018 di mana 10 Jawatankuasa Pilihan Khas telah ditubuhkan.
- Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia telah diwujudkan pada 2018 dan dianggotai oleh Ahli Parlimen, ahli-ahli akademik dan penyelidik.

Aturan Urusan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat

- Aturan Urusan Mesyuarat merujuk kepada Aturan semua Urusan pada satu-satu hari Persidangan seperti yang termaktub dalam perkara 14 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

7

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat

- Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat ini dibuat oleh Dewan Rakyat menurut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan.
- Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat digunakan sebagai panduan penting dalam Urusan Mesyuarat, Peraturan-peraturan berbahas dan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan.

6

Keunikan Dewan Rakyat

- Item-item dalam Dewan Rakyat mencerminkan keunikan sistem Parlimen di Malaysia terutamanya cokmar.
- Tanpa cokmar tiada keabsahan bagi Dewan Rakyat dan persidangan tidak dapat dijalankan.

8

Jubah Yang di-Pertua Dewan Rakyat

- Jubah YPDR telah mengalami evolusi selaras dengan keunikan nilai-nilai tempatan dan perkembangan semasa.

9





*G*ALERI




















Istiadat Pembukaan Penggal Pertama, Majlis Parlimen Yang Pertama, oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Pertama, bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman, Bangunan Parlimen, Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 11 September 1959





Suasana dalam dewan semasa
Majlis Mesyuarat Persidangan
Parlimen Pertama
pada 11 September 1959











YB Tuan Haji Mohamed Noah bin Omar (kanan) mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang pertama pada 11 September 1959

Bibliografi

Charles. (1777). *Complete Works*.

De, C., Cohler, A. M., Basia Carolyn Miller, & Harold Samuel Stone. (1989). *The spirit of the laws*. Cambridge University Press.

Mahadzir Syed Ibrahim, Syed. (2007). *Parlimen Malaysia*. Cooray's House of Publications.

Malaysia. (1968). *Parlimen Malaysia : Houses of Parliament Malaysia*. Kuala Lumpur.

Malaysia. Parlimen. Dewan Rakyat, & Malaysia. Parlimen. (2010). *Ensiklopedia Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat : Parlimen kesembilan penggal keempat 1998 = Encyclopedia of Hansard : lower house : ninth parliament fourth session 1998*. Kuala Lumpur Yayasan Pembangunan Buku Negara.

Wan. (2014). *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salleh, M. (1989). *Parlimen Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rais Yatim. (1995). *Freedom Under Executive Power in Malaysia*.

Mohamad, & Khalid, R. M. (2020). *Jawatankuasa Parlimen*.

Abdullah, R., Adnan, A., Tam, A., Maslan, M. L., Mohamad, M., Mohd, Roslan, N., Mohd Firdaus A.J, & Muhammad, T. (). *Parliament of Malaysia*.

Portal Rasmi Parlimen Malaysia. www.parlimen.gov.my. <https://www.parlimen.gov.my/>.

Parlimen Malaysia. (2019). *Penerangan.gov.my*. https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/parlimen_malaysia_2019/mobile/index.html#p=1.

Parlimen Malaysia. (2022). *Parlimen Malaysia: Tonggak Demokrasi dan Legislatif Negara* (Kuala Lumpur, Parlimen Malaysia).

Parlimen Malaysia. (2023). *Yang di-Pertua Dewan Negara ke 18 Parlimen Malaysia*.

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan : mengandongi semua pindaan hingga 1hb. Jun, 1970

Perlembagaan Persekutuan. (1970). Jabatan Cetak Kerajaan.

A tall, modern building with a grid of windows and a large rock sculpture in the foreground. The building has a distinctive facade with a grid of windows. In the foreground, there is a large, abstract rock sculpture. Several flagpoles with flags are visible in the background. The sky is overcast.

*S*EKALUNG
PENGHARGAAN



- 
- ▣ Arkib Negara Malaysia
 - ▣ Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
 - ▣ Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
 - ▣ Jabatan Muzium Malaysia
 - ▣ Jabatan Penerangan Malaysia
 - ▣ Jabatan Kerja Raya
 - ▣ Perpustakaan Negara Malaysia
 - ▣ Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)







Unit Manager

BITARA PARLIMEN

DEWAN NEGARA & DEWAN RAKYAT

Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berpalimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong sebagai Ketua Negara.

Perlembagaan Persekutuan telah digubal dengan mengadakan syarat-syarat sedemikian untuk membolehkan pelaksanaan sistem ini, Salah satu kriteria sistem Demokrasi Berpalimen ialah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian dalam pemerintahan, iaitu Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif (Pentadbiran).

